

UNSUR NILAI DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF
LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU,
KELANTAN: SATU PENGAPLIKASIAN TEORI
PENGKAEDAHAN MELAYU* OLEH HASHIM AWANG
(1989)

EIFFA YUHANIS BINTI ROSLAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UNSUR NILAI DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF
LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU,
KELANTAN: SATU PENGAPLIKASIAN TEORI
PENGKAEDAHAN MELAYU OLEH HASHIM AWANG
(1989)*

EIFFA YUHANIS BINTI ROSLAN

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh sehingga

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.


Tandatangan

Eiffa Yuhanis Binti Roslan

C18A0059

Tarikh : 22-2-2022


Tandatangan

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob

Tarikh : 28/2/2022

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT dengan limpah dan izin-Nya, maka telah sempurna kajian ini dengan jayanya. In sha'Allah, kajian ini akan memberi manfaat kepada saya dari segi pengetahuan dan juga pengalaman yang diperoleh sepanjang pelaksanaan kajian dan pada masa akan datang.

Saya, Eiffa Yuhanis binti Roslan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis saya iaitu Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob yang telah membimbing dan berkongsi ilmu sejak kajian ini bermula sekali sehingga kajian ini disudahkan dengan baik. Selain itu, banyak-banyak terima kasih juga diucapkan kerana tidak jemu-jemu memberi sokongan moral serta mempercayai akan keupayaan saya untuk menjalankan kajian ini.

Tidak dilupakan juga rasa syukur dikurniakan ibu dan ayah yang hebat di samping sentiasa menyokong dari sudut fizikal serta mental sepanjang menjayakan kajian. Tanpa kata-kata dorongan yang sering dibisikkan sebagai pemangkin semangat mana mampu kajian ini disempurnakan dengan sempurna. Turut menghargai dengan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan kerana setia di sisi dengan memberi semangat sesekali turut menyumbang buah fikiran serta cadangan ketika diperlukan.

Sesungguhnya, segala jaga dan pengorbanan yang dihulur oleh semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung amat saya hargai dan semoga Allah SWT membalas jasa kalian dengan sebaik-baik balasan.

Sekian, terima kasih.

Nama : Eiffa Yuhanis Binti Roslan
Alamat : PTD 8933 Jalan Muharam,
Generasi Kedua, Felda Sungai Sayong,
81000, Kulai, Johor.
No. Tel : 019-7348419
Email : eiffa.c18a0059@siswa.umk.edu

JADUAL KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI CARTA	v
SENARAI JADUAL	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
Bab 1 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Batasan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Definisi Operasional	
1.7.1 Unsur Nilai	13
1.7.2 Nilai	14
1.7.3 Naratif Lisan	16
1.7.4 Budaya	17
1.8 Organisasi Kajian	18
1.9 Penutup	19
Bab 2 Sorotan Kajian	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Pengkajian Naratif Lisan di Malaysia	20
2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Meayu dalam Karya Sastera	40
2.4 Penutup	49
Bab 3 Metodologi Kajian	
3.1 Pengenalan	50
3.2 Rekabentuk Kajian	50
3.3 Kaedah Kajian	
3.3.1 Kajian Kepustakaan	51
3.3.2 Rujukan Teks atau Dokumen	51
3.4 Teori Pengkaedahan Melayu	52
3.4.1 Pengkaedahan Alamiah	53
a) Pendekatan Gunaan	55
b) Pendekatan Moral	55
c) Pendekatan Firasat	56
3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan	57
a) Pendekatan Dakwah	57
b) Pendekatan Kemasyarakatan	58
c) Pendekatan Seni	59
3.5 Kerangka Konseptual	60
3.6 Penutup	61

Bab 4	Analisis Dan Dapatan Kajian	
4.1	Pengenalan	62
4.2	Nilai Baik Hati	63
4.3	Nilai Berdikari	68
4.4	Nilai Kerajinan	72
4.5	Nilai Rasional	78
4.6	Nilai Toleransi	82
4.7	Nilai Hormat-Menghormati	86
4.8	Nilai Keadilan	93
4.9	Nilai Kejujuran	95
4.10	Nilai Kesederhanaan	100
4.11	Penutup	103
Bab 5	Rumusan, Cadangan dan Penutup	
5.1	Pengenalan	104
5.2	Rumusan	105
5.3	Cadangan	114
5.4	Penutup	122
	Bibliografi	123
	Biodata Penulis	129

Senarai Carta

Carta 1	: Teori Pengkaedahan Melayu
Carta 2	: Jenis Pengkaedahan Alamiah
Carta 3	: Jenis Pengkaedahan Keagamaan
Carta 4	: Kerangka Konseptual

Halaman	53
	54
	57
	60



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Senarai Jadual

	Halaman
Jadual 1 : Senarai Tajuk Cerita	8
Jadual 2 : Ciri-Ciri Pendekatan Gunaan	55
Jadual 3 : Ciri-Ciri Pendekatan Moral	55
Jadual 4 : Ciri-Ciri Pendekatan Firasat	56
Jadual 5 : Ciri-Ciri Pendekatan Dakwah	58
Jadual 6 : Ciri-Ciri Pendekatan Kemasyarakatan	58
Jadual 7 : Ciri-Ciri Pendekatan Seni	59



Unsur Nilai Dalam Teks *Seuntai*an Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan
Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu
Oleh Hashim Awang (1989)

ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian cerita rakyat yang menjalankan penelitian terperinci terhadap unsur nilai yang terkandung di dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Hal ini demikian kerana cerita rakyat adalah salah satu media pendidikan yang boleh dimanfaatkan sebagai acuan dalam pembentukan kebudayaan masyarakat yang progresif. Disampaikan melalui lisan dengan segala perisian yang padat dan sarat dengan kepelbagaian unsur nilai yang boleh digarap menerusi cerita rakyat Melayu terpilih. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengisi kelompongan kajian-kajian lepas yang lebih berfokuskan kepada aspek nilai dan moral dalam cerita-cerita rakyat tanpa mengetengahkan teks *Seuntai*an Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur nilai berdasarkan teks *Seuntai*an Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan terdapat kebudayaan masyarakat Melayu. Namun begitu, pengkaji telah membataskan kepada 20 cerita rakyat Melayu terpilih. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara kepustakaan dan analisis teks. Teori pengkaedahan Melayu turut diaplikasikan bagi tujuan pengukuhan. Bahkan ia turut menerapkan pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah. Hasil analisis membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu tidak dinafikan sarat dengan pengajaran bahkan padat dengan nilai-nilai yang mempamerkan kebudayaan masyarakat Melayu yang telah menjadi norma kehidupan sejak sekian lama, dalam pada itu menjadi wadah dalam pembentukan insaniah dan sahsiah yang bermanfaat.

Kata Kunci : Nilai, Cerita Rakyat, Budaya, Masyarakat, Teori Pengkaedahan Melayu, Teks *Seuntai*an Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Elements Of Value In The Text Of *A Strand Of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan: An Application Of Malay Methodological Theory*
By Hashim Awang (1989)

ABSTRACT

This research was conducted to identify elements of moral in Malay folklore. Folklore said to be one of a medium of education that can help cultivating a progressive masses. This research will help in perfecting previous researches by focusing on elements of moral by highlighting the content contained in the text of *A Strand Of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. Therefore, this research will identify and analysis the value and moral contained in the chooses text. To ensure this research is relevant, Malay methodological theory is also applied for the purpose of strengthening. In fact, the moral, the community and the da'wah approach was applied. The result of the analysis found that Malay folklore was rich with a lot of positive moral values that can be used to educate the people. It also portray the Malay culture that has been part of our norm of life for generations.

Key Words: Values, Folklore, Culture, Society, Malay Methodology Theory, *A Strand Of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan didefinisikan oleh Ali Ahmad (1997) sebagai sesuatu yang dikaitkan dengan latar belakang sastera itu sendiri. Hal ini demikian kerana kesusasteraan merupakan cabang seni yang mampu menjadi terapi kepada intelek kerana adanya unsur estetika. Tambahan lagi, kesusasteraan ini terbahagi kepada empat unsur untuk mudah difahami dan dihayati iaitu dengan melihat kepada unsur intelek, emosi, imaginasi dan teknik penyampaian.

Seperti sedia maklum kesusasteraan telah wujud sejak dahulu lagi dan karya terdahulu dikategorikan sebagai sastera tradisional, manakala dek kerana peredaran semasa maka muncullah karya-karya kini yang diklasifikasikan sebagai sastera moden. Dalam pada itu pemilihan jalan cerita dan kaedah penyampaian yang digunapakai juga memainkan peranan dalam memaparkan nilai estetika karya. Hal ini demikian kerana sastera rakyat adalah karya sepenuhnya yang dihasilkan oleh golongan rakyat. Selain itu, kewujudan sastera rakyat dalam kalangan masyarakat Melayu telah berlaku sejak sekian lama di mana ia wujud sedang mereka tidak mengenali sistem tulisan. Disebabkan itu sistem lisan digunakan meskipun gubahan jalan cerita sentiasa berubah-ubah kerana adanya aspek tokok-tambah. Meskipun begitu, kaedah lisan dianggap sebagai sesuatu yang hebat dan luar biasa suatu ketika dahulu. Justeru itu, masyarakat Melayu dikenali sebagai masyarakat kerana berupaya berfikir secara kritis dan kreatif dalam menghasilkan satu-satu karya. Selain daripada medium hiburan, sastera rakyat juga dianggap sebagai *platform* untuk mengembangkan tradisi. Oleh itu, setiap satu tradisi yang wujud dapat dikekalkan dan akhirnya dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.

Naratif merupakan sebahagian daripada prosa tradisional yang berkembang ke seluruh masyarakat melalui lisan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kemunculan naratif lisan suatu ketika dahulu di kalangan masyarakat yang masih mengamalkan kehidupan tradisional, selain daripada tidak mempunyai kemudahan teknologi naratif lisan ini juga terikat dan bersifat kolektif. Sungguhpun, masa dan zaman mengalami perubahan daripada lisan kepada tulisan namun tradisi lisan yang masih teguh dan hidup di dalamnya kerana penyebaran karya-karya naratif lisan sama ada daripada cerita rakyat, mitos mahupun legenda ini bukan hanya cerita semata-mata malahan kepelbagaian unsur nilai turut terkandung. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) masyarakat Melayu bukan sahaja kaya dengan adab dan adat bahkan dengan kepelbagaian budaya yang secara tidak langsung menjadi alat kawalan sosial dalam pembentukan insaniah seseorang insan. Jelaslah bahawa naratif lisan mempunyai peranan tersendiri yang mampu untuk menjadi medium pemupukan unsur nilai dalam pembangunan modal insan yang bermoral.

Tambahan pula, naratif lisan adalah karya tertua dalam bidang kesusasteraan yang dicipta sejak dahulu. Cerita rakyat menurut Murti Bunanta (1998) menyatakan bahawa karya sastera dari masyarakat primitif yang masih belum mengenal tulisan. Utley (1965) menyifatkan bahawa cerita rakyat sebagai penyampaian bercorak lisan yang dituturkan. Selain itu, Othman Puteh (1984) menyatakan bahawa cerita rakyat kebanyakan cerita yang berlaku dan dilalui dan dipengaruhi oleh persekitaran dengan kebudayaan masyarakat ketika itu. Menurutnya lagi, tiap cerita rakyat yang dihasilkan semestinya merangkumi pengajaran, nilai murni, unsur hiburan dan lain-lain. Secara rumusan, cerita rakyat ini adalah sebuah cerita yang disampaikan melalui pertuturan bergantung dengan persekitaran yang menjadi intipati dalam penghasilan cerita rakyat.

Seterusnya, nilai menurut Jules Henry (1975) adalah sesuatu yang dianggap baik dan memberi kebaikan seperti kasih sayang, tolong-menolong, segala kelakuan yang melibatkan kejujuran dan sebagainya. Lain pula kata Redfield (1953) yang berpendapat bahawa nilai mempunyai konsep tersendiri yang menggambarkan sifat dan sikap seseorang individu mahupun sesebuah kelompok masyarakat yang dipamerkan melalui ragam. Manakala, nilai menurut Azwani Masuwai (2018: 44) boleh dikaitkan dengan kepercayaan yang mempengaruhi dalam memutuskan sesuatu keputusan, mengendalikan sesebuah program mahupun kendalikan diri sendiri. Secara ringkasnya, nilai merujuk kepada pegangan yang baik sekali gus membentuk proses interaktif antara manusia dengan suntingan nilai-nilai kebaikan.

Kesimpulannya, penghasilan satu-satu karya yang sarat terkandung dengan kepelbagaian unsur nilai bukan sahaja mampu untuk merealisasikan misi negara dalam menyiapkan waris bangsa yang bertamadun dan berkaliber bahkan budaya masyarakat yang mempunyai pegangan utuh dalam agama Islam terutamanya. Nilai murni yang di praktik dalam kehidupan sehari-hari juga melambangkan diri sendiri dari segi pertuturan, perbuatan, dan pemikiran. Oleh itu, secara tidak langsung membangunkan budaya serba boleh dalam kalangan masyarakat.

1.2 Penyataan Masalah

Masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan cerita rakyat yang padat dengan nilai-nilai murni dan ini dibuktikan melalui pengkajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan dengan sebarang kajian nilai murni yang digarap menerusi sastera rakyat Melayu. Justeru, pengkaji ingin menjalankan kajian terhadap teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* memandangkan teks tersebut adalah terbitan terbaru maka pengkaji mendapati tiada sebarang kajian mengenai unsur nilai yang dijalankan terhadap teks tersebut. Kajian dijalankan adalah dengan menyoroti kajian-kajian yang telah dihasilkan sebelumnya mengenai nilai-nilai murni antaranya berdasarkan cerita rakyat Melayu. Namun, kajian ini menunjukkan sedikit kelainan apabila pengkaji menjalankan kajian terhadap cerita rakyat Melayu dengan meneliti dan memperincikan unsur nilai serta dikaitkan dengan kebudayaan masyarakat Melayu.

Antara kajian yang disoroti telah melakukan kajian berkaitan unsur adalah seperti kajian yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) iaitu *Nilai-nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Lagi, kajian yang dijalankan oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017) iaitu *Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan*. Selain itu, pengkajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018) iaitu *Fenomena Sosial Dalam Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur*. Seterusnya, kajian oleh Abdul Wahid (2018) iaitu *Dakwah Dalam Pendekatan Nilai-Nilai Lokal*. Serta kajian yang dijalankan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dengan tajuk kajian *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan*. Lagi berkenaan kajian lepas oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Muhammad Nur Al Hakim Mohamad Hanafiah (2020) iaitu *Faktor dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel*

Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. Dalam pada itu, kajian mengenai pendekatan kemasyarakatan yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) bertajuk *Analisis Aspek Kemasyarakatan Melalui Pemikiran A. Samad Said Dalam Novel Daerah Zeni Dan Hujan Pagi*. Tambahan lagi, kajian yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) bertajuk *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu*. Menerusi kajian Mansor Sulaiman (2021) iaitu *Pengaruh Persekitaran Terhadap Pembentukan Akhlak Pembina Tamadun*. Dan terakhir, kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) iaitu *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang*.

Walau bagaimanapun setelah meneliti dan menyoroti kajian-kajian para sarjana, pengkaji mendapati kajian yang dilakukan kebanyakannya memfokuskan kepada nilai murni, nilai moral, nilai budaya, nilai-nilai kemanusiaan dan nilai Islam. Lantaran itu, pengkaji memilih kajian unsur nilai dengan memperincikan terhadap kebudayaan masyarakat berdasarkan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* adalah disebabkan pengkaji ingin meluaskan pengkajian tentang unsur nilai yang dikaitkan dengan pembentukan kebudayaan masyarakat berdasarkan cerita rakyat Melayu. Memandangkan teks ini adalah teks yang baru diterbitkan maka dengan menjalankan kajian mengenai unsur nilai ini pengkaji dapat mengisi kelompongan kajian-kajian lepas yang lebih memfokuskan terhadap aspek nilai dan moral dalam cerita-cerita rakyat dengan mengetengahkan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kesimpulannya, pengkajian dijalankan sebagai salah satu usaha untuk membuktikan bahawa adanya unsur nilai dalam teks tersebut seperti nilai baik hati, nilai berdikari, nilai kerajinan, nilai rasional, nilai toleransi, nilai hormat-menghormati, nilai keadilan, nilai kejujuran, dan nilai kesederhanaan. Hasil daripada permasalahan yang dinyatakan, wajarlah satu kajian penyelidikan unsur nilai terhadapnya dijalankan.

1.3 Persoalan Kajian

- i. Apakah unsur nilai yang terkandung dalam teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ?
- ii. Bagaimanakah unsur nilai yang terkandung dalam teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dapat memberi kesan kepada kebudayaan masyarakat Melayu ?

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti unsur nilai yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.
- ii. Menganalisis kesan unsur nilai yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* terdapat kebudayaan masyarakat Melayu.

1.5 Batasan Kajian

Kajian dijalankan berdasarkan kepada dua objektif. Pengkajian ini turut dihadkan kepada cerita rakyat. Bagi memastikan kajian ini tercapai, maka pengkaji membataskan kajian ini dengan mengkaji teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* kerana ia berpadanan dengan tujuan untuk menghurai serta mengkaji kesan kebudayaan masyarakat Melayu yang boleh diperolehi daripada cerita-cerita rakyat terpilih. Seterusnya, kajian ini dibataskan kepada cerita asal usul, cerita mistik, dan cerita tokoh sahaja iaitu:

Bil	Tajuk	Jenis Cerita
1.	<i>Asal Usul Datu</i>	Asal Usul
	<i>Asal Usul Wakaf Aik</i>	
	<i>Asal Usul Kampung Babong</i>	
	<i>Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu</i>	
	<i>Kain Sutera Cina</i>	
	<i>Pertahanan Benteng Pengkalan Datu</i>	
	<i>Kegemilangan Pengkalan Datu</i>	
	<i>Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu</i>	
	<i>Simbolik Rebana</i>	
	<i>Musibah di Kampung Pulau Gajah</i>	
	<i>Kepesatan Pengkalan Parit</i>	
2.	<i>Pemujaan Tok Mekong</i>	Mistik
3.	<i>Kehebtan Laksamana Laut</i>	Tokoh
	<i>Bidan Tok Haji Esah</i>	
	<i>Haji Long Abdul Rahman</i>	
	<i>Che Deraman</i>	
	<i>Tok Karim Guru Silat Masyhur</i>	
	<i>Tentera Bergajah</i>	
	<i>Kezaliman Seorang Raja</i>	
	<i>Nik Mat Keturunan Raja Banjar</i>	

Jadual 1 : Senarai Tajuk Cerita

Dalam pada itu, pengkaji turut mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Pengaplikasian teori bertujuan untuk menjadi garis panduan agar objektif penghasilan kajian ini tidak tersasar. Selain itu, Hashim Awang (2020: 192) melalui teori ini telah mengetengahkan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Rentetan itu, pendekatan moral, kemasyarakatan dan dakwah diterapkan untuk memperincikan lagi analisis. Seterusnya, pemilihan teori ini turut melihat dari segi bahasa, sudah jelas masyarakat Melayu menjadikan bahasa sebagai nadi komunikatif yang tinggi nilai estetika serta kaya dengan didaktismenya. Jelaslah bahawa, pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu ini bersangkut-paut dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

1.6 Kepentingan Kajian

Penerapan unsur nilai merupakan amalan yang baik untuk diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, pengkajian ini adalah untuk mengupas unsur nilai dalam cerita rakyat terpilih berdasarkan teks *Seuntaiannya Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang merupakan teks terbaru diterbitkan. Maka, pengkajian ini dijalankan untuk melihat secara jelas akan kesan budaya Melayu yang diperoleh berdasarkan cerita rakyat terpilih seterusnya memberi manfaat kepada semua pihak seperti negara, masyarakat dan sedikit sebanyak memberi impak dalam kajian pengkaji.

Antara kepentingan kajian ini adalah memberi manfaat kepada negara. Ini kerana Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai banyak kaum, agama, budaya serta kepercayaan, penerapan unsur nilai sangat penting dalam kalangan rakyat. Selain daripada memastikan kestabilan ekonomi yang kian rancak, ia perlulah seiring dalam pembangunan modal insan yang mengamalkan norma kehidupan dengan penerapan unsur nilai seperti nilai baik hati, nilai berhemah tinggi, dan lain-lain. Hal ini demikian kerana melahirkan modal insan yang baik adalah sesuatu yang dituntut dalam budaya, malahan agama. Oleh itu, dengan pengamatan terhadap teks *Seuntaiannya Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, jelaslah bahawa cerita-cerita rakyat sebagai sesuatu yang diwariskan menjadi warisan kepada negara. Dengan berbuat demikian, secara tidak langsung pemeliharaan cerita rakyat terus dipelihara dan dihargai.

Kepentingan yang kedua, turut dimanfaatkan oleh masyarakat. Kupasan unsur nilai berdasarkan cerita rakyat secara tidak langsung memberi pendedahan kepada masyarakat melalui pembacaan dan penghayatan akan realiti norma kehidupan masyarakat dahulu yang mempraktik kepelbagaian unsur nilai dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Hal ini tercetus apabila masyarakat memilih untuk

menerapkan unsur nilai sebagai pembentukan budaya harmoni, aman, dan sejahtera dengan penerapan unsur nilai seperti nilai rasional, nilai hormat-menghormati, nilai kerjasama, dan nilai semangat bermasyarakat. Jadi melalui unsur nilai yang dikupas berdasarkan teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dalam kalangan masyarakat merupakan satu prakarsa yang menjadi tunggak utama sesebuah budaya masyarakat tersebut terbentuk lebih dinamik. Sudah terang lagi bersuluh pendedahan berkaitan unsur yang memberi kesan terhadap kebudayaan masyarakat seperti adat resam, cara hidup, alam dan sekeliling serta bahasa tanpa disedari memperlihatkan corak kehidupan bertamadun dalam kalangan masyarakat dengan adanya hubungan sosial yang baik.

Dalam pada itu, kajian ini turut memberi manfaat kepada institusi pendidikan. Kajian yang bercorak dokumentasi ini dijalankan adalah untuk memperbanyakkan lagi sumber rujukan mengenai kajian berkaitan unsur nilai berdasarkan cerita rakyat. Seajar dengan kepentingan penerapan unsur nilai dalam membentuk sahsiah budaya masyarakat Melayu bermoral, kajian ini menjadi bukti bahawa wujudnya unsur nilai seperti nilai keadilan, nilai kejujuran, nilai kesederhanaan dan sebagainya boleh digunapakai sebagai sumber kepustakaan. Justeru, kajian terhadap teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* adalah salah satu usaha murni yang dilakukan untuk merancakkan lagi kajian-kajian berkisarkan cerita rakyat. Dengan berbuat demikian, ia mampu menjadi sandaran dalam mengembangkan daya pemikiran yang positif terhadap akademik dan juga sahsiah.

Akhir sekali, kajian ini secara terus juga memberi manfaat kepada diri pengkaji sendiri. Kajian mengenai unsur nilai dalam cerita rakyat dengan mengenakan teknik pembacaan, penghayatan seterusnya memahami segala

makna tersurat dan tersirat dalam penceritaan memberi kesedaran kepada pengkaji akan kepentingan memupuk unsur nilai dalam diri. Sementara itu, kajian ini turut mengetengahkan teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* kerana dipercayai kaya dengan nilai pengajaran dan pelajaran meskipun ia naskhah terbaru yang diterbitkan oleh UMK PRESS. Oleh itu, dengan mengupas satu per satu cerita rakyat berdasarkan teks tersebut seterusnya mengenalpasti unsur nilai yang terkandung dan mengaitkannya dengan kebudayaan masyarakat Melayu jelaslah bahawa mampu untuk mempertingkatkan komitmen diri untuk menjadi lebih positif dan secara langsung melahirkan budaya masyarakat Melayu yang menghargai cerita rakyat sebagai khazanah warisan turun-temurun.

1.7 Definisi Operasional

Seterusnya, di bahagian definisi operasional yang mana bahagian ini bertujuan untuk menghuraikan beberapa kata kunci penting yang digunapakai dalam kajian ini. Berdasarkan tajuk kajian, beberapa frasa yang menjadi kata kunci akan dihuraikan dalam konteks kajian dijalankan secara terperinci agar lebih mudah difahami. Antaranya ialah unsur nilai, nilai, naratif lisan, dan budaya.

1.7.1 Unsur Nilai

Menurut *Kamus Dewan* unsur merupakan bahagian terkecil yang terhasil daripada sesuatu benda dan tidak boleh dibahagikan, dipecahkan ataupun dipisahkan lagi dari bentuk dan bahan asal. Dengan kata lain unsur juga boleh disebut sebagai bahan asal, zat, elemen malahan komponen. Dengan kata lain, unsur menurut Abdul Rahman A Samad (2019) merupakan sifat atau keadaan yang merangkumi beberapa butiran asas contohnya butiran diri perlu ada nama, jantina dan umur. Selain itu, unsur juga boleh diaplikasikan dalam menerangkan sesuatu cerita yang dipaparkan mempunyai unsur apa dan sebagainya.

Manakala Jules Henry (1975) menyatakan bahawa nilai merujuk kepada sesuatu hal yang memperlihatkan nilai-nilai yang baik. Sebagai contoh, tolong menolong, bertegur sapa, bercakap dengan intonasi yang baik dan mengasihi antara satu sama lain. Secara ringkasnya unsur nilai merupakan sebahagian hal yang wujud dalam diri seseorang meliputi pelbagai sudut yang baik seperti jalinan hubungan kemanusiaan, manusia dengan alam, mahupun jalinan hubungan antara manusia dengan Tuhan. Sekecil-kecil penerapan akan menyumbang kepada pembentukan jati diri yang sejati. Walau bagaimanapun, penerapan yang baik sedikit sebanyak dapat melahirkan masyarakat yang bertamadun di samping pembentukan jati diri sejak di peringkat awal.

1.7.2 Nilai

Menurut Redfield (1953) nilai juga memaparkan konsep tersurat dan tersirat dalam diri seseorang secara sendirian atau hidup berkelompok yang mempengaruhi ragam, kelakuan, tindakan, dan perbuatan. Selain itu, *Kamus Dewan* (2007) nilai memperlihatkan ketinggian sifat dari segi pemikiran, kepercayaan keagamaan dan hubungan kemasyarakatan. Bagi masyarakat Melayu, konsep tersurat dan tersirat ini sudah menjadi kebiasaan dalam pertuturan harian. Sebagai contoh, masyarakat Melayu dahulu menggunakan pantun sebagai alat komunikasi untuk menyindir bahkan menegur seseorang secara halus. Namun begitu, tanpa kita sedar menerusi cerita rakyat juga boleh digarap pelbagai unsur nilai yang dipaparkan dan menjadi salah satu medium yang digunapakai untuk memberi pengajaran dan pelajaran.

Nilai adalah kata nama yang sinonim dengan beberapa perkataan lain yang boleh ditentukan berdasarkan keadaan kerana sifatnya luas. Walau bagaimanapun, nilai boleh diklasifikasikan melalui beberapa jenis seperti nilai instrumental, nilai intrinsik, nilai objektif, nilai subjektif, nilai mutlak dan yang terakhir nilai relatif. Ini jelas menunjukkan bahawa sifat nilai yang sangat luas dengan pelbagai maksud dan makna. Nilai menurut Raymond Firth (1964) adalah sesuatu yang dikenalpasti melalui objek, dan matlamat kerana ia turut digunapakai dalam mentaksir dan meletakkan harga pada sesuatu barangan.

Namun begitu, dalam konteks kajian ini penggunaan teks sebagai garapan untuk mengupas unsur nilai di dalam teks tersebut dapat mempengaruhi psikologi. Menurut Clyde Kluckhohn (1951) menyatakan nilai sebagai pemangkin semangat untuk mempertingkatkan tahap kehidupan, keperibadian malah kebudayaan yang wujud dalam sesebuah masyarakat namun ia tidak wujud secara mendadak. Dapat

dirumuskan bahawa nilai adalah alat kawalan yang mengawal diri untuk memutuskan satu-satu tindakan.

Di samping itu, penerapan unsur nilai dalam Islam juga sangat diperuntukkan agar pegangan dan ajaran agama Islam sentiasa menjadi pegangan dan diyakini. Sebagai contoh nilai baik hati menerusi sikap pemurah yang ditonjolkan menerusi watak Che Deraman dalam cerita rakyat *Kehebatan Laksamana Laut* yang mana beliau mempunyai kelebihan dan kepakaran dalam mengubati sesiapa sahaja yang sedang sakit namun begitu beliau tidak sesekali meminta bayaran ataupun upah. Umpamanya sikap pemurah ini sangat digalakkan untuk dipraktik oleh manusia terutama yang beragama Islam.

Rumusannya, nilai adalah penentu yang menentukan tindakan manusia yang dapat mempengaruhi pilihan ataupun keputusan yang akan menentukan tindakan seterusnya. Hal ini demikian kerana nilai merupakan asas dalam pembentukan sikap, tanggapan, personaliti, dan juga menjadi motivasi kepada sesuatu bangsa. Jelaslah nilai merujuk kepada darjah normatif yang dijadikan peraturan, garis panduan, dan rujukan yang menjadi asas pegangan manusia.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7.3 Naratif Lisan

Naratif lisan adalah genre yang terkandung dalam Sastera Melayu Tradisional juga dikenali sebagai sastera lisan. Menurut Hashim Awang (1985) naratif lisan adalah karya sastera yang diwujudkan oleh masyarakat Melayu tradisional terdahulu. Selain daripada dimiliki secara kolektif, sastera tradisional ini turut tidak terikat. Meskipun penghasilan karya secara bebas dan mengalami proses tokok-tambah, karya ini masih bersandarkan kepada cerita-cerita rakyat yang mana ia masih meliputi tentang kehidupan, ketuhanan, unsur cakerawala, dan cerita-cerita bercirikan sejarah asal-usul, ketokohan dan misteri serta binatang.

Dalam pada itu, menurut Ismail Hussein (1965) naratif lisan dianggap sebagai hiburan dengan menggunakan bahasa pertuturan yang mudah difahami. Di mana ia adalah milik masyarakat dan disebarikan melalui pertuturan, penceritaan dan perbualan serta menjadikan generasi mendatang sebagai waris yang perlu menyantuni segala karya naratif lisan ini. Ia dikatakan sebagai warisan kerana cara penyampaian yang disampaikan oleh masyarakat terdahulu seperti seorang orang tua yang menyampaikan cerita tersebut kepada anaknya seterusnya dilanjutkan lagi cerita ataupun kisah yang sama dengan jalan cerita yang sama kepada generasi baharu.

Manakala menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) selain daripada naratif lisan ini dimiliki secara kolektif, ia juga wujud berdasarkan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat Melayu yang majoritinya beragama Islam. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya penerapan unsur nilai sangat ditekankan dalam mendepani kehidupan sehari-hari kerana ia bukan sahaja mampu membentuk budaya masyarakat yang bermoral malahan dengan terapan unsur nilai dalam diri setiap individu turut mampu mewujudkan kelompok budaya masyarakat Melayu dengan adanya pengukuhan ilmu agama.

1.7.4 Budaya

Budaya secara dasarnya menurut *Kamus Dewan* (2005) didefinisikan sebagai tamadun, peradaban dan juga kemajuan dalam pemikiran yang merangkumi cara berfikir, ataupun bertindak. Di samping itu, budaya dikaitkan dengan tamadun ataupun peradaban yang mana dalam konteks ini memperlihatkan cara hidup manusia, bahasa, proses, nilai, adat, malahan tradisi yang mencorak pengetahuan. Seterusnya, A.Aziz Deraman (1994) menyatakan bahawa budaya bersifat *universal* namun tetap dan tidak berubah-ubah. Meskipun begitu, budaya mendapat pandangan berbeza dalam kelompok masyarakat. Merujuk kajian ini, bertujuan untuk mengupas unsur nilai yang memberi kesan terhadap kebudayaan masyarakat Melayu telah memperlihatkan bahawa setiap masyarakat mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan, namun sejauhmana ia dipraktikkan menjadi perbezaan sesebuah tamadun dan peradaban kelompok masyarakat. Hal ini demikian kerana sifat budaya yang perlu dipelajari daripada sesuatu dan di praktik, malah perlu dikongsi dengan masyarakat sejagat.

Di samping itu, satu-satu budaya yang wujud itu pasti diwarisi dan menjadi ekoran meskipun berubah-ubah mengikut perubahan semasa dan menjadi lambang kemegahan yang akhirnya mendapat pandangan khalayak. Budaya merujuk kepada cara pemikiran dalam menangani sesuatu permasalahan, jikalau ia mampu diselesaikan melalui pemikiran seterusnya diterima ia akan menjadi amalan yang akan diamalkan yang akhirnya akan menjadi budaya masyarakat tersebut. Hal ini demikian kerana Mohd Taib Osman (1988) berpendapat bahawa budaya adalah himpunan intelektual yang lengkap merangkumi segala keperluan sosial berdasarkan persekitaran. Jelaslah bahawa budaya masyarakat Melayu berdasarkan naratif lisan melalui kajian ini memaparkan kepintaran masyarakat Melayu dalam mempraktik segala pengetahuan dalam realiti kehidupan.

1.8 Organisasi Kajian

Secara keseluruhannya, penghasilan kajian merangkumi lima bab. Bab 1 ada bab pendahuluan yang akan menjelaskan secara ringkas berkenaan tajuk kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan dan juga batasan kajian.

Manakala Bab 2 merupakan bahagian untuk menyoroti kajian lepas. Dengan berbuat demikian pengkaji akan menyoroti kajian yang berkaitan unsur nilai, nilai dan naratif lisan. Di samping itu, pengkaji juga akan menjelaskan secara jelas berkenaan teori yang diaplikasikan. Pengaplikasian teori bertujuan untuk memastikan kajian tidak tersasar daripada objektif kajian dijalankan.

Seterusnya, dalam Bab 3 merupakan bahagian membincangkan metodologi yang digunakan. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan dan menjelaskan tentang kaedah pengumpulan data, analisis data serta menghuraikan secara terperinci.

Sementara itu, dalam Bab 4 adalah bahagian perbincangan untuk memperoleh dapatan kajian berdasarkan objektif. Penganalisan dilakukan secara terperinci dan menjawab persoalan kajian berdasarkan objektif kajian.

Terakhir iaitu Bab 5 di mana segala rumusan akan dirumuskan di bahagian ini. Di samping itu, merupakan bab yang akan memperlihatkan kesan kajian ini terus mengemukakan cadangan dan juga harapan terhadap pengkajian seterusnya tentang unsur nilai berdasarkan naratif lisan.

1.9 Penutup

Secara keseluruhan, naratif lisan merupakan sebahagian daripada prosa tradisional yang disampaikan melalui bahasa dan ditujukan kepada umum. Hal ini demikian kerana untuk memastikan warisan budaya yang menjadi khazanah negara tidak lagi dipinggirkan sekali gus membolehkan generasi akan datang untuk menghargai segala hasil seni karya masyarakat terdahulu walaupun dengan cara penyampaian yang berbeza-beza mengikut peredaran zaman. Seterusnya, kelompok masyarakat canggih juga akan memperoleh pengajaran dan mengambil iktibar di sebalik peristiwa-peristiwa lampau yang berlaku dalam koloni keturunan mereka, dan menjadikan mereka untuk lebih menghargai dengan mengapresiasi segala nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat dalam pembentukan sahsiah sebagai modal insan yang bermutu tinggi untuk agama, bangsa dan negara. Jelaslah bahawa kajian ini merupakan salah satu haluan yang mendorong pengkaji sendiri untuk memupuk nilai jati diri dan sedar diri akan keunikan serta kerelevanan yang dicipta oleh masyarakat dahulu melalui penghasilan cerita-cerita rakyat yang sifatnya untuk meningkatkan kesedaran disertakan dengan pengajaran dan nilai murni yang boleh diamati. Seterusnya, di Bab 2 akan membincangkan berkaitan sorotan kajian lepas yang boleh dikaitkan dengan pengkajian ini.

BAB 2

Sorotan Kajian Lepas

2.1 Pengenalan

Kajian yang berkaitan dengan unsur nilai telah banyak dilakukan oleh pengkaji terhadap nilai-nilai Melayu. Pelbagai elemen telah pun dikaji oleh pengkaji berkaitan nilai. Antaranya nilai murni, nilai kebudayaan, nilai keagamaan, dan nilai kemasyarakatan misalnya bahkan kajian berkaitan nilai tidak hanya tertumpu

2.2 Pengkajian Naratif Lisan Di Malaysia

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Gadhaffi Hanafiah (2015), mengkaji *Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia*. Kajian ini telah merujuk kepada nilai kemasyarakatan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perubahan sistem nilai masyarakat Melayu kini akibat kecanggihan teknologi. Dengan mengaplikasi pendekatan kualitatif, kajian ini juga telah mengaplikasikan Teori Modenisasi. Hasil kajian menjelaskan bahawa nilai Melayu sedang berhadapan dengan impak kemajuan negara Barat. Perbandingan yang dilakukan oleh pengkaji dengan melihat nilai Melayu dan sistem Barat menunjukkan perbezaan ketara apabila masyarakat Melayu sendiri mempunyai jati diri yang menjadi kepentingan dalam sistem nilai masyarakat Melayu kini.

Kedua, kajian Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2015) iaitu *Awang Batil dan Pura Taman: Suatu Perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu dan Orang Asli*. Merupakan sebuah kajian mengenai dua orang penglipur lara tersohor di Malaysia. Analisis kajian dilakukan dengan membuat perbandingan di antara kedua-dua tokoh tersebut dengan melihat perbezaan dan persamaan dalam cara menyampaikan cerita. Kajian turut berpandukan dua objektif iaitu mengkaji proses kemunculan dan

membuat analisis secara terperinci ke atas peranan yang dibawakan oleh mereka dengan melihat aspek persekitaran. Kajian ini turut bersandarkan pandangan G.L. Koster (1997) yang mengaitkan fungsi penglipur lara dalam memainkan peranan ketika menyampaikan cerita-cerita kepada khalayak. Pengkajian dirumuskan sebagai sebuah kajian signifikan pada masa kini memandangkan budaya penglipur lara kian ketinggalan zaman.

Ketiga kajian daripada Ahmad Sahlan Abdul Halim & Rosmawati Mohamad Rasit (2015), mengkaji *Hubungan Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Melalui Kesenian Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah*. Kajian ini merujuk kepada penerapan nilai murni melalui kesenian dengan melaksanakan aktiviti dakwah yang melibatkan pelajar sekolah. Pengkajian dijalankan untuk mengkaji hubungan yang terjalin dengan melihat elemen kesenian sekali gus penerapan nilai murni dalam kalangan pelajar. Pendekatan kuantitatif telah digunakan dengan menggunakan rekabentuk kajian tinjauan sebagai sokongan untuk menghasilkan kajian untuk melihat kesenian dalam aktiviti dakwah di kalangan pelajar. Oleh itu, dengan mengadakan aktiviti kerohanian dilaksanakan melalui kesenian di kalangan pelajar sekolah secara tidak langsung telah menyumbang kepada unsur nilai. Hal ini demikian kerana wujud hubungan signifikan dengan adanya aktiviti dakwah yang disampaikan melalui kesenian yang disertai oleh pelajar sekolah dengan penerapan nilai-nilai murni.

Selain itu, kajian Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) iaitu kajian *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang menumpukan kepada aspek nilai murni berdasarkan cerita rakyat Melayu dalam pembentukan tingkah laku masyarakat. Kajian dijalankan berdasarkan objektif analisis terhadap nilai murni dalam cerita rakyat Melayu. Kajian ini telah menerapkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai sandaran untuk

memantapkan lagi hujahan dalam menganalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian ini juga telah membataskan enam belas nilai murni yang jelas memaparkan norma budaya masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa kepadatan nilai murni dalam kalangan masyarakat Melayu dapat dilihat menerusi garapan teks *Seuntai 366 Himpunan Cerita Rakyat Malaysia*.

Kelima kajian Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) menghasilkan sebuah penyelidikan tentang *Cerita Rakyat Melayu: Satu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. Kajian ini dijalankan adalah untuk membuktikan bahawa walaupun teknologi kian canggih, cerita rakyat masih menjadi salah satu aset pertahanan bagi masyarakat Melayu dalam dunia sastera masih mampu untuk memastikan tamadun orang Melayu dipelihara sebaik-baiknya. Kajian dijalankan berdasarkan objektif adalah mengenalpasti dan membincangkan nilai jati diri berdasarkan cerita rakyat Melayu. Kaedah kualitatif digunakan dengan mengaplikasikan Teori Ekologi Budaya ataupun Teori Adaptasi Alam yang digunakan untuk menganalisis data-data yang dikumpul. Hasil daripada kajian ini memperlihatkan keunggulan jati diri dalam kehidupan orang Melayu. Dan sehingga kini, sebilangan masyarakat masih mempraktikkan cara didikan ataupun mengasuh anak-anak dengan amal-amalan masyarakat Melayu dahulu.

Sementara itu kajian Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2015) menerusi kajian yang dijalankan iaitu *Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya kepada Kanak-kanak*. Merupakan sebuah penyelidikan yang mendedahkan golongan kanak-kanak menerusi koleksi-koleksi cerita rakyat yang disiarkan pada setiap bulan di dalam majalah Dewan Pelajar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Paparan mengenai cerita rakyat ataupun cerita klasik Melayu adalah salah satu usaha yang digunakan dalam memartabatkan cerita rakyat

Melayu. Pendekatan Psikologi oleh Sigmund Freud dan juga Pendekatan Psikologi Perkembangan Kanak-kanak oleh Jean Piaget dan Robert Hvighurst diaplikasikan dalam kajian. Kajian turut telah membataskan kepada empat buah cerita rakyat yang diterbitkan sebagai bahan kajian. Jelas menunjukkan bahawa sebuah perbincangan yang mendapati tercetusnya konflik diri seseorang, konflik dalam kekeluargaan dan juga yang berkaitan iaitu konflik bermasyarakat.

Keenam sebuah lagi kajian daripada Siti Zuhaidah Zakeria (2015) iaitu *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu terpilih dalam majalah Dewan Pelajar*. Merupakan sebuah kajian yang memfokuskan cara penyampaian cerita rakyat terhadap generasi Z. Objektif kajian ini dijalankan adalah mengenalpasti dan membuat analisis gaya penyampaian cerita rakyat kanak-kanak dalam Dewan Pelajar yang telah diterbitkan oleh DBP. Pengkajian telah dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat analisis terhadap teks dengan mengaplikasikan Teori Psikologi Perkembangan Kanak-kanak. Meskipun ada kekurangan dalam penghasilan karya sastera untuk golongan kanak-kanak namun usaha membangunkan sastera untuk kanak-kanak masih diperjuangkan. Oleh itu, seharusnya usaha ini diteruskan kerana golongan ini merupakan pemangkin warisan bangsa dengan pembentukan sahsiah yang berakhlak mulia dan berguna.

Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015) bertajuk *Hikayat Awang Sulung merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan*. Kajian ini adalah untuk menganalisis unsur pengurusan yang terkandung dalam cerita lipur lara. Objektif utama ialah membuat analisis prinsip kepimpinan yang digunapakai dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Kajian turut membataskan kajian dengan mengkaji *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dengan menggunakan Prinsip Kepimpinan. Kajian ini turut menggunakan kaedah kepustakaan untuk menganalisis prinsip kepimpinan dalam

cerita. Oleh itu, kajian membuktikan bahawa prinsip kepimpinan yang diaplikasikan dalam kajian telah mengangkat aspek pengurusan yang dinamik dalam teks sastera tradisional. Secara tidak langsung, kajian ini mampu menjadi contoh dalam pembentukan sesebuah institusi dengan mempraktikkan pendekatan pengurusan kerana akhirnya dapat membentuk budaya masyarakat yang berpandangan jauh, berfikiran luas, jujur, amanah dan bertanggungjawab.

Noviatin Syarifuddin (2016) dalam kajiannya yang bertajuk *Manifestasi Legenda Kepahlawanan Monsopiad Sebagai Identiti Etnik Kadazandusun: Citra Dari Kacamata Pribumi Penampang, Sabah*. Kajian ini membincangkan tentang penerokaan dan pemahaman legenda Monsopiad daripada pengetahuan masyarakat tempatan. Hal ini kerana kepahlawanan Monsopiad yang diceritakan daripada generasi ke generasi telah menjadi tradisi masih lagi menyimpan barangan dan tangkai peninggalan Monsopiad untuk menjamin keharmonian keluarga dan kesuburan padi. Selain itu, tema budaya juga turut digunapakai untuk menstrukturkan semula persoalan terhadap budaya etnik Kadazandusun.

Lagi, menerusi Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2016) dalam kajian *Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea*. Merupakan sebuah kajian yang mengetengahkan tentang persepsi pelajar luar negara mengenai karya sastera tradisional. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti dan membuat perbincangan akan pandangan masyarakat luar terhadap sastera tradisional. Turut membataskan responden dari Hankuk University of Foreign Studies, Korea seramai 20 orang. Seterusnya, mengaplikasikan analisis wacana oleh Brown & Yule (1983) serta kaedah temubual berdasarkan pemahaman mereka. Secara ringkasnya, membuktikan bahawasanya pengisian cerita rakyat Melayu mendapat sambutan pelajar luar. Kajian ini sekali gus dapat memartabatkan cerita rakyat Melayu ke taraf antarabangsa.

Clarice Gallus & Low Kok On (2016) menerusi kajian *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema*. Kajian ini memfokuskan kepada masyarakat etnik Dusun Liwan, Sabah dengan mengetengahkan tema-tema yang terkandung dalam tangon. Tema yang diperoleh berdasarkan tangon di kalangan masyarakat etnik Dusun Liwan. Kajian ini merupakan sebuah kajian analisis berdasarkan interpretasi dan bandingan cerita rakyat barat, Melayu dan tempatan lain. Maka, setelah mengenalpasti dan menganalisis maklumat yang diperoleh menonjolkan keunikan dan keistimewaan yang boleh dilihat melalui turun temurun tradisi lisan.

Lagi kajian oleh Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) dalam kajian *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak*. Merupakan sebuah kajian yang membincangkan tentang amalan yang diamalkan oleh generasi ke generasi namun semakin terhakis ekoran daripada kewujudan pembangunan dan perkembangan negara semasa. Bersandarkan dua objektif iaitu mengenalpasti dan membuat analisis unsur budaya melalui cerita rakyat untuk kanak-kanak. Dapatan kajian mendapati tiga unsur utama budaya yang dominan seperti kepercayaan dan perubatan serta ekspresif budaya seni. Seperti sedia maklum segelintir masyarakat Pantai Timur Semenanjung Malaysia masih mengamalkan unsur sedemikian kerana ia mengandungi nilai didikan dan seni yang menjadi lambang jati diri mereka. Dalam pada itu, terselit cerita rakyat yang bersesuaian dengan kanak-kanak sekali gus dapat membuka minda dan pemikiran mereka untuk lebih kreatif dan kritis dalam berfikir.

Seterusnya, dalam kajian Siti Faridah Leong Abdullah & Bazrul Bahaman (2017) iaitu *Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni*. Sebuah kajian mengenai nilai murni Islamiah yang terkandung dalam teks *Sulalatus Salatin*. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti peranan *Sulalatus Salatin* dan

menganalisis kisah-kisah terpilih di mana kajian ini telah membataskan kajiannya kepada beberapa kisah sahaja. Merupakan sebuah kajian kualitatif dengan mengaplikasikan prinsip ketujuh iaitu Prinsip Khalayak dalam Teori Takmilah. Dapatan kajian menjelaskan bahawa kajian ini adalah sebuah kajian yang bersifat didaktik dan membimbing khalayak ke arah menjadi insan kamil. Di mana kajian sebegini sewajarnya diperbanyakkan kerana ia merupakan medium dalam penyampaian nilai-nilai murni dan pembentukan sahsiah namun mestilah melalui cara penulisan yang berbeza kerana ia bertujuan untuk menarik generasi kini dalam menyampaikan mesej berdasarkan teks *Sulalatus Salatin*.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Abd. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) dalam kajian *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu*. Kajian ini merujuk kepada keunikan setiap bangsa yang mempunyai nilai kebudayaan yang merangkumi budaya malah juga sejarah tersendiri. Kajian ini telah mengemukakan dua objektif kajian iaitu mengenalpasti dan membuat analisis cerminan moral positif. Kaedah kualitatif digunakan di samping mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian telah menjelaskan bahawa nilai kejujuran adalah salah satu elemen yang jelas tercatat dalam teks ini sekaligus membuktikan bahawa masyarakat Melayu sejak dahulu lagi telah didedahkan dan diterapkan dengan nilai murni. Nilai murni dipupuk bukanlah hanya hiasan semata-mata namun masyarakat dahulu mengamalkannya sehingga menjadi budaya kehidupan mereka dengan amalan nilai-nilai murni selain daripada memastikan mereka mempunyai kehidupan yang sejahtera dan damai serta harmoni dalam bermasyarakat.

Kajian Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin (2017) menerusi *Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun*. Fokus kajian ini adalah terhadap masyarakat Kadazandusun sebagai kaum pribumi terbesar yang

menetap di Sabah, Malaysia yang seperti sedia maklum mempunyai kekayaan khazanah dalam bentuk lisan. Dengan pengaplikasian Teori Pendekatan Moral M. Atas Semi (1993) dan Teori Formalistik sebagai teori sokongannya, kajian ini telah memfokuskan kajian ini untuk dijadikan alat kawalan sosial dalam kehidupan seharian dalam kalangan kanak-kanak selain daripada tujuan untuk mendidik. Kajian ini telah menggunakan kaedah analisis dan kepustakaan untuk memperoleh maklumat. Maka, dapatan kajian membuktikan bahawa kebanyakan nilai pendidikan dalam tangan-tangan masyarakat Kadazandusun mampu menjadi platform dalam pembentukan karakter pembaca terutamanya daripada kalangan kanak-kanak.

Fifi Anak Rinyuk (2017) menerusi kajian *Nilai-Nilai Moral dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Sebuah penyelidikan terhadap kaum Bidayuh yang menumpukan fokus ke atas nilai moral. Objektif kajian utama iaitu mengklasifikasikan, menghuraikan dan mengaitkan nilai-nilai moral dengan kaum Bidayuh. Selain itu, konsep pendekatan moral dengan mementingkan isi berbanding bentuk penyampaian cerita. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa cerita rakyat kaum ini sarat dengan nilai moral sekali gus memenuhi konsep pendekatan moral yang digunakan dengan pengajaran-pengajaran yang sarat dan disampaikan dalam pelbagai bentuk.

Kajian Ayu Nor Azilah Mohamad & Wayu Nor Asikin Mohamad (2017) iaitu *Interaksi Sosial Masyarakat Johor-Riau Antara Tahun 1600 Hingga 1700 Berdasarkan Karya-Karya Historiografi Terpilih*. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji interaksi sosial dalam kalangan rakyat Johor serta melihat kemunculan Johor-Riau, kehadiran orang Minangkabau, Bugis serta Belanda. Penerapan pendekatan sejarah bagi tujuan memperincikan karya historiografi. Merupakan sebuah kajian kualitatif dengan menganalisis hubungan kemanusiaan antara masyarakat lokal. Kajian memperlihatkan kewajaran kajian-kajian sebegini harus diberi perhatian

kerana mengandungi pengajaran dan pelajaran yang boleh meluaskan pengetahuan mengenai pembangunan sesebuah negeri berdasarkan karya-karya rakyat sejarah.

Menerusi kajian Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017) iaitu *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan*. Adalah sebuah kajian dijalankan sebagai usaha memastikan budaya jati diri anak-anak Orang Asli terpelihara. Kajian turut dijalankan berpandukan cerita rakyat yang bersesuaian untuk dijadikan medium pembelajaran. Dengan menerapkan pendekatan Fuzzy Delphi dan meletakkan 12 orang pakar akademik dalam usaha menyemarakkan lagi pemeliharaan budaya dalam kalangan kanak-kanak. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa Modul Pembelajaran Asas Literasi yang digarap dari cerita-cerita rakyat dicadangkan oleh pengkaji untuk meluaskan lagi pengetahuan mereka. Jelas melihatkan bahawa cerita rakyat berfungsi untuk mengorak langkah dalam pembangunan modal insan yang mengutamakan budaya dan berpegang teguh pada tradisi masyarakat, maka wajarlah kajian seperti ini diteruskan dan diperluas agar masyarakat lain bersifat terbuka.

Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) iaitu *Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu*. Kajian penyelidikan yang dijalankan adalah untuk melihat peranan bidang teknologi dalam memperkasakan dan mengangkat cerita rakyat ke tahap yang lebih tinggi dengan adanya platform yang canggih. Dengan menumpukan kepada tiga objektif kajian iaitu menganalisis budaya berfikir dan akal budi masyarakat Melayu di samping membincangkan penggunaan perisian teknologi multimedia dalam memartabatkan cerita rakyat Melayu secara umum.

Kajian ini juga telah membataskan kepada cerita rakyat yang dipilih secara rawak dengan menggunakan kaedah kualitatif. Sehubungan dengan itu, kajian jelas membuktikan bahawa dalam meniti arus kemodenan negara yang kian maju dan canggih kini, seharusnya kemajuan teknologi turut sama memajukan dan memartabatkan cerita rakyat Melayu ke peringkat yang lebih memberangsangkan. Hal ini kerana perisian cerita rakyat Melayu berpotensi untuk mempengaruhi pembentukan akhlak dan sebagainya.

Kajian Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017) bertajuk *Nilai Sosiobudaya dalam Cerita Kanak-kanak Pilihan*. Kajian ini membincangkan tentang kerelevanan nilai-nilai sosiobudaya cerita rakyat. Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif utama iaitu mengklasifikasikan dan membuat analisis terhadap nilai sosiobudaya. Kajian ini telah membataskan kajian kepada 640 orang kanak-kanak berumur lingkungan 9 hingga 10 tahun dipilih secara rawak untuk menjadi responden. Berdasarkan kajian ini jelas memperlihatkan bahawa kebanyakan kanak-kanak di Malaysia memahami dan mempraktikkan nilai-nilai sosiobudaya melalui penghayatan dalam cerita rakyat.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam kajian *Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci*. Merupakan satu kajian yang memfokuskan kepada masyarakat Orang Asli yang menetap di dalam hutan, bukan sahaja terpinggir malahan tidak selangkah pun merasai kecanggihan arus kemodenan dunia. Walaupun begitu, masyarakat ini kaya dengan nilai-nilai kebudayaan, dan mempunyai pemikiran yang tinggi. Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan yang cerita rakyat masyarakat tersebut. Teori Konseptual Kata Kunci telah digunapakai dalam kajian ini sekaligus menggunakan kaedah kajian lapangan untuk mendapatkan data-data berkaitan. Kajian mendapati bahawa berdasarkan nilai

kebudayaan yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli Temiar ini mempunyai makna dan memberi kesan tersirat. Dan dapat disimpulkan oleh pengkaji bahawa kajian ini merupakan satu tinggalan yang ditinggalkan oleh masyarakat sebelumnya dan menjadikannya lebih berharga apabila ia terus-terus diamalkan sehingga kini.

Menerusi Mohd Fahmi Bin Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam kajian *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan*. Seperti sedia maklum masyarakat Orang Asli adalah antara masyarakat terawal yang wujud di Malaysia makalah ini tidak hairanlah jikalau pegangan dan jati diri mereka utuh dan menjadi kebanggaan dalam kalangan mereka. Kajian ini dijalankan secara khusus untuk membuat analisis nilai budaya. Berdasarkan kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan kajian ini turut mengaplikasikan Teori Sastera Warisan oleh A.Wahab Ali (2005) untuk membuat menganalisis dan menghurai. Dapatan kajian berhasil mencungkil nilai budaya yang menjadi lambang jati diri dan pengkaji berpendapat bahawa nilai budaya yang diamalkan masyarakat ini turut memberi kesan tersurat dan tersirat. Oleh itu, jelaslah penduduk di Malaysia terutamanya tanpa mengira warna kulit, kepercayaan dan keagamaan turut mempunyai pegangan yang utuh dan kukuh yang melambangkan kesatuan mereka. Dengan berbuat demikian masyarakat akan lebih prihatin dan sedar akan kepentingan nilai budaya sesebuah masyarakat.

Normaliza Abd Rahim, Awang Azman Awang Pawi & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) menerusi kajian bertajuk *Integration of Values and Culture in Malay Folklore Animation*. Di mana kajian ini memfokuskan kepada penyatuan nilai dan budaya dalam animasi. Objektif utama adalah mengkaji nilai dan budaya berdasarkan cerita rakyat dalam bentuk animasi. Kajian ini juga telah

mengaplikasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia (1996) sebagai dasar untuk menganalisis nilai dan budaya dalam animasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai budaya penting di dalam setiap cerita rakyat.

Kajian berikutnya yang dijalankan oleh Nor Hasimah Ismail, Mardzelah Makhsin, Fauziah Md Jaafar & Mohammad Syawal Narawi (2019) iaitu *Nilai Murni Dalam Karya Animasi*. Kajian ini adalah kajian mengenai cerita rakyat yang telah diadaptasi dan dianimasikan sejajar dengan peralihan zaman yang lebih moden. Selain itu, kajian ini turut membataskan terhadap cerita *Raja Bersiong*. Dalam kajian ini turut memperlihatkan rancangan kartun “*Upin Ipin*” sebagai contoh karya animasi yang memaparkan kepelbagaian nilai murni yang boleh diteladani dan dicontohi. Menerusi kajian mengenai karya animasi ini dapat memperlihatkan nilai-nilai murni berdasarkan cerita *Raja Bersiong*, dan mengharapkan kajian akan datang dapat merungkai lebih banyak nilai murni berdasarkan cerita-cerita rakyat Melayu.

Pengkajian oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019) bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia*. Sebuah penyelidikan mengenai pengadaptasian cerita rakyat ke dalam bentuk pendigitalan. Kajian ini adalah sebuah kajian yang memfokuskan tahap transformasi dalam menyampaikan cerita terpilih berdasarkan Dasar Industri Kreatif Negara. Penelitian terhadap tajuk kemudian analisis format dijalankan. Dan hasil kajian mendapati cerita rakyat di Malaysia masih di takuk lama dan masih belum berkembang sejajar dengan perkembangan semasa. Maka wajarlah untuk pengkaji seterusnya membuat kajian berkaitan untuk mempertahankan keistimewaan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu daripada terus lapuk dek ketinggalan zaman.

Selain itu, menerusi kajian yang dijalankan oleh Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam *Akal Budi Naratif Lisan*

penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. Sebuah penyelidikan naratif lisan dengan penekanan unsur pengajaran masyarakat Melayu terhadap golongan kanak-kanak. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji akal budi naratif lisan di kalangan penduduk Kota Bharu, Kelantan. Pendekatan kemasyarakatan diaplikasikan memandangkan kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan bagi memperoleh maklumat yang diperlukan. Setelah mengenalpasti dan membuat analisis terhadap maklumat yang diperoleh melalui temu bual, maka terdapat elemen akal budi yang terkandung yang memaparkan pola kehidupan penduduk setempat.

Kajian Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali@Zalay (2020) iaitu *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan*. Tujuan kajian dihasilkan adalah untuk melihat sejauhmanakah adaptasi dapat dihasilkan dalam bentuk seni visual. Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif utama iaitu untuk melihat keupayaan pelukis sama ada mampu membaca, mentafsir seterusnya mengupas sesebuah hasil karya sastera dan akhirnya diterjemahkan dalam bentuk imej visual yang lebih menarik. Kajian ini telah menggunakan kaedah eksplorasi visual oleh O'Grady J. & K (2009) di samping mengaplikasikan Teori Adaptasi yang diperkenalkan oleh Desmond & Hawkes (2006). Melalui kajian ini mendapati bahawa bahan kesusasteraan rakyat Melayu boleh diterjemahkan ke dalam bentuk visual yang lebih menarik dan berpotensi untuk digunapakai dalam subjek seni visual sebagai tema.

Kajian Nur Shahirah Othman (2020) yang bertajuk *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Merupakan sebuah kajian yang mengenalpasti dan menganalisis akal budi orang Melayu dalam pembentukan jati diri. Kajian penyelidikan yang menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan Teori

Pengkaedahan Melayu sebagai sandaran untuk menganalisis data-data yang diperoleh. Dapat kajian ini membuktikan bahawa cerita rakyat di Malaysia menjadi tunggak utama dalam membentuk modal insan berguna di kalangan masyarakat Melayu.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) iaitu *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu*. Sebuah kajian yang memfokuskan kepada pembentukan akhlak menerusi cerita rakyat dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dan membuat analisis nilai Islam berdasarkan cerita-cerita rakyat terhadap pembentukan sahsiah. Kajian ini adalah sebuah kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan Teori Takmilah. Kajian ini menjelaskan bahawa nilai-nilai Islam menerusi cerita rakyat yang wujud dalam kalangan masyarakat terdahulu dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia.

Kajian oleh Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020) iaitu *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif*. Merupakan sebuah kajian mengenai kejadian peristiwa aneh yang berlaku dalam kalangan rakyat dengan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) oleh Jalaluddin (2014) dan disokong dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RSS) oleh Kempson (1986). Kaedah kualitatif digunakan sepenuhnya dengan menganalisis sumber data yang diperoleh daripada "*Antologi Enam Hikayat*" yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka karya Nor (2016). Kajian ini turut membataskan kajian yang dijalankan dengan menganalisis cerita rakyat "Hikayat Nakhoda Muda" kerana berdasarkan dapatan dapatan kajian mendapat di dalam cerita rakyat "Hikayat Nakhoda Muda" terkandung 10 peristiwa aneh. Oleh itu, jelaslah bahawa cerita rakyat bukan sahaja terkandung dengan kisah-kisah

pengajaran dan pelajaran bahkan ia juga mengandungi kisah peristiwa aneh yang pernah berlaku suatu ketika dahulu dan melalui kajian ini membuktikan bahawa dalam kisah yang mencungkil tentang peristiwa aneh juga dapat merungkai akal budi penutur.

Tambahan lagi, Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi & Maizira Abdul Majid (2020) iaitu *Hubungan Rakyat dan Pemerintah dalam Tradisi Lisan Dari Perspektif Kepimpinan*. Konteks kajian ini adalah membincangkan tentang hubungan rakyat dan pemerintah. Namun begitu, pengkajian menumpukan kepada pandangan rakyat terhadap pemerintah. Objektif kajian ini adalah mengkaji hubungan rakyat dengan pemerintah berdasarkan cerita lisan negeri Pahang sekali gus membuat analisis kesan hubungan timbal balas antara pemimpin dan rakyat. Kajian ini turut mengaplikasikan Teori Kepimpinan oleh Northouse (2013) dengan membataskan kepada koleksi Zakaria Hitam. Berdasarkan kajian ini, memperlihatkan hubungan pemimpin dengan rakyat dalam konteks kepimpinan tradisional yang mempengaruhi sistem sosial masyarakat. Bahkan kini sistem sosial masyarakat turut meneladani budaya kehidupan masyarakat dahulu yang penuh dengan adat dan istiadat dalam memastikan keharmonian negara terus terjamin dan terpelihara.

Sebuah kajian terbaru yang mempunyai kaitan dengan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji menerusi kajian Mohd Yuszaidy Mohd Yusof, Suffian Mansor, Karim Harun, & Mohamad Rodzi Abd Razak (2021) iaitu *Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan*. Di mana kajian ini adalah sebuah kajian yang memfokuskan kepada pemuliharaan cerita-cerita lisan dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun yang menetap di Romping, Pahang. Hal ini demikian kerana cerita lisan semakin hari semakin kurang mendapat sambutan terutamanya daripada generasi kini. Oleh itu, kajian ini

dilakukan untuk menganalisis pemuliharaan cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun dalam usaha untuk mengekalkan tradisi yang sedia dengan menggunakan kaedah kajian lapangan yang dijalankan di Sungai Mok, Rompin, Pahang. Sebuah kajian kualitatif dalam memperoleh data seterusnya menerapkan teknik analisis tematik dalam menyaring data yang terkumpul. Oleh itu, kajian membuktikan bahawa pemuliharaan cerita lisan dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun dapat memberi manfaat kepada khalayak sekaligus menjadikan ia sebahagian daripada khazanah negara yang perlu dipelihara.

Kajian Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021) menerusi tajuk kajian *Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang*. Merupakan sebuah kajian berkenaan sastera rakyat naratif nusantara yang telah menjadi salah satu media hiburan suatu ketika dahulu dengan kandungan yang sarat dengan nilai pengajaran. Matlamat kajian ini adalah untuk melihat dan mengkaji akan upacara yang menjadi dasar kajian ini seperti yang diperkatakan oleh masyarakat yang tinggal di Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Kajian ini adalah sebuah kajian kualitatif yang telah disokong oleh kaedah lapangan seperti kaedah temu bual dengan keterlibatan tukang cerita seterusnya mengaplikasikan teori fungsionalisme. Hasil kajian membuktikan bahawa upacara ritual yang terlihat mempunyai kaitan erat dengan unsur kebudayaan masyarakat Melayu yang telah dipraktik. Jelaslah bahawa kajian ini dijalankan adalah untuk mengisi kelompong hati di kalangan generasi kini yang jauh lebih minat dengan adanya teknologi-teknologi moden masa kini.

Kajian Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) bertajuk *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater*. Berpandukan cerita

rakyat Melayu Sarawak untuk mengkaji potensi dalam cerita rakyat Melayu Sarawak untuk dijadikan karya teater dan menghasilkan dokumentasi kajian yang berkenaan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan temubual penduduk Melayu Sarawak di sekitar untuk mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Pengumpulan cerita rakyat lebih terarah kepada cerita rakyat yang bersesuaian untuk dijadikan sebuah pementasan teater khas untuk golongan kanak-kanak.

Dalam kajian seterusnya Siti Aishah Jusof, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) iaitu *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu*. Kajian ini membincangkan tentang kepelbagaian kebudayaan dan unsur. Matlamat kajian adalah untuk melihat dan membuat analisis terhadap ritual sumpahan yang terkandung dalam cerita lisan Melayu. Kajian turut mengaplikasikan Teori Budaya dengan membataskan kepada 12 data cerita lisan Melayu yang dipilih secara rawak. Penerapan Teori Budaya mengukuhkan lagi kajian ini untuk mengkaji unsur spiritual seperti sumpahan dalam cerita lisan Melayu. Secara tidak langsung kajian ini turut memberi pendedahan tentang unsur spiritual dengan lebih terperinci kepada masyarakat.

Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2021) iaitu *Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat*. Konteks kajian ini lebih tertumpu kepada kepelbagaian makanan tradisional dalam kalangan masyarakat Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk melihat jenis makanan yang dipaparkan dalam *Musang Berjanggut*. Kaedah kualitatif telah digunapakai dengan menggunakan pendekatan analisis teks untuk mencungkil aspek-aspek wacana gastronomi berdasarkan cerita Musang berjanggut melalui acuan yang disarankan oleh David Waines. Secara ringkasnya berdasarkan kajian ini dengan penerapan teori daripada David Waines memperlihatkan 29 jenis makanan yang dapat menghuraikan simbol dan fungsi makanan dalam dunia gastronomi Melayu. Jelas

juga memaparkan bahawa melalui makanan juga melambangkan kedudukan sosial dalam masyarakat. Hal ini turut memperlihatkan budaya masyarakat Melayu dapat dilihat melalui pemakanan. Tanpa disedari makanan juga antara aspek yang boleh dijadikan kajian dengan melihat nilai kebudayaan berdasarkan cerita rakyat. Oleh itu, berdasarkan kajian maka jelaslah bahawa menerusi konteks yang terkandung dalam kajian ini selain daripada memartabatkan sastera rakyat namun ia sekali gus mendedahkan masyarakat tentang adanya interaksi sosial dan fungsi tertentu dari aspek makanan suatu ketika dahulu.

Kajian yang dijalankan oleh Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) iaitu *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Sabah*. Konteks utama adalah mengkaji nilai kepahlawanan dalam cerita rakyat masyarakat suku Kimaragang. Pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian lapangan dan temubual telah digunapakai dalam kajian ini. Manakala kajian ini turut mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu untuk memperincikan lagi data dapatan kajian. Kajian ini memperlihatkan pelbagai elemen kesatriaian yang masyarakat suku Kimaragang. Berdasarkan kajian ini, generasi kini boleh menghayati elemen kepahlawanan yang terkandung dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Menelesuri kajian Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) bertajuk *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*. Merupakan sebuah kajian yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada khalayak akan kualiti dan kerelevanan cerita rakyat untuk dijadikan sandaran dalam pembangunan modal insan yang bermoral. Kajian dijalankan berpandukan nilai ketamadunan yang diperlihatkan menerusi penduduk yang tinggal di Tumpat, Kelantan. Penerapan pendekatan moral diterapkan dengan analisis yang dilakukan melalui pendekatan kualitatis seterusnya membataskan kepada beberapa cerita rakyat seperti *Tujuh*

bersaudara, Puja Berubat, Sungai Ketapang dan Semangat Laut. Hasil kajian membuktikan bahawa nilai ketamadunan yang utuh dalam kalangan masyarakat Melayu membolehkan mereka untuk terus berkembang sejajar dengan perkembangan semasa.

Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) dalam kajiannya iaitu *Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik*. Merupakan sebuah kajian yang mengkaji makna tersirat serta mengaitkannya dengan politik tempatan berdasarkan sastera rakyat Melayu Sarawak. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan menerapkan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson. Selain itu, kajian memperlihatkan bahasa yang digunakan mempunyai makna tersirat yang sejajar dengan peredaran semasa. Pengkajian merumuskan bahawa masyarakat mengambil iktibar dengan kejadian yang berlaku dalam naratif tersebut. Dan secara tidak langsung memaparkan kesan kognitif di kala maklumat di proses untuk mencari dan mengupas makna-makna tersirat sehingga makna meluas menerusi keadaan politik tempatan ketika itu. Oleh itu, dapat dilihat bahawa peranan naratif yang disarutkan dengan unsur nasihat dan menyindir secara halus mampu membentuk masyarakat yang bertamadun.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021) dalam kajiannya iaitu *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak*. Adalah sebuah kajian yang menjadikan budaya setempat berdasarkan cerita rakyat sebagai medium pendidikan bagi kanak-kanak untuk memperoleh pengetahuan di samping membentuk kemahiran dan keupayaan bertindak. Merupakan kajian yang menyelongkar aspek budaya dalam kalangan kanak-kanak berdasarkan cerita rakyat. Selain itu, kajian membataskan kepada kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun dengan menggunakan

kaedah temubual dan perbincangan secara berkumpulan. Dapatan kajian menunjukkan kearifan dan kreativiti perlu dipertingkatkan dalam kalangan guru untuk menarik perhatian kanak-kanak. Oleh itu, jelaslah bahawa cerita rakyat bukan sahaja mengandungi nilai-nilai murni yang boleh dicontohi malahan mampu menjadi medium pendidikan dalam membentuk sikap dan sifat anak-anak sejak awal usia.

2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya Sastera

Teori Pengkaedahan Melayu merupakan teori berteraskan budaya, cara dan sikap yang diamalkan dalam kehidupan seharian, pandangan dunia, dan juga perspektif alam semesta dengan mencipta hasil karya sastera dengan bertunjangkan Islam oleh Hashim Awang. Oleh itu, antara kajian yang berpaksikan Teori Pengkaedahan Melayu ialah Zaitun Hassan (2015) dalam kajiannya iaitu *Manifestasi Citra Alam dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu*. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti dan membuat analisis elemen semula jadi dalam novel. Di samping itu, analisis kajian dalam novel dan bagaimana ia digunakan dalam novel *Ombak Bukan Penghalang*. Pendekatan firasat telah digunakan. Malah kajian ini mendapati bahawa pengarang mengaplikasi unsur alam sebagai sumber dalam menghasilkan karya.

Kajian Johari Yahaya (2015) iaitu *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif kajian iaitu mengenalpasti peribahasa Melayu yang terdapat dalam teks Pantun Peribahasa Melayu (1968) secara mendalam khusus mendekati falsafah pemikiran orang Melayu tradisional yang begitu unik dan melampaui masa dan zaman, menganalisis tentang kearifan tempatan serta kemahiran dalam bidang daya cipta yang dinamik dan kreatif yang diwarisi oleh bangsa Melayu tradisional, antaranya pelbagai ilmu pengetahuan yang dapat dikesan dan yang terakhir membincangkan tentang nilai murni, nilai-nilai kemelayuan, sosial budaya masyarakat Melayu lama yang terkandung dalam pantun-pantun peribahasa di dalamnya terdapat pengajaran, tunjuk ajar, sebagai panduan hidup yang baik di amalkan oleh masyarakat tradisional. Kajian ini menggunakan pendekatan gunaan dan moral sebagai dasar untuk menganalisis bagi menjawab persoalan berkaitan kepercayaan, kebudayaan dan cara hidup masyarakat Melayu. Menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa kebudayaan masyarakat Melayu bukan hanya tertumpu

kepada cerita rakyat malahan dalam keseluruhan sastera rakyat yang memaparkan kepelbagaian nilai murni yang boleh dijadikan pengajaran dan bermanfaat dalam kehidupan sehari-hari.

Roslina Abu Bakar & Aone van Engelenhoven (2016) iaitu *Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka*. Merupakan sebuah penyelidikan kualitatif dengan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dengan tujuan melihat amalan dan budaya masyarakat Melayu. Selain daripada menganalisis, ia turut membahaskan pelbagai isu yang menggambarkan hubungan antara alam dan masyarakat Melayu.

Kajian yang dijalankan oleh Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) iaitu *Jati Diri Melayu Dalam kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*. Merupakan sebuah kajian analisis terhadap kumpulan puisi A.Aziz. Dengan penerapan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang, kajian ini dijalankan untuk menganalisis tiga aspek jati diri seperti bahasa, agama dan budaya. Hasil kajian peroleh nilai jati diri kemelayuan seperti iktibar, peringatan, dan nasihat yang boleh dikaitkan dengan prinsip Teori Pengkaedahan Melayu yang bersandarkan kepada ajaran dan etika agama Islam. Oleh itu, jelaslah bahawa kajian ini adalah sebuah kajian yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat untuk memupuk diri dalam bertaqwa.

Seterusnya, kajian Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) iaitu *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu*. Kajian ini menekankan aspek pengetahuan mengenai kebudayaan, sejarah, pengalaman, adat istiadat dan cita-cita. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan yang

terkandung di dalam cerita rakyat Melayu sekali gus mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Dalam pada itu, kajian ini telah menggunakan kaedah sorotan pembacaan berasaskan dokumen. Hasil kajian memperlihatkan kekayaan nilai murni yang terkandung di dalam sesebuah cerita rakyat Melayu yang mampu menjadi medium pendidikan dan memberi pengajaran terhadap masyarakat. Oleh itu, wajarlah kajian berkaitan cerita rakyat Melayu terus diperbanyakkan kerana ia mampu mempengaruhi kepada pembentukan budaya masyarakat yang berkasih sayang dan bertindak adil dalam sesuatu tindakan.

Kajian Che Abdullah Che Ya (2018) bertajuk *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Sebuah kajian analisis novel *Bedar Sukma Bisu* karya Faisal Tehrani. Kajian ini dijalankan dengan berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang untuk mengukuhkan lagi huraian dalam analisis disertakan dengan penerapan pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Oleh itu, kajian mendapati bahawa pengarang telah membuat olahan realiti kehidupan dengan memaparkan budaya yang menjadikan alam sebagai sumber mata pencarian. Jelaslah bahawa budaya masyarakat Melayu sememangnya berpegang teguh dengan kepercayaan dan amalan tradisi seperti firasat, tanda dan juga mimpi. Namun begitu, budaya masyarakat Melayu tidak begitu taksub dengan hal sedemikian.

Menerusi kajian Nik Nurul Azreen Nik Mohamad Sharifuddin & Salmah Jan Noor Muhammad (2019) iaitu *Cultural Values Of The Malay Community Through "Hikayat Misa Melayu"*. Merupakan sebuah kajian mengenai nilai-nilai budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak dahulu. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji budaya tradisional Melayu berdasarkan Hikayat Misa Melayu yang dianuti oleh Raja Chulan Raja Hamid sekitar tahun 1992. Pengaplikasian Teori

Pengkaedahan Melayu diterapkan memperlihatkan salah satu budaya tradisional yang menjadi amalan masyarakat terdahulu adalah royalti. Berdasarkan pengkajian ini dapat dibuktikan bahawa budaya yang diamalkan sejak dahulu masih digunakan sehingga hari ini. Meskipun begitu, kajian seperti ini harus diperluas untuk mengisi kelompongan budaya yang menggambarkan kehidupan seorang Melayu.

Seterusnya menerusi kajian Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) iaitu *The Proselytization Aspect In The Novel Suriati Based On The Proselytization Approach Of The Malays Methodology Theory*. Merupakan sebuah kajian yang mana mengupas kesan dakwah dalam novel. Kajian yang memfokuskan terhadap aspek dakwah dengan mengetengahkan tema keagamaan dalam mendepani konflik keluarga. Selain itu, batasan kajian ini tertumpu pada novel Azizi Hj. Abdullah iaitu *Suriati* dalam menonjolkan kesan yang mendalam dalam memimpin manusia ke arah kebaikan. Dengan menerapkan pendekatan dakwah maka kajian ini dianalisis dengan mengemukakan kepelbagaian unsur dakwah yang mampu menarik minat pembacanya. Jelaslah bahawa peranan pengkarya juga penting dalam memilih genre serta tujuan audiens dalam berkarya, hal ini demikian kerana penghasilan sesebuah karya sedikit sebanyak akan mempengaruhi jiwa pembacanya.

Wan Khairul Faiz Wan Kamarull Ariffin (2019) dalam *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Merupakan sebuah kajian yang mengupas bentuk penceritaan berdasarkan cerpen. Menerusi kajian ini dua objektif kajian telah dikemukakan, mengenalpasti dan membahaskan akan kepincangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat melalui cerpen yang dipilih dengan menonjolkan tentang kehidupan yang dipenuhi dengan kemungkaran seperti adanya keganasan dan salah faham liberal seterusnya menganalisis nilai-nilai ajaran Islam yang

terkandung dalam cerpen dipilih. Pendekatan kemasyarakatan telah di aplikasi. Kajian dilakukan secara terperinci serta melihat daripada perspektif Islam mengenai keruntuhan institusi sosial yang mencerminkan budaya kini. Oleh itu, dapatan kajian membuktikan bahawa masyarakat lebih memahami, mengenalpasti, dah juga sedar kesan dan impak sekaligus mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah sosial yang semakin hari semakin menjadi-jadi dalam kalangan masyarakat khususnya.

Wan Nurzafirah Wan Zin (2019) dalam *Analisis Cerpen Terpilih A.Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Adalah sebuah kajian yang mengenalpasti permasalahan yang boleh dikaitkan dengan nilai moral. Seterusnya, menganalisis unsur nilai moral. Kajian ini secara jelasnya telah mengaplikasikan Pendekatan Moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Satu kajian kualitatif dengan menghasilkan dapatan kajian yang membuktikan cerpen *Saat Terakhir* dan *Dari Tanah Ke Tanah* ini memiliki kepelbagaian nilai moral yang boleh diteladani.

Norzatul Iqma Mohd Noor (2020) menerusi kajian *Nilai Kemelayuan dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini adalah sebuah kajian yang mengkaji drama-drama Melayu popular terpilih di Malaysia dengan memfokuskan kepada unsur kesenian yang bukan sekadar memberi hiburan namun mempunyai keindahan yang tersirat. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti nilai-nilai kemelayuan berdasarkan drama-drama Melayu terpilih dan mengkaji hubungan nilai kemelayuan menerusi drama Melayu terpilih dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Dengan berlandaskan teori Pengkaedahan Melayu, dua drama telah menjadi pilihan secara rawak seperti *Setia Hujung Nyawa* dan *Teduhan Kasih* sebagai sumber utama bahan kajian untuk dikaji oleh pengkaji. Merupakan sebuah kajian kualitatif dengan menjadikan kajian kepustakaan sebagai kaedah kajian utama. Oleh itu, hasil kajian membuktikan bahawa beberapa nilai kemelayuan seperti nilai tabah,

nilai kepimpinan, dan nilai memelihara adat dan budaya merupakan sebahagian nilai yang terkandung dalam drama-drama terpilih kajian.

Hadijah Johari, Norshahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) menerusi kajian bertajuk *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melayu Melalui Dakwah Islamiah*. Kajian ini adalah sebuah kajian yang dilakukan ke atas 18 buah cerpen yang dikumpulkan di dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu oleh Osman Ayob sebagai penulisnya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur dakwah menerusi cerpen Melamar Rindu. Dengan berlandaskan pendekatan dakwah seperti yang terkandung di dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Makalah setelah menerusi cerpen Melamar Rindu ini kajian mendapati bahawa tiga buah cerpen di dalamnya seperti *Gangguan, Doanya Termakbul dan Menimba Penawar* adalah antara cerpen yang menepati pendekatan dakwah yang digunakan. Jelaslah bahawa menerusi pembacaan dan penghayatan juga boleh memupuk nilai budaya masyarakat yang lebih cenderung ke arah kemajuan intelektual.

Nur Safiah Mohd Zakir (2020) dalam kajian *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Sebuah kajian penyelidikan yang bertujuan untuk mengenalpasti, merumuskan dan membincangkan nilai keislaman berdasarkan cerpen terpilih menerusi teks. Kajian yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kerangka panduan dengan bersandarkan kepada teori pengkaedahan Melayu. Dapatan membuktikan yang mana nilai Islam berdasarkan teks tersebut sememangnya memberikan pengajaran yang mampu menyedarkan audiens. Ia juga sewajarnya boleh dijadikan medium untuk meningkatkan tahap ketakwaan diri kepada Allah SWT.

Lagi kajian daripada Nurul Safiah Ab. Rahim (2020) iaitu *Nilai-nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Dalam sastera rakyat merangkumi cerita rakyat, sajak, hikayat dan lain-lain namun dalam konteks kajian ini tertumpu kepada sajak. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti, membuat analisis, rumusan dan perbincangan terhadap nilai kepahlawanan menerusi sajak terpilih. Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan bagi memantapkan lagi hujahan dalam analisis turut menerapkan pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang membataskan perolehan data menerusi antologi *Suara Wirawan Negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim. Dapatan kajian membuktikan bahawa penulis antologi *Suara Wirawan Negara Bangsa* ini sememangnya memperincikan nilai-nilai kepahlawanan dalam penulisannya. Oleh itu, jelaslah bahawa menerusi penulisan sajak yang dihidangkan kepada masyarakat sekiranya dihayati dan diamati mampu menjadi acuan kepada pembentukan sahsiah dan budaya masyarakat yang baik.

Lagi kajian yang berkaitan oleh Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2020) yang bertajuk *Application of Theory of Malay Methology in Light of the Rural Though An Art Approach*. Merupakan sebuah kajian yang mengetengahkan aspek estetik berdasarkan novel karya Azizi Haji Abdullah. Pendekatan seni diaplikasikan dengan melihat aspek estetika Islam yang diterapkan dipadankan dengan novel yang dikaji dan mencerminkan aspek keindahan Islam dan sesuai dengan pendekatan diterima pakai dalam kajian ini.

Menerusi Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) menerusi kajian *Analisis Dakwah dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejan F.I.* tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk membincangkan soal dakwah yang

berpaksikan kehidupan orang-orang Melayu yang sememangnya kaya dengan akal budi dan tatasusila kehidupan. Kajian deskriptif dengan mengaplikasikan pendekatan dakwah. Kajian ini memfokuskan kepada watak dan perwatakan yang mempunyai kaitan dengan nilai kemanusiaan. Oleh itu, hasil kajian menemukan empat tema utama yang digarap menerusi pendekatan dakwah seperti ketaqwaan, keadilan, ilmu dan taubat. Di mana ia mempunyai jalinan di antara manusia ataupun orang-orang Melayu dengan ajaran malahan perintah atau suruhan Allah SWT yang perlu dituruti dan tidak sesekali diingkari.

Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) dalam kajian *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Sabah*. Kajian ini merupakan sebuah kajian cerita rakyat ataupun Tangon dalam kalangan masyarakat suku Kimaragang di Sabah. Kajian ini dijalankan adalah untuk memberi perhatian terhadap nilai-nilai kepahlawanan yang muncul dalam kalangan masyarakat suku Kimaragang, Sabah. Selain itu, kajian ini turut menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian lapangan dan temu bual bagi merekod dan mendokumentasikan tangon. Dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dan menggunakan pendekatan Alamiah yang menjadi dasar bagi menganalisis nilai-nilai kepahlawanan di kalangan masyarakat suku Kimaragang, Sabah. Dan setelah menjalankan kajian lapangan serta temu bual, seterusnya dianalisis maka dapatan kajian mendapati nilai kepahlawanan seperti keberanian, semangat perjuangan, rela berkorban, dan sikap terbuka yang terkandung dalam tangon masyarakat suku Kimaragang. Berdasarkan kajian ini juga dapat dilihat bahawa masyarakat suku Kimaragang telah mengamalkan nilai kepahlawanan ini dalam kehidupan untuk memastikan mereka mempunyai kehidupan yang baik.

Kajian Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri (2021) iaitu *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-novel Remaja terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Merupakan kajian yang mengungkap permasalahan dalam kalangan remaja selain daripada terjebak dalam hubungan percintaan. Objektif utama adalah mengenalpasti, menganalisis dan merumuskan citra manusia yang dinamik. Kajian ini turut dibataskan kepada tiga buah novel remaja seperti *Atukku Pejuang*, *Bening Mata Seorang Dia*, dan *Melakar Sinar* dengan mengaplikasikan *Pengkaedahan Alamiah* dan *Pengkaedahan Keagamaan*. Dapatan kajian mendapati bahawa novel-novel remaja terpilih dipadatkan dengan contoh teladan yang boleh dicontohi yang menjadi identiti masyarakat Melayu. Maka jelaslah bahawa karya-karya sastera dalam apa jua pengkhususan peringkat umur sememangnya dipadatkan dengan kepelbagaian nilai murni kerana pengarang sesebuah karya selain daripada menjadi medium yang memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya nilai murni, ia juga bertujuan untuk menarik minat masyarakat terutama golongan muda untuk memupuk budaya membaca.

Akhir sekali kajian oleh Nadia Ishak, Kamariah kamarudin, Halis Azhan Mohd Hanafiah & Haliza Abdul Rahman (2021) yang bertajuk *Literature Role In The Daily Malay Community In The Novel "Seorang Tua Di Kaki Gunung From The Perspective Theory Of Pengkaedahan Melayu"*. Adalah sebuah kajian yang mengangkat sebuah novel Azizi Hj Abdullah yang diterbitkan pada tahun 1982. Kajian ini adalah untuk mengkaji fungsi sastera dalam kehidupan masyarakat Melayu. Merupakan kajian kualitatif dengan menganalisis kandungan serta penerapan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Jelaslah bahawa sastera mempunyai peranan tersendiri dalam realiti kehidupan manusia dan dapat dilihat melalui Teori Pengkaedahan Melayu.

2.4 Penutup

Secara keseluruhannya, sorotan kajian adalah keperluan yang diperlukan untuk melangkah ke bab lain. Segala sorotan ataupun *literature review* yang dimuatkan pengkaji ke dalam bab 2 ini sememangnya diharapkan dapat menjadi penanda aras bagi menyempurnakan kajian ini. Dengan adanya kajian-kajian lepas yang berkaitan maka pengkaji berupaya untuk menghasilkan satu kajian yang mempunyai nilai akademik di mana pengkaji mendapati setelah menyoroti kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini memberi satu kesedaran bahawasanya tidak mudah untuk menghasilkan satu-satu kajian. Namun begitu melakukan sorotan kajian terhadap kajian lepas berkaitan kajian yang sedang dijalankan adalah sesuatu yang bernas untuk mendapatkan idea dan sumber maklumat yang sahih serta dapat mengelakkan berlakunya *plagiarisme*. Di samping itu, dengan membuat sorotan kajian yang merupakan salah satu proses yang perlu dilakukan untuk mengenalpasti kelemahan dan kekurangan yang masih boleh diperbaiki. Dan dalam masa yang sama pengkaji dapat menjangkakan tentang beberapa hal yang mempunyai kesinambungan dalam menghasilkan satu kajian penyelidikan.

BAB 3

Metodologi Kajian

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian adalah bahagian yang akan menjelaskan secara terperinci bagaimana permasalahan seperti yang dinyatakan di awal kajian ini ditangani dan sebab satu-satu kaedah serta teknik itu digunakan dalam kajian ini. Menurut Ruhizan Mohammad Yasin (2010) kemantapan dapatan kajian diperoleh dengan menerapkan elemen pendekatan dalam proses mendapatkan data penyelidikan. Hal ini demikian kerana hasil sesebuah penyelidikan yang dijalankan ditentukan oleh kaedah, metod, metodologi dan rekabentuk.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks. Kaedah kepustakaan digunakan untuk menyoroti kajian-kajian lepas misalnya seperti jurnal dan artikel seterusnya membuat analisis. Manakala, rujukan teks adalah untuk memperoleh data utama berdasarkan teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian berkenaan unsur nilai berdasarkan teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mengupas unsur nilai yang terdapat dalam naratif lisan Melayu terpilih melalui pengkaedahan alamiah dan keagamaan.

3.3.1 Kajian Kepustakaan

Kaedah kepustakaan telah digunakan dengan meneliti sumber-sumber daripada bahan bercetak antaranya ialah buku-buku rujukan, tesis, jurnal, artikel akhbar juga telah digunakan untuk membantu pengkaji mencari makna, takrifan mahupun definisi berkaitan satu-satu perkataan yang tidak jelas. Pengkaji juga mendapatkan sumber tambahan yang berkenaan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk mengukuhkan lagi kajian ini.

3.3.2 Rujukan Teks atau Dokumen


Kaedah rujukan teks dan dokumen melalui pembacaan teks secara teliti. Selain itu, kaedah ini digunakan adalah untuk mengenalpasti unsur nilai yang terdapat dalam teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang diterbitkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK Press) sebagai sumber rujukan utama. Penulisan teks ini oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang mana secara keseluruhan naratif lisan yang terkandung diperoleh berdasarkan kaedah lapangan di Kampung Pantai Senak, Kampung Kedai Lalat dan juga Kampung Babong. Setiap daripada naratif lisan dalam teks ini mengandungi aspek nilai dan moral yang mampu memberi kesan terhadap kebudayaan masyarakat Melayu. Kajian ini telah menjalankan penelitian terhadap teks tersebut yang dilakukan secara berulang kali untuk memastikan setiap cerita rakyat yang dipilih berpadanan dengan kajian ini.

3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Hashim Awang telah mengemukakan teori Pengkaedahan Melayu sekitar tahun 1989. Teori ini diperkenalkan untuk meneliti dan menilai karya-karya sastra Melayu yang begitu bergantung terhadap teori Barat. Selain itu, teori ini juga berupaya menjadi dasar dalam pembentukan nilai dan pembangunan modal insan. Terdapat beberapa sebab teori ini dikemukakan antaranya ialah kecacatan tertentu yang terlihat ketika digunakan dalam meneliti dan menganalisis karya sastra Melayu yang mana kritikan Barat lebih cenderung untuk meneliti aspek tertentu dan mengabaikan beberapa perkara penting untuk dilihat dalam sesebuah karya sastra Melayu. Menurut Hashim Awang (1997) sesebuah karya sastra yang diwujudkan bersifat dinamik dan seharusnya diteliti secara menyeluruh tanpa mengabaikan walau satu bahagian kecil dalam karya.

Teori ini berlandaskan dua pengkaedahan yang berhubungkait iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Selain itu, kedua-dua pengkaedahan ini mempunyai kaedah dan cara tersendiri yang bersandarkan Islam serta ketamadunan masyarakat Melayu yang utuh. Tambahannya lagi, pembentukan teori dalam kritikan sastra kurang mengetengahkan isu-isu berkaitan pembentukan nilai dan moral dalam kalangan masyarakat. Hashim Awang (2002) turut mengatakan bahawa teori ini berpandukan kehidupan sebenar manusia dan pegangan serta kepercayaan keagamaan pengkarya sastra.

Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa teori pengkaedahan Melayu adalah sebuah teori yang secara tidak langsung menyingkap nilai estetik dalam karya sastra Melayu yang sarat dengan kehalusan bahasa dan daya cipta yang kreatif dalam penghasilannya. Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kedua-dua pengkaedahan dengan mengaplikasikan beberapa pendekatan seperti pendekatan kemasyarakatan, pendekatan dakwah dan pendekatan guna.



Carta 1: Teori Pengkaedahan Melayu

3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan alamiah adalah salah satu unsur yang terkandung di dalam Teori Pengkaedahan Melayu dengan berlatarkan alam untuk memperlihatkan realiti corak kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana sastera adalah sebahagian daripada objek yang terhasil daripada objek lain yang dicipta oleh Tuhan, di mana kesusasteraan pula terhasil kerana manusia yang menghasilkannya (Hashim Awang, 2002). Selain itu, unsur alam diketengahkan dalam teori ini kerana alam adalah sesuatu yang dominan dan mampu untuk mempengaruhi pemikiran ketika berkarya bahkan ia turut membentuk hala tuju pengkarya dalam menghasilkan karya.

Di samping itu, teks sastera Melayu diteliti secara formalis dengan menitikberatkan hubungan pengkarya dengan alam malahan memastikan mesej yang ingin disampaikan kepada khalayak sampai dengan dengan jelas. Dalam pada itu, Hashim Awang turut mengemukakan tiga pendekatan dalam pengkaedahan alamiah. Tiga pendekatan tersebut ialah Pendekatan firasat, Pendekatan kemasyarakatan, dan Pendekatan gunaan. Hal ini demikian kerana pengkaedahan alamiah berteraskan cara hidup ataupun budaya dan amalan yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Kenyataan ini turut disokong oleh pengasas teori *New Historicism* iaitu

Stephen Greenblatt (1982) di mana turut melihat faktor budaya dan persekitaran dalam menghasilkan karya. Justeru, Hashim Awang membentuk teori pengkaedahan Melayu dengan mengangkat kehalusan budaya dan nilai estetika dengan mengetengahkan teks kajian serta memperincikan dengan tepat.



Carta 2: Jenis Pengkaedahan Alamiah

a) Pendekatan Gunaan

Pendekatan gunaan menurut Zurinah Hassan (2010) menjelaskan bahawa setiap kejadian yang berlaku pasti mempunyai sebab, tujuan dan fungsi.

Pendekatan Gunaan
i. Berdasarkan andaian bahawa sastera adalah objek alam yakni objek yang terhasil secara semula jadi yang dicipta oleh Tuhan, manakala sastera ada ciptaan manusia.
ii. Sastera adalah sesuatu yang dicipta yang memberi manfaat kepada manusia
iii. pendekatan gunaan menghubungkan di antara sastera dan alam bagi mengembangkan idea serta pemikiran dalam kalangan masyarakat Melayu

Jadual 2 : Ciri-Ciri Pendekatan Gunaan

b) Pendekatan Moral

Pendekatan moral adalah huraian lanjutan pendekatan gunaan menurut Hashim Awang (1993) konsep kepustakaan dapat dimanfaatkan dalam karya sastera yang mana ia sarat dengan pengetahuan berdasarkan pengalaman.

Pendekatan Moral
i. Didasarkan oleh tanggapan yang mana sastera adalah objek alam yang bersifat pengalaman hidup.
ii. Kebiasaannya pengalaman hidup itu disebabkan oleh dua hal iaitu menerusi peristiwa yang berlaku dan dilalui oleh manusia itu sendiri ataupun melalui kejadian yang berlaku di sekitar mereka.
iii. Kesannya tampak jelas pada perilaku manusia sama ada menjurus ke arah pembentukan positif atau sebaliknya.

Jadual 3 : Ciri-Ciri Pendekatan Moral

c) Pendekatan Firasat

Pendekatan firasat lebih cenderung kepada pengalaman pencipta yang mencipta karya dengan daya misteri. Hal ini demikian kerana menurut Hashim Awang (2002: 18) setiap peristiwa yang berlaku mempunyai kaitan dengan mimpi yang mana ia berlaku dan menjadi pengalaman hidup dalam kalangan masyarakat Melayu dan jikalau ia mimpi itu terjadi dalam kepada seseorang akan dianggap sebagai petanda sama ada baik atau sebaliknya bergantung pada mod dan cara ia disampaikan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa pendekatan firasat merupakan pendekatan yang memberi tumpuan akan cara memaknakan satu-satu simbol yang menjadi lambang sesuatu objek dan sebarang peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia.

Pendekatan Firasat
i. Melalui peristiwa ataupun kejadian yang dilalui.
ii. Biasanya digunakan untuk memperoleh makna dan tujuan sebenar.
iii. Menggunakan beberapa kaedah seperti penggunaan bahasa tersirat, simbol, penamaan dan penggambaran watak serta kompleksiti pada jalan cerita sesebuah karya.

Jadual 4: Ciri-Ciri Pendekatan Firasat

3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Seterusnya, pengkaedahan keagamaan yang berteraskan ilmu agama. Rujukan utama pengkaedahan ini adalah Al Quran dan Hadis. Di samping, memperlihatkan pembentukannya yang bertujuan untuk menonjolkan sifat-sifat Allah SWT sekali gus meningkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Tiga pendekatan tersebut menurut Hashim Awang (1994) iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Dengan berbuat demikian, maka nilai dalam sastera Islam berdasarkan ketiga-tiga pendekatan tersebut dalam dilihat adalah seperti nilai estetik, moral serta sifat-sifat keagungan Allah SWT.



Carta 3: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

a) Pendekatan Dakwah

Dalam pada itu, sastera sewajarnya dianggap sebagai “kitab” yang membolehkan pembacanya memahami, menghayati serta mengamati kandungan yang memperlihatkan sifat-sifat dan kebesaran Allah SWT sehingga mampu menimbulkan rasa cinta dan hormat. Seterusnya, sastera juga perlu menimbulkan persoalan-persoalan akan nilai-nilai murni dan kelebihan serta keistimewaan yang mendalam tentang agama Islam. Dengan berbuat demikian, karya tersebut bukan sahaja mampu menjadi asbab dalam peningkatan ketakwaan manusia beragama Islam bahkan kemampuannya menarik penganut agama lain untuk mempercayai Allah SWT serta

memeluk agama Islam. Oleh itu, penekanan aspek yang menimbulkan sebarang persoalan haruslah mempunyai kaitan terhadap kemuliaan Allah SWT serta Islam.

Pendekatan Dakwah
i. Melihat sastera sebagai landasan untuk meningkatkan nilai ketakwaan manusia.
ii. Mengetengahkan aspek-aspek tema dan amanat untuk menyerlahkan permasalahan yang terkandung.
iii. Meneliti beberapa aspek seperti watak dan perwatakan mahupun nilai secara tidak langsung mengaitkan dengan sifat mulia seseorang muslim.

Jadual 5: Ciri-ciri Pendekatan Dakwah

b) Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan kemasyarakatan digunakan dalam kajian menurut Hashim Awang (1994) untuk mewujudkan persoalan yang mempunyai kaitan dengan syariah, ibadat, ekonomi, sosial, moral malahan politik yang sejajar dengan ajaran agama Islam.

Pendekatan Kemasyarakatan
i. Mengandaikan bahawa karya sastera yang dicipta sebagai medium yang mendedahkan sebarang soalan yang menjurus kepada kebenaran sebenar untuk mencari kesahihan dalam kalangan manusia seperti yang diperuntukkan dalam agama.
ii. Tertumpu kepada isi dan tema yang ditemui dari permasalahan kajian.
iii. Pembentukan masyarakat sentiasa berdasarkan agama islam dan dapat mengelakkan daripada berlaku kepincangan dalam pembangunan masyarakat yang berakhlak mulia.

Jadual 6: Ciri-Ciri Pendekatan Kemasyarakatan


c) Pendekatan Seni

Menurut Hashim Awang (1994) pendekatan seni mengandungi nilai estetika yang bersandarkan kepada tauhid, iaitu alam dalam meneliti karya-karya sastera dan menemui segala persoalan seterusnya kembali ke dasar Islam untuk mengukuhkan pegangan serta mempertingkatkan keimanan kepada Allah SWT.

Pendekatan Seni
i. Pendekatan yang meneliti serta menilai pelbagai aspek terutamanya aspek dalaman karya sastera untuk menjelaskan unsur estetik sebagai persoalan pokok.
ii. Unsur estetika dalam konteks ini terbatas kepada nilai-nilai islam.
iii. Mampu menjadi wadah dalam memaparkan keindahan sifat dan nilai karya sastera kepada khalayak menerusi bahasa, isi dan mesej.

Jadual 7: Ciri-Ciri Pendekatan Seni

3.5 Kerangka Konseptual



Carta 4: Kerangka Konseptual

3.6 Penutup

Secara keseluruhannya, bab 3 adalah bahagian yang memperincikan tentang kaedah dan metodologi yang digunapakai dalam kajian.. dengan berbuat demikian dapat menentukan keberhasilan sesuatu kajian penyelidikan. Oleh itu, pengumpulan data seharusnya berkualiti dan jelas untuk memastikan kajian yang sedang dijalankan tidak terjejas dan berjalan lancar. Metodologi kajian adalah strategi langkah dalam memastikan kelancaran kajian dijalankan agar tampak lebih sistematik sekaligus pengkaji mudah untuk mendapatkan input dalam mengembangkan idea. Setelah metodologi kajian ditentukan, maka proses analisis ini dilakukan secara berterusan pada bab seterusnya sepanjang kajian ini dijalankan.

BAB 4

Analisis Dan Dapatan Kajian

4.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian yang menghurai serta menjelaskan dapatan kajian setelah mengenalpasti unsur nilai melalui kaedah kualitatif, dan kaedah kajian yang mana kedua-dua kaedah ini digunapakai untuk mengumpul data dan menjadi rujukan. Manakala pada bahagian ini juga, pengkaji akan menganalisis dengan menghuraikan secara deskriptif bagi mengenalpasti unsur nilai dan bagaimana unsur nilai tersebut dapat memberi kesan kepada kebudayaan masyarakat Melayu. Sementara itu, bab 4 ini juga turut memperincikan teori yang digunapakai supaya mudah difahami dan lebih jelas agar dapat memudahkan pemahaman serta membuat huraian dengan lebih berkesan.

4.2 Nilai Baik Hati

Nilai baik hati adalah sikap yang perlu dipupuk dalam diri setiap manusia ciptaan Allah SWT. Dan ia didefinisikan sebagai sikap seseorang yang peka akan perasaan, keadaan, situasi, ataupun kebajikan dan keperluan diri sendiri mahupun orang lain dengan menghulurkan bantuan. Dengan mengamalkan nilai baik hati dalam diri sekaligus memupuk untuk melakukan perbuatan ataupun perkara yang membawa kepada kebaikan dan ia juga merupakan nilai yang tidak mempunyai batas hanya terhadap manusia malahan terhadap semua makhluk yang bernyawa dan tidak bernyawa (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021). Walaupun hanya dengan memberikan sokongan moral namun sekiranya dilakukan dengan tulus dan ikhlas ia tetap dikatakan sebagai nilai baik hati.

4.2.1 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Belas Kasihan

Sikap belas kasihan adalah sikap yang menjadi ciri utama dalam pembentukan sahsiah sebagai manusia dan hamba-Nya yang ideal dan juga dituntut dalam Islam tatkala menjalinkan hubungan manusia dengan manusia. Sebagai seorang Muslim juga hendaklah sentiasa memahami dan mentaati serta akur dengan segala saranan Rasulullah S.A.W. Ia dianggap sebagai didikan terawal yang dididik dalam diri untuk mengelakkan sikap sombong dan angkuh ketika melihat kekurangan orang lain.

Belas kasihan adalah sikap timbang rasa, dan simpati terhadap nasib, situasi, dan keadaan orang lain. Perasaan belas kasihan timbul apabila menyaksikan kepayahan, kesulitan dan kesukaran yang dihadapi dalam kehidupan sama ada diri sendiri atau orang lain. Oleh hal yang demikian berdasarkan teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, terdapat nilai baik hati menerusi sikap belas kasihan yang ditonjolkan dalam cerita *Haji Long Abdul Rahman* iaitu ;

Petikan 1

“Beliau juga sangat dikenali sebagai ‘raja telunjuk’ kerana kepakarannya dalam perubatan Islam dalam kalangan masyarakat. Keunikan terserlah apabila beliau hanya menggunakan sebuah pasu yang diperbuat daripada tanah liat. Beliau hanya menggunakan jari telunjuk bagi menyembuhkan sebarang penyakit yang dialami oleh masyarakat setempat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 59)

Kisah ini menceritakan tentang sikap belas kasihan yang terpancar dalam diri beliau dapat dilihat apabila beliau mampu merawat dan mengubati segala penyakit termasuklah penyakit-penyakit pelik yang dihadapi oleh masyarakat di Pulau Gajah. Gelaran “raja telunjuk” yang diberikan oleh masyarakat adalah kerana kepakarannya dalam perubatan Islam dan dengan hanya menggunakan jari telunjuknya sahaja ia mampu menyembuhkan sekali gus mengembalikan kesejahteraan pesakit. Ilmu perubatan yang di miliki oleh Haji Long Abdul Rahman yang merupakan seorang tokoh alim ulama telah diperturunkan kepada keturunannya yang mempunyai kelebihan yang lebih apabila mampu melihat masalah pesakit yang berkunjung kepadanya untuk berubat.

Seterusnya, kemunculan Haji Long Abdul Rahman yang dianggap sebagai Raja Patani oleh masyarakat Pulau Gajah telah memberi impak kepada masyarakat Melayu di sana dalam konteks kebudayaan. Yang mana bukan hanya kepakaran beliau dalam menyembuhkan penyakit yang dihadapi oleh masyarakat, malahan beliau juga telah diangkat sebagai tokoh alim ulama apabila kebanyakan anak muda menuntut ilmu agama dengan beliau. Bahkan bukan itu sahaja, “raja telunjuk” ini juga telah menubuhkan sebuah madrasah yang menempatkan penduduk setempat untuk mempelajari ilmu akhirat. Dalam pada itu, keakraban hubungan rukun tetangga juga semakin utuh dan erat dapat dilihat apabila identiti Haji Long Abdul Rahman tidak didedahkan sama sekali kepada umum kerana mengetahui sejarah yang pernah menimpa beliau ketika di Patani. Tambahan lagi, masyarakat Pulau Gajah sangat menghormati dan menyanjungi beliau sikap belas kasihan yang ada pada beliau

sehinggakan pemergiannya telah memberi kesan mendalam. Maka jelaslah bahawa kemunculan Haji Long Abdul Rahman dengan sikapnya yang mendamaikan mampu membentuk masyarakat kampung yang menjaga hubungan sesama manusia sekaligus amanah dalam merahsiakan identiti dan makam tokoh alim ulama ini.

Paparan nilai berdasarkan kisah *Haji Long Abdul Rahman* ini secara tidak langsung sejajar dengan Pendekatan Moral. Ia turut dikaitkan dengan kejadian alam yang mempunyai sifat tersendiri dan berdasarkan pengalaman hidup manusia. Dan menerusi pengalaman hidup akhirnya akan menonjolkan tingkah laku sebenar manusia. Belas kasihan adalah sifat yang menggambarkan perasaan ingin memberi bantuan kepada sesiapa yang memerlukannya (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021). Selain daripada sikap ini perlu dipupuk dalam diri, ia juga merupakan antara nilai moral yang diperuntukkan dalam Islam. Jelaslah bahawa yang dipersembahkan kepada orang lain bukan sahaja mampu membina kelompok masyarakat yang positif malahan menjadi dasar terhadap pembentukan budaya bangsa yang berkualiti.

4.2.2 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemurah

Sikap pemurah adalah sikap terpuji yang dimiliki oleh seseorang yang suka memberi. Pemurah juga boleh dikaitkan dengan tangan terbuka yang mana ia mendukung maksud yang sama. Pemurah didefinisikan sebagai memberi atau mendermakan sesuatu kepada orang yang memerlukan sama ada dalam bentuk kewangan ataupun barangan. Pemurah adalah sifat mahmudah (terpuji) dan ianya berlawanan dengan sikap tamak sekaligus mencerminkan kejernihan jiwa yang telah dijanjikan oleh Allah SWT mendapat pancaran cahaya iman ketika di syurga. Dan melalui sikap pemurah ini juga mampu merapatkan hubungan persaudaraan sekaligus mendekatkan diri dengan Allah SWT yang akhirnya memperoleh keredhaan-Nya.

Sikap pemurah tidak hanya dilihat apabila seseorang menghulurkan bantuan dalam bentuk kewangan namun ia juga boleh dilihat melalui pemberian zakat, bersedekah, menderma, memberi hadiah ataupun memberi bantuan dari segi tenaga dan kudrat. Malah seseorang yang memupuk diri dengan sikap pemurah ini adalah seseorang yang sangat takut akan kemurkaan Allah (*Kamus Dewan, 2007*). Terdapat nilai baik hati menerusi sikap pemurah dalam cerita *Kehebatan Laksamana Laut* iaitu;

Petikan 2

"Beliau dapat menyembuhkan pelbagai penyakit yang dialami penduduk kampung yang datang untuk dirawat. Beliau sering membantu masyarakat di kampung yang menghidap apa-apa jenis penyakit sedaya yang boleh. Sepanjang merawat pesakit, beliau tidak pernah mengharapkan sebarang balasan dan upah daripada pesakit kerana beliau ikhlas membantu penduduk kampung yang mengalami masalah kesihatan."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 63)

Kisah ini diambil daripada cerita *Kehebatan Laksamana Laut*, sikap pemurah ini ditonjolkan oleh Laksamana Che Deraman yang mempunyai kepakaran dalam merawat penyakit yang dihidapi oleh penduduk kampung. Sikap pemurah beliau terserlah apabila beliau tidak meminta bahkan mengambil upah dan sebarang bayaran selepas mengubati penyakit yang dihidapi oleh penduduk kampung yang memerlukan bantuan dan khidmat rawatan Laksamana Che Deraman.

Sikap pemurah yang diamalkan oleh Laksamana Che Deraman ini telah meletakkannya sebagai seorang laksamana laut yang hebat dan dihormati. Dan disebabkan sikapnya yang disenangi oleh penduduk kampung maka setiap daripada mereka yang menghidapi penyakit akan bertindak segera dengan berkunjung ke rumah Laksamana Che Deraman ini mendapatkan rawatan tanpa segan dan membiarkan penyakit yang dihidapi berlarutan akibat memikirkan kos pembiayaan rawatan yang dikenakan oleh sesetengah pawang. Jelaslah bahawa sikap pemurah Laksamana Che Deraman ini amat disenangi penduduk kampung dan mewujudkan

budaya masyarakat yang menyanjungi budi dan menghormatinya sebagai seseorang yang mempunyai kelebihan dalam ilmu perubatan.

Sikap ini yang ditonjolkan menerusi *Kehebatan Laksamana Laut* ini adalah nilai yang boleh dihubungkan dengan mengaplikasikan Pendekatan Moral di bawah Teori Pengkaedahan Melayu. Kesenambungan antara Pendekatan Moral yang dikaitkan dengan nilai baik hati melalui sikap pemurah Laksamana Che Deraman adalah apabila beliau mengamalkan sikap suka bersedekah, dan tidak berkira dari segi tenaga, masa dan wang ataupun balasan daripada masyarakat. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), sikap pemurah menggambarkan seseorang yang melakukan sesuatu dengan ikhlas dan meletakkan redha Allah SWT sebagai pencapaian utama. Jelaslah bahawa penerapan unsur nilai bukan sahaja bermanfaat dalam interaksi sosial dengan masyarakat malahan ia juga dapat meningkatkan tahap ketaqwaan kepada Allah SWT dan berpegang teguh dengan ajaran agama Islam.

4.3 Nilai Berdikari

Maksud nilai berdikari ialah manusia yang tidak sesekali mengharapkan bantuan orang lain. Menurut *Kamus Dewan*, nilai berdikari adalah manusia yang belajar hidup bersendirian manakala manusia yang mempunyai nilai berdikari dalam diri merupakan manusia yang tidak bergantung kepada orang lain. Nilai berdikari perlu dipupuk dalam diri tiap manusia supaya tidak perlu bergantung kepada orang lain dalam melakukan sebarang kerja. Hal ini demikian kerana sekiranya terlalu mengharapkan orang lain untuk membantu kadangkala hasil yang diperoleh tidak begitu memuaskan. Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) berpendapat setiap manusia mempunyai kelebihan, kebolehan, keinginan, malahan mempunyai keupayaan dalam menangani sebarang permasalahan tanpa melibatkan orang lain untuk menghulurkan bantuan, tambahnya lagi nilai berdikari ini bukan sahaja hanya pada kelebihan fizikal yang dimiliki namun ia juga boleh dilihat melalui cara berfikir, yakin pada diri dan mempunyai keberanian dalam menggalas tanggungjawab.

4.3.1 Nilai Berdikari Melalui Sikap Bertanggungjawab

Nilai berdikari adalah hidup secara berdikari dan mampu melaksanakan tanggungjawab dan tugas-tugas harian dengan sendiri. Manakala sikap bertanggungjawab pula ialah kesanggupan dalam menggalas amanah dan menjalankannya dengan sempurna. Dughaym (1992) menyimpulkan bahawa tanggungjawab adalah perbuatan yang memerlukan kudrat manusia, ia juga menyatakan bahawa terselit elemen kehendak dan pilihan yang mengkhususkan perbuatan tersebut terjadi, manakala ia juga memerlukan pengetahuan untuk menentukan sesuatu tindakan.

Zainal Abidin (1997) tanggungjawab adalah tugas dan juga tanggungan, kewajipan, bebanan, malahan ia juga amanah. Terdapat nilai berdikari menerusi sikap bertanggungjawab dalam cerita *Asal Usul Datu* iaitu ;

Petikan 3

“Untuk mengambil ufti tersebut, Datu telah menyeberangi sebuah sungai untuk ke seberang. Laluan itu telah menjadi laluan sebatu dalam diri Datu namun tidak diketahui nama sungai tersebut.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 81)

Kisah ini digarap daripada cerita *Asal Usul Datu*, nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab ini boleh dilihat melalui cara Datu memupuk nilai berdikari dalam memikul tanggungjawab sebagai seorang pemungut ufti yang dihantar oleh kerajaan Terengganu sebagai tanda mendapatkan perlindungan di bawah kerajaan Thailand. Datu merupakan orang suruhan Raja Thailand untuk mengambil ufti di Terengganu, Datu memikul tanggungjawab tersebut walaupun dia bukanlah seorang yang mahir tentang sungai yang diseberangi namun disebabkan ia adalah perintah daripada Raja maka ia turutkan.

Sikap bertanggungjawab yang dipancarkan oleh Datu dalam memikul tanggungjawab sebagai rakyat jelata yang perlu akur dengan perintah Raja Thailand dalam menjalankan tugasannya. Walaupun Datu tetap akur dengan perintah Raja Thailand untuk mengambil ufti emas daripada kerajaan Terengganu, dia harus meletakkan dirinya dalam keadaan bahaya dengan menyeberangi sungai yang tidak diketahui namanya. Meskipun begitu Datu tidak merasakan ia sebagai suatu beban sehingga perlu membawa teman. Dan daripada situlah, jelas membuktikan bahawa Datu mempunyai sikap tanggungjawab melalui nilai berdikari dengan tidak mengharapkan bantuan orang lain dalam menjalankan tugasannya.

Selain itu, nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab Datu dalam cerita rakyat *Asal Usul Datu* telah memberi kesan kepada kebudayaan masyarakat Melayu yang mana ia memaparkan sisi terbaik sebagai seseorang yang bertanggungjawab. Disebabkan itu juga dikatakan bahawa sikap bertanggungjawab ini mempunyai

hubungkait dengan nilai berdikari kerana nilai berdikari adalah apabila kita perlu memikul segala baik dan buruk sekaligus akibat daripada perbuatan yang dilakukan. Maka dengan itu, sikap tanggungjawab secara tidak langsung memberi kesan kebudayaan terhadap masyarakat yang mana sebagai seorang rakyat biasa perlu akur akan perintah yang diberikan oleh Raja kerana ia adalah salah satu contoh terbaik untuk menunjukkan rasa kasih dan bertanggungjawab sebagai rakyat yang taat akan perintah Raja dan Negara. Di samping, sikap bertanggungjawab ini boleh dilihat menerusi cerita lisan bertajuk *Bidan Tok Haji Esah* :

Petikan 4

“Secara kebetulan juga, Tok Haji Esah telah melalui kawasan itu dan mendapati Melati sedang menangis teresak-esak lalu menghulurkan bantuan kepadanya. Setelah anak selamat dilahirkan, Melati mengucapkan terima kasih di atas pertolongan yang diberikan. Tok Haji Esah telah memimpin Melati pulang ke rumahnya untuk berehat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 65-66)

Berdasarkan kisah ini, jelas memaparkan sikap bertanggungjawab Tok Haji Esah yang sudi membantu Melati yang sedang kesakitan ingin melahirkan anak. Peribadi mulia wanita tua yang wajahnya juga telah dimamah usia ini merupakan seorang bidan kampung yang menetap di Kampung Babong suatu ketika dahulu. Kebaikan Tok Haji Esah diperlihatkan ketika dia sudi menghulurkan bantuan dengan rela hati untuk membantu Melati melahirkan anak dengan selamat. Kemudian, Tok Haji Esah membantu Melati untuk pulang berehat ke rumah. Dalam konteks ini, jelas memperlihatkan sikap bertanggungjawab seorang wanita tua yang ramah dengan masyarakat menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang bidan kampung. Dari sudut lain, beliau mempunyai rasa simpati yang mendorong beliau untuk membantu Melati sekali gus memaparkan keupayaan beliau meskipun tua tetapi masih mampu menghulurkan bantuan. Dapat disimpulkan bahawa keperibadian Tok Haji Esah ini sebagai satu kebudayaan masyarakat Melayu yang suka memudahkan urusan orang lain.

Dalam konteks kajian ini merujuk kepada keberanian seseorang mengambil risiko dalam memikul amanah dengan sempurna dan tidak sesekali mempertikaikannya tanggungjawab yang diberikan. Sebagai contoh menerusi kisah bertajuk *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* :

Petikan 5

“Keesokan harinya, Mail sebagai ketua kumpulan pun pergi berjumpa dengan ketua kampung untuk memaklumkan niat mereka menyertai pertandingan dikir barat seterusnya menjadi wakil untuk Pengkalan Datu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 5-9)

Berdasarkan kisah yang di petik, dapat disimpulkan bahawa keperibadian Mail telah disokong oleh ahli kumpulannya yang mana mereka merancang untuk menyertai pertandingan dikir barat yang akan diadakan. Sebagai contoh, pertemuan Mail dengan ketua kampung adalah untuk memberitahu, memaklumkan dan menyatakan hajat kumpulannya untuk menyertai pertandingan dikir barat. Dalam memastikan kemenangan berpihak kepada kumpulannya, Mail dan ahlinya telah mengadakan latihan dengan bersungguh-sungguh. Sikap bertanggungjawab Mail sebagai ketua kumpulan dikir barat yang ingin menyemarakkan lagi semangat anak muda dalam memperjuangkan seni warisan negeri Kelantan terserlah.

Sehubungan dengan itu, nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab dalam ketiga-tiga naratif lisan di atas boleh di analisis dengan menggunakan pendekatan moral. Sikap bertanggungjawab yang ditonjolkan ini boleh dikategorikan sebagai nilai moral dalam mengendalikan tugas terhadap diri sendiri dan orang lain. Kesimpulannya, nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab bertujuan untuk memantapkan lagi diri sendiri dan memberi contoh terbaik pada masyarakat dan jelaslah bahawa apabila kita mampu untuk berdikari dan memikul tanggungjawab maka penyediaan mental dan fizikal kita juga mempunyai kekuatan dalam mendepani pelbagai cabaran dalam meneruskan kehidupan.

4.4 Nilai Kerajinan

Nilai kerajinan bermaksud usaha yang dilakukan secara berterusan dengan minat, perhatian dan juga kecekapan dalam melaksanakannya untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) merumuskan bahawa kerajinan adalah sesuatu yang wajar ada di dalam diri setiap manusia dan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, berterusan, tekun, dan bersemangat dalam mencapai kejayaan dalam kehidupan. Terdapat nilai kerajinan yang boleh memberi kesan terhadap kebudayaan masyarakat Melayu seperti nilai kerajinan melalui sikap daya usaha dan kecekalan.

4.4.1 Nilai Kerajinan Melalui Sikap Daya Usaha

Maksud daya usaha menurut Hashim Musa (2008) mentafsirkan bahawa usaha yang dilakukan untuk mencapai matlamat kehidupan dan hasil yang berkualiti dengan bersungguh-sungguh. Sedangkan dalam Islam juga menuntut umatnya untuk sentiasa berusaha dengan melakukan sebarang pekerjaan dengan tekun, gigih dan tidak mudah putus asa ataupun mengalah. Dalam Riwayat at-Tabrani ada menyebutkan tentang nilai kerajinan dalam konteks amal usaha yang mana ia berbunyi seperti :

“Sesiapa yang pada petang harinya berasa letih daripada amal usaha yang dilakukan dengan kedua tangannya sendiri, maka dia pada petang itu telah diampunkan dosanya.”

(Riwayat at-Tabrani)

Berdaya usaha dalam memastikan tiap hal yang dilakukan membuahkan hasil yang berkualiti dan memuaskan, kita juga perlu memastikan bahawa pekerjaan yang dilakukan itu halal dan patuh syariat. Hal ini disebabkan oleh kemampuan dan juga keupayaan manusia dari segi fizikal dan mental untuk bekerja kerana pekerjaan terbaik menurut Islam adalah hasil usaha sendiri selain daripada mendapat lelah di dalam mencari rezeki halal untuk kelangsungan hidup yang dikira sebagai ibadah.

Berdasarkan petikan teks di bawah jelas menunjukkan bahawa nilai kerajinan melalui sikap daya usaha menerusi cerita rakyat bertajuk *Musibah di Kampung Pulau Gajah* ;

Petikan 6

“Pada sekitar tahun 1700, terdapat 7 buah rumah yang menetap di Pulau Gajah Kecil. Penduduknya bersemangat menjalankan aktiviti pertanian ini daripada awal pagi hingga ke waktu petang. Mereka setempat melakukan aktiviti pertanian sebagai punca pencarian mereka bagi meneruskan kehidupan seharian mereka.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 24-25)

Berdasarkan garapan kisah yang di ambil jelas membuktikan bahawa penduduk kampung Pulau Gajah Kecil mempunyai semangat dan rajin bekerja. Hal ini jelas dipaparkan melalui aktiviti pertanian yang dilakukan untuk memenuhi keperluan dan kelangsungan hidup. Nilai kerajinan yang dipraktikkan oleh penduduk kampung dalam menjalankan aktiviti bercucuk tanam adalah untuk memastikan kehidupan yang sempurna di samping keluarga.

Oleh itu, menerusi naratif lisan yang bertajuk *Musibah di Kampung Pulau Gajah* ini telah memaparkan nilai kerajinan dan daya usaha yang memberi kesan kebudayaan terhadap masyarakat. Hal ini bersangkutan-paut dengan aktiviti pertanian yang menjadi punca pencarian mereka bagi meneruskan kehidupan di mana pada awalnya ia hanya terdapat tujuh buah rumah sahaja yang mendiami tapak gersang itu dan diusahakan oleh pemilik-pemilik tujuh buah tersebut sebelum berlakunya kejadian air pasang besar yang melenyapkan perkampungan kecil mereka. Walaupun dengan hanya mempunyai tujuh buah rumah di kawasan tersebut namun mereka tidak mengharapkan sebarang bantuan dan belas kasihan orang ramai. Keutuhan hubungan di antara masyarakat Pulau Gajah Kecil ketika itu sangat disenangi apabila mereka turut bersama-sama dalam memastikan keperluan seharian mereka tujuh keluarga mencukupi. Jelas memperlihatkan hubungan yang terbina antara mereka adalah hubungan antara masyarakat yang harus diteladani.

Selain itu, nilai kerajinan melalui sikap daya usaha ini juga terpancar dalam cerita rakyat *Kain Sutera Cina* ;

Petikan 7

“Hassan dan Hussin bertekad untuk masuk ke dalam hutan belantara mencari ikhtiar merawat luka yang dialami oleh anggota keluarga Hassan.”

(Mohd Firdaus che Yaacob, 2021 : 10-11)

Kisah ini dipetik dalam naratif lisan *Kain Sutera Cina*, jelas memperlihatkan sikap daya usaha dalam diri Hassan dan Hussin untuk mencari ubat-ubatan tradisional bagi merawat luka yang sangat dalam dan sukar dirawat yang dialami oleh salah seorang anggota keluarga Hassan. Dan apabila tiba di dalam hutan tersebut, ternyata usaha dan kegigihan Hassan dan Hussin tidak sia-sia kerana mereka berjaya mendapatkan ubat tradisional bagi merawat kecederaan di betis kanan ahli keluarga Hassan. Dapat disimpulkan bahawa nilai kerajinan sekiranya ditambah dengan usaha yang bersungguh-sungguh pastinya akan memberi keputusan yang baik. Justeru, sikap daya usaha Hassan dan Hussin memperlihatkan semangat masyarakat Melayu yang tidak mudah putus asa dan sekiranya inginkan sesuatu pasti akan berusaha sehingga diperoleh.

Menurut Jumali Hj Selamat (2001) menyatakan bahawa daya usaha menggambarkan tentang kesungguhan dalam berbuat sesuatu serta mempunyai daya pemikiran yang kreatif untuk mendapatkan hasil yang setimpal dengan usaha. Sikap daya usaha ini sejajar dengan Pendekatan Moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang mana ia adalah suatu sikap yang membina dalam kehidupan. Jelaslah bahawa sekiranya ia diamalkan dalam diri tiap manusia akan melahirkan insan bermoral, memiliki sahsiah terpuji dan tidak mudah putus asa dalam mendepani pelbagai cabaran.

4.4.2 Nilai Kerajinan Melalui Sikap Kecekan

Maksud kecekan menurut *Kamus Dewan* adalah ketabahan seseorang dalam menjalani kehidupan. Kecekan ataupun ketabahan adalah sikap yang indah dan sangat mulia. Sikap kecekan ini menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) merujuk kepada manusia yang mampu mengharungi segala kepayahan, kesusahan dan kesulitan dalam mendepani liku-liku kehidupan dengan begitu tenang, sabar dan tabah tanpa merasa takut bahkan tidak yakin pada diri akan keupayaan sendiri dalam menghadapi cabaran. Nilai kerajinan melalui sikap kecekan ini telah disebutkan pada ayat 46 dalam Surah Al-Anfaal dengan maksud iaitu ;

“Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar dan tabah.”

(Surah Al-Anfaal : 46)

Kecekan mengharungi cabaran, dugaan, ujian, dalam kehidupan mencirikan seseorang yang berlapang dada, sabar dan yakin akan keindahan aturan Allah SWT tentang kehidupan tanpa perlu membantah. Dalam konteks ini boleh dilihat nilai kerajinan melalui sikap kecekan menerusi cerita *Pemujaan Tok Mekong* yang meletakkan Mawar sebagai watak utama dalam naratif lisan ini. Sikap kecekan Mawar diserlahkan berdasarkan petikan ;

Petikan 8

“Mawar adalah budak perempuan yang lembut tetapi tangkas dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Mawar sanggup membanting tulang dalam menolong ibu bapanya melakukan aktiviti seharian.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 47)

Berdasarkan kisah dalam *Pemujaan Tok Mekong* jelas memaparkan Mawar sebagai seorang anak perempuan yang mempunyai sikap kecekan dalam dirinya dalam memikul tanggungjawab sebagai seorang anak. Nilai kerajinan melalui sikap kecekan

Mawar ini dapat dirumuskan sebagai seorang anak yang dilahirkan ke dunia dengan meletakkan darjat kedua ibu bapa dalam kehidupan di tempat yang paling tinggi. Hal ini demikian kerana tanggungjawab seorang anak adalah untuk meringankan bebanan yang ditanggung mereka. Sebagai contoh berdasarkan cerita *Pemujaan Tok Mekong*, Mawar telah membantu ayahnya mencari kayu api di hutan.

Daripada perspektif yang berbeza, nilai kerajinan melalui sikap kecekalan yang ditunjukkan oleh Mawar dengan membantu ibu bapanya mencari kayu api di hutan adalah suatu contoh yang mendamaikan dan membawa perspektif yang positif sebagai seorang anak. Hal ini demikian memberi kesan kebudayaan masyarakat Melayu yang sememangnya menitikkan beratkan tanggungjawab anak kepada kedua ibu bapa. Mawar mempunyai sikap kecekalan dalam dirinya yang mana beliau sanggup meluangkan masa remajanya dengan mengutamakan kedua ibu bapa berbanding menghabiskan masa dengan rakan-rakan. Oleh itu, jelaslah bahawa sikap kecekalan yang di miliki oleh Mawar dengan menjalankan tanggungjawabnya dengan membantu ibu bapa secara bersungguh-sungguh memberikan kesan kebudayaan masyarakat Melayu yang memang menuntut anak-anak untuk cekal dan tabah. Sekali gus cerita *Pemujaan Tok Mekong* menerusi watak Mawar dapat menjadi contoh teladan yang baik kepada anak muda kini terutamanya dalam meringankan beban serta mempunyai sikap tolak ansur.

Dalam pada itu, sikap kecekalan ini turut dilihat dalam cerita rakyat *Asal Usul Datu* ;

Petikan 9

“Malam itu, Datu telah pergi untuk menangkap ikan bagi mengalas perut yang telah lama tidak menjamah makanan akibat peperangan. Setelah kecederaannya pulih, Datu telah membuat keputusan untuk tinggal di kawasan itu, lalu didirikan melalui aktiviti pertanian, memungut hasil hutan dan menangkap ikan. Aktiviti itu dilakukan bagi menyara kehidupan pada masa akan datang juga.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 :1-3)

Berdasarkan petikan di atas memperlihatkan kisah akan kecekalan seorang pemuda bernama Datu yang menguruskan diri sendiri. Sebagai contoh, Datu sangat cekal menghadapi kesukaran, kepayahan, dan kesulitan setelah berlaku peperangan namun dia tetap bangkit dengan mencari sumber makanan dengan menggali sumber alam semula jadi. Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa Datu merupakan contoh pemuda yang rajin dan cekal dalam menghadapi liku kehidupan untuk memastikan kesenangan di kemudian hari.

Pembentukan fizikal dan mental manusia seharusnya selaras dengan perkembangan semasa. Darusalam (1997) dalam kajian *Analisis Nilai Murni dalam Seteguh Karang* oleh Jumali Hj. Selamat (2012) menyatakan bahawa pembentukan peribadi dan budi pekerti mulia seseorang itu seharusnya memfokuskan kepada kesempurnaan akhlak dan moral dan berpegang teguh dengan ajaran Islam. Pernyataan ini telah di sokong oleh Aboebakar Atjeh (1988) yang mana kecekalan Mawar dalam *Pemujaan Tok Mekong* yang memikul tanggungjawab dan ketabahannya mengorbankan masa remaja demi membantu keluarganya yang kesusahan di mana sikap kecekalan yang dipupuk dalam diri Mawar adalah sikap yang berani dan tidak meragui segala aturan Allah SWT malahan menikmati masa dan peluang selagi mempunyai kesempatan untuk meluangkan masa dengan ibu bapa. Manakala kisah Datu dalam *Asal Usul Datu* memperlihatkan kecekalan beliau mengharungi liku kehidupan yang sukar. Maka, jelaslah bahawa nilai kerajinan melalui sikap kecekalan yang dapat dilihat di dalam kedua-dua kisah ini memperlihatkan kebudayaan masyarakat Melayu yang pantang berundur meskipun perlu mendepani kepayahan kehidupan.

4.5 Nilai Rasional

Maksud nilai rasional adalah kebolehpayaan berfikir dengan mengemukakan alasan dan bukti yang nyata. Kemantapan nilai rasional dari pemikiran adalah apabila mampu berfikir, bertindak dan membuat keputusan selepas membuat pertimbangan yang sewajarnya. Rasional menurut Khairul Azhar (2012) ialah persepsi dan cara pemikiran individu yang menilai dengan melihat kehidupan mereka daripada pelbagai sudut yang mempunyai asas dan juga fakta-fakta kukuh serta logik dek akal. Berdasarkan pandangan tersebut dapat dirumuskan bahawa pemikiran rasional merupakan pemikiran waras, realistik dan tidak berlebih-lebihan dan melampaui batas syariat.

4.5.1 Nilai Rasional Melalui Sikap Bijak Mengatur Strategik

Sikap bijak mengatur strategik dari sudut bijak mengatur adalah kepelbagaian strategi yang digunakan dan berkesan dalam menguruskan organisasi, dengan mencari cara mahupun teknik dengan memastikan ia bersesuaian dengan keadaan, situasi dan suasana bagi mengatasi pesaingnya. Manakala, menurut Zainal Abidin (2008) yang berasal daripada bahasa Greek *Strategos* yang merupakan istilah yang digunakan dalam pasukan ketenteraan yang merujuk kepada “Kepakaran Seorang Jeneral” dalam mempelbagaikan cara dan juga teknik yang bersesuaian untuk menangani segala ancaman termasuklah ancaman atau serangan daripada musuh.

Kebijaksanaan mengatur strategik juga ada disebutkan dalam Islam apabila berlakunya peperangan, ancaman, serangan ataupun rusuhan tidak perlulah mengejar musuh bahkan hanya menanti kedatangan musuh dan bertahan. Walaupun begitu, kemantapan strategi seharusnya disusun sebaiknya untuk mengelakkan sebarang kejadian berlaku. Oleh hal yang demikian, telah wujud beberapa kisah yang memaparkan elemen ataupun nilai rasional melalui sikap bijak mengatur strategik dalam peperangan iaitu menerusi petikan cerita rakyat bertajuk *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* :

Petikan 10

“Lalu, mereka telah merencanakan untuk membalas melalui ke atas Pengkalan Datu. Suatu hari mereka telah merancang untuk menyerang Pengkalan Datu pada waktu air sedang mulai surut. Setelah hampir tiba ke Pengkalan Datu, mereka telah menjerit “serang!!”. ianya telah membuatkan para pedagang menjadi takut lalu, bertempirani lari melarikan diri. Namun sesuatu yang tidak dijangka oleh para lanun adalah apabila kapal yang dinaiki mereka telah tersangkut pada satu beting pasir.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 12)

Kisah di atas berlaku ketika di bawah pemerintahan Puteri Saadong, negeri Kelantan merupakan sebuah negeri terkenal dengan kegiatan perdagangan yang mana para pedagang seringkali berkunjung. Sikap bijak mengatur strategik dapat dilihat melalui kebijaksanaan masyarakat ketika itu dengan membina beting pasir yang bertujuan untuk menghentikan kapal-kapal dagang yang mengunjungi pusat perdagangan itu. Pembinaan beting pasir adalah langkah berjaga-jaga untuk memastikan pusat perdagangan tersebut tidak mudah diceroboh oleh lanun-lanun yang kian mengganas di lautan. Dengan berbuat demikian jelas memaparkan nilai rasional melalui sikap bijak mengatur strategik, di mana Puteri Saadong telah mengatur strategi keselamatan untuk negeri di bawah pemerintahnya dengan membina beting pasir di perkarangan laut.

Sikap bijak mengatur strategik merupakan proses sistematik yang mempunyai matlamat yang ingin dicapai. Sebagai seorang pemerintah, Puteri Saadong mempunyai hala tuju dalam mencapai matlamat melalui sebarang cara yang merangkumi ruang lingkup pentadbiran seperti bidang pengurusan, bidang ekonomi dan bidang keselamatan. Pemikiran rasional dalam mentadbir sebuah pentadbiran oleh seorang pemerintah menjadi tunjang kepada kesejahteraan rakyat. Hal ini sedikit sebanyak telah membentuk sebuah kebudayaan masyarakat Melayu yang mengamalkan sikap toleransi dan mempunyai hubungan kemasyarakatan yang kukuh apabila sanggup berganding bahu dalam memastikan keselamatan negara terjaga.

Selain itu, sikap bijak mengatur strategik juga terkandung dalam naratif lisan yang bertajuk *Tentera Bergajah*, berdasarkan petikan di bawah ;

Petikan 11

“Lalu, segera dipanggil pemuda ufti untuk memikirkan kaedah meningkatkan pertahanan kerajaan ini. Raja Patani mulai berbincang mengenai permasalahan yang berlaku di dalam kerajaan itu. Pemuda ufti itu seakan-akan memahami permasalahan yang berlaku dan faham akan masalah yang difikirkan oleh Raja Patani pada ketika itu. Permasalahan ini mengenai gajah tentera kerana tanpa gajah-gajah tersebut peperangan mungkin tidak berpihak kepada kerajaan Patani.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 :73-74)

Garapan kisah tentang Raja Patani ketika memanggil pemuda ufti tersebut mengadapnya kerana aktiviti memungut ufti telah tergendala disebabkan berlakunya peperangan yang tercetus disebabkan rasa tidak puas hati dengan pelantikan takhta. Oleh itu, pemuda ufti itu dipanggil untuk turut memikirkan kaedah yang sewajarnya dilakukan untuk mengukuhkan lagi benteng pertahanan kerajaan Patani yang sebelumnya telah menggunakan tentera bergajah untuk berperang namun setelah diserang oleh musuh dengan serangan bawaan virus ke atas gajah-gajah tersebut telah melemahkan benteng pertahanan kerajaan Patani. Dalam pertemuan tersebut, pemuda ufti itu telah mencadangkan kepada Raja Patani untuk menyimpan gajah-gajah tersebut ke tempat tersembunyi dan jauh dari Patani. Cadangan tersebut dicadangkan oleh pemuda ufti itu adalah untuk merawat gajah-gajah yang terkena serangan bawaan virus tempoh hari. Dengan berbuat demikian maka tentera bergajah boleh dirawat dan sembuh seperti sedia kala dan yang pasti dengan adanya tentera bergajah semasa peperangan berlaku pasti akan membantu pertahanan kerajaan Patani , hal ini kerana tanpa tentera bergajah kerajaan Patani berdepan akan berdepan dengan kekalahan dalam peperangan.

Kebijaksanaan pemuda ufti itu telah terpancar ketika dia memberi cadangan kepada Raja Patani untuk membawa dan merawat tentera bergajah jauh daripada

Patani iaitu di perairan lembah sungai yang berada di seberang bukit seketika. Hal ini menyebabkan wujud kesan kebudayaan terhadap masyarakat Melayu kerana terdapat nilai bersatu hati dan kerjasama yang dipupuk menerusi cadangan pemuda ufti. Nilai rasional yang ditonjolkan oleh pemuda ufti itu adalah apabila dia memikirkan serta mengatur strategi untuk mengukuhkan benteng pertahanan kerajaan Patani yang sedang goyah pada ketika itu, dalam pada cadangan itu diterima pemuda ufti itu juga telah meramalkan kemenangan ke atas kerajaan Patani pada peperangan seterusnya.

Berdasarkan petikan teks *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* dan *Tentera Bergajah* di atas, nilai rasional dikaitkan dengan pendekatan moral melalui sikap bijak mengatur strategik yang bertunjangan yang menekankan konsep pengetahuan dan pengalaman yang dilalui oleh manusia. Pernyataan ini disokong oleh pendapat Umar Junus (1989) di dalam penjelasannya tela menggambarkan sesuatu yang berdiri sendiri itu terjadi bergantung kepada penglihatan dan imaginasi seseorang. Kesimpulannya, jelas bahawa nilai rasional melalui sikap bijak mengatur strategik berdasarkan kedua-dua cerita rakyat ini dipengaruhi oleh pemikiran yang waras dan boleh digunakan.

4.6 Nilai Toleransi

Maksud nilai toleransi ialah kesanggupan dalam bertolak ansur, berlapang dada, keluasan fikiran, keterbukaan, mudah memaafkan dan sabar dalam mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya sesuatu yang tidak diingini seperti pertelingkahan dan perselisihan fahaman. Nilai toleransi perlu di semai dalam diri tiap masyarakat adalah untuk memastikan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Menurut Tillman (2004) nilai toleransi adalah sikap saling menghargai yang bertujuan untuk kedamaian. Ia disokong oleh Daud Ali (1989) yang mana sikap toleransi ini berdasarkan sikap berlapang dada apabila berhadapan dengan orang lain yang mempunyai pegangan ataupun prinsip kehidupan sendiri. Nilai toleransi dapat disimpulkan sebagai menghargai, membolehkan ataupun membiarkan pendapat dan pandangan diberikan oleh orang lain, meskipun ia bertentangan dengan prinsip atau pegangan diri sendiri walaupun berbeza agama, kaum, bangsa, dan budaya.

4.6.1 Nilai Toleransi Melalui Sikap Keterbukaan

Sikap keterbukaan adalah sikap bersedia untuk memberi dan menerima pandangan, pendapat, cadangan, teguran malahan kritikan yang selaras dengan norma masyarakat. Tilaar (1999) mengungkapkan bahawa sikap keterbukaan dalam kehidupan secara bermasyarakat bukan sekadar mencari persamaan, dan persepakatan, tetapi lebih menjurus kepada persefahaman di antara satu dengan yang lain. Sikap keterbukaan ini adalah perihal terbuka, sedia menerima apa jua kritikan atau pujian dalam berhadapan dengan satu-satu keadaan. Sikap keterbukaan melalui nilai toleransi dapat disimpulkan sebagai kesepakatan dan persefahaman di dalam kelompok masyarakat.

Nilai toleransi melalui sikap keterbukaan ini sememangnya sikap seseorang yang bersedia mendengar, menerima pandangan dan kritikan orang lain. Malah keterbukaan ini dalam masa yang juga turut menilai, mengkritik, mengulas, menegur dan kadangkala membidas dengan memberi teguran sebelum membuat membuat

sebarang keputusan. Oleh itu, nilai toleransi melalui sikap keterbukaan ini boleh dilihat menerusi *Asal Usul Wakaf Aik* ;

Petikan 12

“Pak Cu Abu tidak suka akan pergaduhan sesama mereka kerana ia dianggap sebagai sial bagi masyarakat Cina. Oleh itu apabila terjadi sebarang pergaduhan akan diselesaikan dengan cara baik tanpa rasa dendam. Pernah suatu masa dahulu, Man dan Luq bergaduh kerana satu salah faham yang kecil dan telah berjaya dileraikan oleh Pak Cu Abu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 3-4)

Kisah ini memperlihatkan sikap keterbukaan Pak Cu Abu yang mulia apabila dia berjaya meleraikan perselisihan fahaman di antara penduduk kampung Pengkalan Datu di Wakaf Aik iaitu Man dan Luq. Ketika kejadian bertegang urat itu berlaku, Pak Cu Abu meleraikan pertelingkahan itu tanpa menggunakan kekerasan namun dia mendengar luahan daripada kedua pihak dan mencari solusi yang terbaik tanpa memudaratkan hubungan kemasyarakatan.

Pak Cu Abu merupakan seseorang yang berbangsa Cina namun begitu sikapnya terbuka dalam komuniti Melayu telah mewujudkan hubungan yang erat. Sebagai contoh, apa sahaja permasalahan yang tercetus dan berlaku di Wakaf Aik pastinya Pak Cu Abu akan turut serta dan membantu mengikut kemampuannya. Sikap Pak Cu Abu yang tidak mengambil kira perbezaan agama, bangsa malahan kaum dalam masyarakat telah memberi kesan kebudayaan masyarakat Melayu yang boleh dicontohi di mana sikapnya yang terbuka telah membuatkan hubungan mereka menjadi akrab dan seperti hubungan adik-beradik bak kata peribahasa Melayu *bagai isi dengan kuku*. Walaupun setiap agama mempunyai dasar yang berbeza dari segi ketuhanan dan kepercayaan, namun nilai sejagat boleh dipupuk menjadi landasan dalam memupuk keharmonian dan perpaduan dalam aspek kemasyarakatan.

Dalam pada itu, nilai toleransi melalui sikap keterbukaan ini juga boleh dilihat menerusi naratif lisan yang bertajuk *Kepesatan Pengkalan Parit* :

Petikan 13

“Pak Bulat adalah seorang yang panas baran dan mudah naik angin apabila kemahuannya tidak dituruti. Suatu hari, Pak Bulat telah bertengkar dengan Ah Li seorang pedagang China kerana satu salah faham kecil. Pergaduhan itu telah dileraikan oleh laksamana di kawasan itu. Setelah perbincangan dilakukan, Pak Bulat merasakan dirinya telah bersalah lalu meminta maaf kepada Ah Li. Ah Li telah memaafkan perbuatan pak Bulat. Mereka akhirnya dikhabarkan telah berkawan baik sejak peristiwa itu”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 34)

Kisah di atas memaparkan tindakan laksamana tersebut merupakan sikap mulia yang sepatutnya dicontohi oleh masyarakat lain. Namun sikap keterbukaan Pak Bulat yang mengakui kesilapannya dan kesanggupan Pak Bulat untuk meminta maaf kepada Ah Li juga perlu diberikan pujian. Hal ini demikian kerana manusia mempunyai ego dan sikap pentingkan diri yang mana frasa, kata dan perkataan maaf itu adalah satu perkataan yang amat sukar untuk dilafazkan, diungkapkan dan juga diucapkan. Sikap toleransi dalam menjalinkan hubungan yang melibatkan perbezaan kaum, agama dan bangsa malahan budaya ini juga perlu dititikberatkan dengan sikap keterbukaan seperti bertolak ansur, mengakui kesilapan, memahami perbezaan gaya hidup dalam bermasyarakat.

Melihat dari sudut kebudayaan masyarakat Melayu, sikap keterbukaan yang ditonjolkan berdasarkan petikan teks *Asal Usul Wakaf Aik* dan *Kepesatan Pengkalan Parit* jelas memaparkan nilai toleransi yang perlu dipraktik dalam aktiviti sehari-hari. Sebagai manusia kita mestilah mempunyai sikap terbuka untuk mengelakkan perselisihan fahaman berlaku. Sedangkan dalam Islam juga telah memperuntukkan jalinan hubungan kemanusiaan yang disenangi sama ada dalam kalangan keluarga, kawan, ataupun komuniti masyarakat.

Dalam pada itu, sebagai individu yang tinggal dalam kelompok bermasyarakat yang harmoni, dan membudayakan nilai toleransi yang mendefinisikan manusia perlu bersikap saling menghormati, menghargai dan kesanggupan untuk bertolak ansur,

sabar, malah bijak mengatur, mengawal, menahan diri dari berlaku pertengkaran, pertelingkahan, dan pertelingkahan yang akan mencetuskan permasalahan demi kesejahteraan hidup. Pendekatan kemasyarakatan sejajar dengan tujuan untuk mencari sentiasa berlaku adil dan berhemah. Jelaslah bahawa sikap keterbukaan ini sememangnya amat digalakkan dalam Islam sekaligus seiring dalam mewujudkan hubungan yang baik antara manusia dalam memperkukuhkan hubungan sesama manusia.



4.7 Nilai Hormat-Menghormati

Nilai hormat-menghormati adalah seseorang yang menghargai dan memuliakan orang lain dengan perasaan kagum akan kebolehan dan pencapaiannya melalui perbuatan, percakapan dan penulisan ia dizahirkan. Anuar Redzuan (2013) mentakrifkan nilai hormat-menghormati sebagai memberi penghormatan kepada seseorang dengan memberikan layanan mesra, dan sopan. Norita Arifin (2006) menyatakan rasa ikhlas, serta menghormati sesama manusia. Dapat disimpulkan bahawa hormat-menghormati merupakan perbuatan atau perilaku mulia dengan menghargai budi, jasa, pendapat dan kebolehan orang lain dalam hubungan sesama manusia sama ada ahli keluarga, rakan-rakan mahupun dalam kelompok masyarakat seperti komuniti kejrangan tanpa mengira umur, kaum, agama, darjat, harta dan pangkat, malah sebagai rakyat diperuntukkan juga untuk menghormati institusi undang-undang, Raja dan negara.

4.7.1 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Orang Tua

Menurut Abdul Hadi (2021) ia merujuk kepada sikap hormat dan patuh pada ibu bapa. Selain daripada taat dan berbakti yang merupakan salah satu akhlak mulia di sisi Allah SWT. Namun begitu, sikap menghormati orang tua ini juga boleh ditujukan kepada golongan yang lebih berusia. Menerusi kisah *Tok Karim Guru Silat Masyhur* :

Petikan 14

“Walaupun masyarakat pada ketika itu menyanjungi beliau sebagai seorang tokoh terhormat, namun masih ada sikap merendah diri dalam dirinya kerana beliau tidak pernah angkuh dengan kebolehan yang ada. Masyarakat masih menghormatinya kerana sikap yang menjadi tauladan kepada masyarakat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 66-67)

Kisah Tok Karim yang menonjolkan nilai hormat-menghormati ini terserlah melalui sikap masyarakat kampung dalam cerita ini. Hal ini terjadi kerana Tok Karim merupakan seorang yang handal dan berani menangani apa sahaja yang berlaku di kampung mahupun diri sendiri, kehandalan Tok Karim dikatakan diperoleh melalui pengalaman

ilmu yang diterapkan dalam kehidupannya sebagai seorang guru silat tersohor pada zaman masyarakat Melayu tradisional. Kebaikan Tok Karim dilihat bukan hanya ketika dia berkongsi segala ilmu persilatan kepada anak muridnya, namun Tok Karim juga merupakan seorang pahlawan yang baik hati apabila dia turut membantu meringankan beban masyarakat kampung.

Walaupun Tok Karim merupakan guru silat tersohor dan handal pada suatu ketika dahulu, namun sikap profesionalnya amat dikagumi yang mana dia tidak membangga diri dengan kehebatan, kehandalan dan kelebihan yang diperoleh. Sebagai contoh, Tok Karim menceritakan tentang kelebihan yang dikurniakan kepadanya kepada anak-anak muridnya di mana dia mampu untuk mengangkat batu besar sehingga dua ke tiga kali dan meletakkannya di atas betis tanpa merasa sebarang kesakitan. Tujuan Tok Karim sedemikian bukanlah untuk membangga diri dengan kelebihan yang diperoleh namun ia adalah untuk menakutkan anak muridnya, sekaligus mendidik agar terus patuh akan arahan yang disampaikan.

Tambahan pula, walaupun Tok Karim disegani dan dihormati oleh penduduk kampung, namun dia tidak meletakkan dirinya sebegitu dan dia masih turut bergaul dengan masyarakat kampung malahan dia juga sering menghulurkan bantuan kepada penduduk kampung yang memerlukan bantuan sama ada ari segi kewangan, makanan dan keperluan harian. Dengan sikap rendah diri dan tidak pernah sombong, angkuh malah bongkak dengan kelebihan, kehandalan dan kehebatan yang ada pada dirinya Tok Karim sewajarnya dicontohi dan dihormati oleh masyarakat. Hal ini kerana dalam masyarakat Melayu, budaya hormat-menghormati ini adalah suatu sikap yang wajar dipraktikkan kerana ia bukan sahaja menjamin kepada kehidupan yang bahagia namun sekiranya saling hormat-menghormati pastinya hubungan sesama manusia dan kejiranan menjadi semakin kuat dan rapat.

Seterusnya, sikap menghormati orang tua turut terpancar menerusi cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*, melalui petikan tersebut ;

Petikan 15

“Masjid ini mempunyai seorang imam yang berperanan sebagai tokoh agama dalam menyebarkan ilmu dakwahnya. Ramai dalam kalangan anak muda yang mempelajari ilmu agama dengannya. Terdapat juga anak-anak muda yang pergi ke Mesir, Turki, Istanbul dan lain-lain. Masyarakat kampung amat menghormati imam kerana ilmu pengetahuan yang dimilikinya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob : 16-18)

Kisah ini jelas memperlihatkan sikap hormat-menghormati ini pada masyarakat kampung terhadap tokoh agama yang telah menyebarkan agama Islam dan ilmu dakwah beliau di kampung tersebut. Sebagai contoh, penghormatan yang diberikan kepada tokoh agama tersebut adalah kerana keikhlasannya dalam menyebarkan ilmu agama kepada penduduk kampung tanpa mengira usia, pangkat ataupun darjat. Disebabkan kebolehannya dalam berdakwah dan mengajar ilmu agama telah menghantar beberapa orang anak muda dari kampung itu melanjutkan pelajaran sehingga ke luar negara seperti Mesir, Turki dan Istanbul misalnya.

Dalam konteks ini, golongan pendidik juga merupakan golongan yang seharusnya dihormati dan disegani. Jikalau di imbas pada zaman dahulu, budaya golongan ibu bapa yang menyerahkan sepenuhnya kuasa autonomi kepada guru untuk mendidik anak-anak mereka adalah wajar. Dan budaya dahulu boleh dikaitkan dengan kisah golongan pendidik berdasarkan kisah seorang imam dalam cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* ini yang berjaya mendidik anak muda di kampung sehingga berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Namun budaya tersebut tidak lagi digunapakai pada masa kini kerana golongan pendidik seringkali dipersalahkan jikalau memberi hukuman atau menegur sebarang kesalahan yang dilakukan oleh pelajar sedangkan tugas golongan pendidik adalah mendidik. Walaupun begitu, masyarakat Melayu adalah sebuah masyarakat yang mengangkat tinggi darjat golongan pendidik

sedangkan dalam Islam juga telah menyuruh manusia untuk menghormati orang tua bahkan wajib memberikan penghormatan pada guru. Berdasarkan petikan tersebut, dapat dirumuskan bahawa golongan pendidik adalah golongan yang seharusnya dihormati, dihargai dan dikasihi oleh masyarakat setempat atas kesanggupan mereka mengorbankan masa dan tenaga dengan berlapang dada.

Menurut Hashim Awang (2002) pendekatan kemasyarakatan adalah perjuangan dalam kehidupan untuk mencapai kesejahteraan dalam hidup bermasyarakat sekali gus mengukuhkan tahap keimanan dan juga ketakwaan yang boleh dilihat menerusi karya sastera yang berfungsi untuk membahagiakan dan mendamaikan manusia dan secara tidak langsung mendekati diri dengan agama Islam. Menerusi nilai menghormati yang diperlihatkan cukup membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu bukan hanya mampu menghiburkan namun ia juga secara tidak langsung mendidik manusia untuk membentuk masyarakat yang bertamadun dan berakhlak. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menghormati dan memuliakan orang tua merupakan sikap mulia yang akan dikasihi, disayangi dan dihormati malah akan mendapat ganjaran yang sepatutnya oleh Allah SWT. Kesimpulannya, jelaslah bahawa sikap hormat-menghormati ini bukan sahaja dituntut dalam masyarakat Melayu malah ia juga diwajibkan dalam agama Islam.

4.7.2 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Pemimpin

Sikap menghormati pemimpin ialah kata "pemimpin" bermaksud manusia yang mempunyai tanggungjawab yang begitu besar dalam Islam. Ahmad Rusli (1999) menyatakan bahawa pemimpin adalah manusia yang telah diberikan amanah untuk memimpin subordinat atau lebih jelas pengikutnya untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Seterusnya, pemimpin menurut Miftha Thoha (1983) ialah seseorang yang berkemampuan untuk memimpin dan mempengaruhi orang lain. Dapat dirumuskan bahawa pemimpin adalah seseorang yang memikul amanah dan tugas yang berat

kepada rakyat, atau masyarakat yang dipimpin. Malah pemimpin juga adalah orang yang dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT terhadap kepimpinannya.

Seterusnya, nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati pemimpin boleh dilihat menerusi cerita *Asal Usul Kampung Babong* ;

Petikan 16

“Diceritakan dahulu Tok Babong telah banyak membantu golongan yang menghadapi musibah tak terduga. Beliau telah membantu mereka yang ditimpa kesusahan hidup sepanjang hayatnya ada. Beliau juga memiliki hati pemurah kerana sering mengadakan kenduri dan memanggil para penduduk setempat untuk makan di rumahnya. Ini menyebabkan Tok Babong sangat dihormati oleh masyarakat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 4-5)

Petikan kisah *Asal Usul Kampung Babong* di atas, jelas menceritakan tentang sikap menghormati pemimpin oleh penduduk kampung terhadap keperibadian Tok Babong. Tok Babong ataupun nama sebenarnya Datuk Babong merupakan seseorang yang banyak memberi sumbangan dan menabur jasa di kampung tersebut. Sebagai tanda menghormati dan juga disebabkan sikap beliau yang baik hati, pemurah dan suka bergaul dengan masyarakat, kampung tersebut telah dinamakan dengan nama beliau. Sebagai contoh, beliau sering mengadakan kenduri dan memanggil para penduduk setempat untuk menjamu selera dengan kadar yang termampu di kediamannya.

Hal ini menyebabkan penduduk setempat di Kampung Babong telah menjadikan Tok Babong sebagai idola yang wajar dicontohi kerana keperibadiannya yang suka membantu dan merendah diri. Hal ini demikian kerana keperibadian yang dimiliki Tok Babong menjadikan beliau sebagai seseorang yang wajar disanjung. Sehubungan dengan itu, sikap hormat-menghormati pemimpin dalam kalangan penduduk kampung adalah penting untuk mewujudkan sebuah kelompok penduduk yang aman dan damai, bersatu-padu dan juga saling menghormati. Seterusnya, sikap menghormati pemimpin turut terkandung dalam cerita bertajuk *Simbolik Rebana*. Menerusi petikan di bawah ;

Petikan 17

“Pada zaman dahulu, rebana dimainkan bagi menyambut kedatangan golongan raja-raja. Setiap paluan yang dimainkan adalah berbeza bagi membezakan paluan keluar dan masuk raja-raja. Setiap paluan itu mencerminkan keunikan tersendiri.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 18-19)

Kisah di atas memaparkan sikap menghormati institusi beraja oleh rakyat jelata di Kampung Pulau Gajah jelas digambarkan menerusi cerita *Simbolik Rebana*. Rebana merupakan sejenis alat muzik tradisional Melayu yang berupa genderang dan berbeza-beza mengikut jenis. Selain itu, rebana seringkali dimainkan ketika adanya majlis keramaian, kenduri, atau sebarang majlis kebudayaan yang diadakan di kalangan masyarakat Melayu. Sebagai contoh, paluan rebana ketika majlis keraian yang melibatkan golongan diraja sebagai tanda mengagungkan. Rebana dimainkan untuk menyambut kedatangan raja-raja yang mana setiap daripada paluan rebana itu mempunyai keunikan tersendiri dan mencerminkan keunikan tersendiri.

Dalam konteks ini, menerusi cerita *Simbolik Rebana* telah memberi kesan kebudayaan kepada penyatuan masyarakat Kampung Pulau Gajah dengan adanya majlis-majlis. Hal ini demikian secara tidak langsung telah memupuk sikap menghormati dan menghargai pemimpin sekaligus dapat merapatkan hubungan kekitaan dalam masyarakat.

Di samping itu, Hashim Musa (2008) hormat-menghormati raja dan negara dalam kalangan masyarakat adalah bertujuan untuk menyemarakkan semangat hidup bersatu padu dalam keadaan aman, damai dan sejahtera. Hal ini kerana, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) raja adalah simbol, lambang dan mencerminkan kesucian rakyat jelata yang perlu dihormati, dikasihi dan disayangi. Maka jelaslah untuk memiliki sesebuah negara yang berdaulat dan rakyat yang taat setia haruslah mempunyai pemimpin yang berkaliber dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati pemimpin adalah sejajar dengan pendekatan moral seterusnya dikaitkan dengan sebarang kejadian yang berdasarkan pengalaman, peristiwa atau yang dilalui oleh manusia. Oleh itu, jelaslah bahawa dengan adanya pengalaman yang dilalui oleh manusia, secara tidak langsung dapat memberi iktibar dan pengajaran kepada kehidupan seseorang yang akhirnya akan membentuk sesebuah bangsa yang bersikap intelektual dan berwawasan.

4.8 Nilai Keadilan

Nilai keadilan didefinisikan sebagai satu sifat atau perbuatan yang adil di mana ianya mempengaruhi segala aspek sama ada dalam aspek sosial, aspek budaya mahupun aspek masyarakat. Keadilan sangat penting dalam sesebuah organisasi sosial atau ekonomi kerana ianya merupakan satu ciri utama bagi mewujudkan sesebuah organisasi yang berkualiti tinggi. Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) merumuskan bahawa keadilan segala bentuk tindakan yang dipertontonkan kepada masyarakat sama ada menerusi penulisan, pertuturan dan perbuatan yang diambil, dibuat dan juga diputuskan secara seimbang, dan sekata untuk kedua belah pihak dan tidak dipengaruhi oleh emosi, keadaan dan situasi sekeliling hanya berpandukan pada kebenaran, dan bukti sah.

4.8.1 Nilai Keadilan Melalui Sikap Adil dan Saksama

Maksud sikap adil dan saksama adalah kata “adil” yang kelihatan seperti meletakkan sesuatu yang diletakkan di tempat yang sepatutnya. Manakala, saksama adalah prinsip kesamarataan, ataupun menetapkan pembahagian yang sekata, sama, seimbang, pada setiap bahagian. Jelani Harun (2001: 133) menyatakan bahawa dalam Islam, golongan diraja bukan hanya perlu berlaku adil kerana tuntutan agama. Oleh hal yang demikian, nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama boleh dilihat menerusi cerita lisan *Kegemilangan Pengkalan Datu*;

Petikan 18

“Lalu, pemerintahan di ambil alih oleh Sultan Omar. Sultan Omar pada ketika itu bertindak menyatukan kembali negeri Kelantan dalam satu pentadbiran. Baginda telah melawat ke seluruh jajahan negeri termasuk Pengkalan Datu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 :118-119)

Kisah ini jelas memaparkan sikap adil dan saksama yang dijalankan oleh Sultan Omar dalam mentadbir negeri Kelantan di bawah satu pentadbiran. Hal ini demikian kerana sebagai seorang pemimpin atau ketua dalam sesebuah organisasi mahupun dalam

sesebuah institusi, sifat keadilan ini memberi impak yang sangat positif di mana orang yang berada dalam sesebuah organisasi itu akan lebih mempercayai dan yakin jika ketuanya bersikap adil. Sebagai contoh, setelah mengambil alih tampuk pemerintahan Puteri Saadong, Sultan Omar telah bercadang untuk membuka satu kawasan untuk tanaman padi bagi rakyat jelata sekaligus merencanakan lagi ekonomi perdagangan di situ. Dengan berbuat demikian, maka secara tidak langsung rakyat jelata akan patuh dan setia akan segala titah yang diperuntukkan untuk mereka oleh Sultan Omar. Ini juga boleh dikaitkan dengan sikap budaya masyarakat di mana seperti yang diceritakan dalam cerita lisan *Kegemilangan Pengkalan Datu*, seorang pemimpin yang mempunyai sifat adil tidak mempunyai sifat pilih kasih untuk membantu tetapi mencari jalan yang terbaik untuk memastikan rakyatnya tidak tersisih atau terbiar.

Nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama merupakan nilai murni yang antara yang terkandung di samping dikaitkan dengan pendekatan moral. Menurut Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) nilai moral ada satu-satu karya yang dihasilkan berdasarkan pengalaman yang dilalui dan terkandung ilmu pengetahuan. Dari sudut lain, tindakan Sultan Omar setelah menakluki takhta sebagai Sultan Kelantan pada ketika itu dan menitahkan untuk membuka sebuah kawasan yang dijadikan kawasan tanaman padi untuk merencanakan lagi ekonomi perdagangan di situ merupakan suatu tindakan yang berpandukan pengetahuan dan rasional apabila baginda masih memikirkan nasib rakyat jelata. Melalui pendekatan moral juga jelas memaparkan bahawa sikap adil dan saksama yang ada pada Sultan Omar ini telah memberi tanggapan positif terhadap rakyat kerana keputusannya untuk mengembangkan lagi ekonomi perdagangan di Pengkalan Datu. Kesimpulannya, nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama ini memperlihatkan tiap tindakan dan keputusan yang diputuskan bukan hanya berpatutan malah ia memberi faedah, pulangan atau ganjaran pada diri sendiri dan juga orang lain.

4.9 Nilai Kejujuran

Nilai kejujuran atau jujur didefinisikan sebagai benar dalam sesuatu perkara sama ada dalam bentuk pernyataan, perkataan mahupun dalam bentuk perbuatan. Kejujuran merupakan salah satu aspek yang sangat dititikberatkan dalam sesebuah institusi ataupun organisasi. Sifat ini perlu adalah asas kepada hubungan sesama manusia atau hubungan dalam sesebuah institusi, seperti pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat. Masyarakat yang mempunyai sikap jujur ini akan lebih bertolak-ansur dan kehidupan bermasyarakat akan menjadi lebih harmoni. Menurut Mohammad Mustari (2020) nilai kejujuran ataupun akar kata “jujur” merupakan perilaku manusia berdasarkan keupayaan menjadikan dirinya sebagai seseorang yang beroleh kepercayaan daripada orang lain. Dapat dirumuskan bahawa nilai kejujuran ini merupakan seseorang manusia yang dipercayai sama ada melalui perkataan, perbuatan, atau kerja-kerja yang dilakukan baik berlaku jujur terhadap diri sendiri mahupun pada orang lain.

4.9.1 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Bercakap Benar

Maksud bercakap benar ialah mengatakan sesuatu yang hak dengan benar tanpa berselindung dan menokok tambah. Bercakap benar juga merujuk kepada pertuturan yang jujur yang lahir dari hati tanpa berbohong menurut Mohd Ali Hashimi (1992) merumuskan bahawa sikap bercakap benar adalah kelakuan manusia yang jujur dalam percakapan. Oleh itu, sikap bercakap benar dapat disimpulkan bahawa manusia yang tidak berdusta sama ada dari pertuturan, percakapan, perbicaraan, pemberitahuan dengan kata-kata yang tidak betul, sah, benar dan juga tidak mengandungi unsur penipuan.

Nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar diperlihatkan menerusi naratif lisan bertajuk *Kezaliman Seorang Raja* ;

Petikan 19

“Sistem pemerintahan baginda yang begitu kejam ini telah membuatkan rakyat terpaksa mengadu kepada Tuan Puteri Saadong yang dikatakan bersemayam di Bukit Marak pada ketika itu. Peristiwa kezaliman terhadap rakyat jelata yang dilakukan oleh Sultan Abdul Rahim ini telah mengganggu ketenteraman bagin Puteri Saadong yang ketika itu masih menanggung duka atas kecurangan dan kematian suaminya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 74-76)

Berdasarkan kisah di atas menonjolkan sikap masyarakat yang bercakap benar akan kepincangan pemerintahan perintah menerusi naratif lisan *Kezaliman Seorang Raja* ini diperlihatkan dalam diri segenap masyarakat di bawah pemerintahan Sultan Abdul Rahim pada ketika itu. Nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar merupakan sifat yang perlu ada bagi kehidupan manusia. Sebagai contoh, masyarakat atau rakyat di bawah pemerintahan Sultan Abdul Rahim ketika itu telah datang mengadap Puteri Saadong dan telah menceritakan, meluahkan, dan mengadukan tindakan Sultan Abdul Rahim yang telah menyiksa rakyat jelata dan memeras ugut atas hasil pertanian. Hal ini demikian dikatakan tindakan yang zalim kerana sebagai seorang pemimpin, kejujuran itu harus dimiliki untuk berjaya dalam hidup. Kejujuran dalam mentadbir sesebuah organisasi merupakan elemen yang penting, terutamanya untuk mengekalkan persekitaran kerja yang berkesan dan ini membawa kepada keberkesanan membuat keputusan yang bijak. Dalam konteks budaya masyarakat. Kejujuran amat dititikberatkan kerana dengan adanya sifat jujur sesebuah institusi itu dapat bertahan lebih lama.

Pendekatan dakwah merupakan pendekatan yang sejajar dengan nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (1898) dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini demikian kerana sikap bercakap benar terkandung dalam nilai kejujuran yang merupakan sifat mulia di sisi Allah SWT. Menerusi pendekatan dakwah ini boleh dilihat bahawa nilai kejujuran melalui bercakap benar telah menjadi dasar manusia untuk meningkatkan keimanan kepada Allah SWT. Sikap

bercakap benar yang dilakukan oleh rakyat jelata di bawah pemerintah Sultan Abdul Rahim kepada Puteri Saadong adalah sikap yang sewajarnya dilaksanakan kerana sebagai pemimpin yang baik tidak selayaknya untuk memperlakukan rakyat jelata sedemikian.

4.9.2 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Amanah

Nilai kejujuran merupakan sikap, perlakuan, perbuatan, tingkah laku, dan perilaku yang baik tanpa meminta sebarang imbuhan. Amanah adalah rasa yang timbul untuk mempercayai dan yakin terhadap manusia. Justeru nilai kejujuran dikaitkan dengan sikap amanah yang perlu ada dalam diri setiap manusia.

Dalam Islam, pasti diketahui bahawa agama memperuntukkan setiap daripada yang beragama Islam untuk memupuk diri berlaku jujur dan menjaga amanah yang diterima dari orang lain. Bahkan dalam Islam juga telah mewajibkan untuk menjaga, memelihara, dan merahsiakan amanah dengan jujur kerana ia melibatkan kepercayaan seseorang manusia.

Terdapat cerita-cerita rakyat yang memperlihatkan sikap amanah ini. Antaranya adalah seperti ;

Petikan 20

“Persembunyiannya itu tidak diketahui oleh pihak musuh kerana identitinya tidak dihebohkan oleh masyarakat setempat kerana tahu sejarah beliau di Patani. Masyarakat kampung itu juga menyimpan rahsiannya sehingga ke saat kematian beliau. Beliau menghembuskan nafas terakhir di Pulau Gajah.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 58-59)

Kisah di atas yang digarap daripada naratif lisan bertajuk *Haji Long Abdul Rahman*, nilai kejujuran melalui sikap amanah dapat dilihat melalui kejujuran masyarakat kampung yang memegang amanah untuk menyembunyikan, merahsiakan, dan berpura-pura seperti tidak mengetahui sebarang hal berkaitannya dengan Raja Patani

itu. Selain daripada menyembunyikan identiti sebenar Haji Long Abdul Rahman, masyarakat juga berpegang teguh dan bersatu hati untuk menyembunyikan tempat beliau dikebumikan. Dalam disimpulkan bahawa masyarakat Melayu ketika itu sangat berpegang teguh pada ajaran agama yang menuntut umatnya untuk menjaga amanah dari orang lain. Hal ini disebabkan oleh sikap amanah melibatkan kepercayaan seseorang terhadap seseorang yang lain.

Sehubungan dengan itu, nilai kejujuran melalui sikap amanah berkait rapat dengan pendekatan dakwah. Hashim Awang (2002) menyatakan bahawa pendekatan dakwah menerusi pengkaedahan keagamaan yang terkandung dalam teori Pengkaedahan Melayu adalah signifikan dan bersesuaian untuk digunapakai dalam memperincikan nilai kejujuran melalui sikap amanah yang digalas oleh masyarakat kampung pada ketika itu dalam merahsiakan dan menyembunyikan identiti sebenar Haji Long Abdul Rahman.

4.9.3 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Keikhlasan

Ikhlas merupakan perkataan yang mudah dilafazkan dengan lidah ketika berbicara, berbual, berborak dan bercakap-cakap. Namun kadangkala ia menjadi sikap yang amat berat untuk tidak mepedulikannya. Sikap keikhlasan adalah definisi umum yang merujuk kepada murni, bersih dan suci. Ikhlas adalah segala perbuatan yang hanya dilakukan kerana Allah SWT sama ada melalui pertuturan, perbuatan dan pemikiran dan sentiasa mendapat keredhaan daripada-Nya.

Menilai keikhlasan untuk diri sendiri juga berasa payah inikan pula mengukur pada manusia. Hal ini demikian telah menjadi lumrah dalam kalangan masyarakat untuk menuding jari jikalau sebarang kesilapan berlaku. Sikap keikhlasan ini dalam dilihat menerusi petikan teks *Che Deraman* ;

Petikan 21

“Setelah selesai merawat, hamba tersebut memberitahu bahawa dia tidak mempunyai wang untuk diberikan sebagai upah. Che Deraman dengan baik hati tidak meminta upah daripada hamba tersebut. Hamba tersebut terus menangis dan tidak henti-henti berterima kasih kepada beliau.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 60-61)

Kisah seterusnya jelas memperlihatkan sikap ikhlas Che Deraman yang tidak meminta-minta wang daripada hamba tersebut sebagai upah. Sebagai contoh, kedatangan hamba miskin yang memakai baju lusuh ke rumahnya dan meminta pertolongan Che Deraman untuk merawatnya. Namun setelah rawatan selesai dibuat, hamba tersebut menyatakan bahawa dia tidak mempunyai sebarang wang jikalau Che Deraman mengenakan caj upahan rawatan.

Dalam konteks ini melihat sikap keikhlasan yang dimiliki oleh Che Derawan sebagai pawang kampung tidak meminta-minta upah wang ringgit, namun dia ikhlas merawat dan menyembuhkan penyakit yang dihadapi masyarakat kampung. Sikap suka membantu masyarakat kampung tanpa mengira siapa membuatkan masyarakat menghormati dan menyanjungi Che Deraman. Justeru, dengan mempraktikkan sikap ikhlas dalam diri akhirnya akan dihargai, dihormati, disenangi, dan juga disanjung.

Nilai kejujuran melalui sikap amanah dan sikap keikhlasan yang bertunjangan pendekatan dakwah yang berfungsi untuk menjawab segala persoalan berkaitan kesucian budi pekerti, baik hati, bahkan keikhlasan. Hashim Awang (2002) tiap perbuatan yang berlandaskan agama Islam ia lebih mencorakkan sesuatu budaya itu berpegang teguh dengan ajaran agama dan mencerminkan kesucian nilai-nilai murni. Secara ringkasnya, dapat dirumuskan bahawa nilai kejujuran melalui sikap keikhlasan ini diperlukan dalam diri tiap manusia kerana tiap tindakan, atau lain-lain dengan ikhlas dan redha akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT.

4.10 Nilai Kesederhanaan

Nilai sifat kesederhanaan ini pula diterjemahkan sebagai seseorang yang mempunyai sikap tidak keterlaluan atau tidak riak dalam membuat sesuatu keputusan atau pertimbangan. Keputusan atau tindakan yang akan dilakukan sama ada dalam aspek pemikiran, aspek pertuturan mahupun perbuatan semestinya akan mengambil kira kepentingan diri dan perasaan orang lain. Hal ini demikian kerana kesederhanaan membolehkan rakyat di negara untuk hidup harmoni dan bebas menganut, mengamalkan budaya sendiri dan penggunaan bahasa ibunda. Nilai kesederhanaan dapat disimpulkan dengan merujuk kepada sikap yang tidak keterlaluan dalam memutuskan satu-satu keputusan.

4.10.1 Nilai Kesederhanaan Melalui Sikap Pertuturan dan Tingkah Laku

Nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dan tingkah laku dengan menyingkap kata “pertuturan” yang merujuk kepada suatu saluran yang membolehkan kita untuk meluahkan perasaan ataupun emosi. Manakala kata “tingkah laku” menurut Raymond G. Miltenberger (2001) adalah sesuatu yang dilakukan mahupun cara untuk bertindak balas terhadap persekitaran. Dapat disimpulkan sikap pertuturan dan tingkah laku adalah perilaku, kelakuan mahupun perbuatan yang seringkali di ulang-ulang dan secara berterusan yang mencakupi emosi dan mental seseorang.

Nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dan tingkah laku terpancar melalui naratif lisan yang bertajuk *Nik Mat Keturunan Raja Banjar* ;

Petikan 22

“Walau bagaimanapun, Raja Jembal ini kurang menyenangkan apabila masyarakat setempat terlalu menghormatinya sehinggakan membahaskan diri dengan panggilan patik dan hamba. Hal ini kerana baginda merasakan baginda telah menghina golongan rakyat. Lalu baginda telah menukarkan namanya kepada Nik Mat Alim. Baginda telah mengikuti cara kehidupan rakyat jelata.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 77-79)

Berdasarkan kisah di atas, sifat kesederhanaan ini pula diterjemahkan sebagai seseorang yang mempunyai sikap tidak keterlaluan atau tidak riak dalam membuat sesuatu keputusan atau pertimbangan. Keputusan atau tindakan yang akan dilakukan sama ada dalam aspek pemikiran, aspek pertuturan mahupun perbuatan semestinya akan mengambil kira kepentingan diri dan perasaan orang lain. Sebagai contoh, baginda lebih gemar jikalau rakyat jelata memanggilnya dengan nama Nik Mat Alim kerana dirasakan hubungan di antara pemimpin dengan rakyat itu seakan tiada dan lebih ke arah hubungan persaudaraan sesama manusia. Dengan berbuat demikian, maka jelas memperlihatkan keperibadian Raja Jembal sebagai seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan menundukkan pertuturan serta tingkah laku yang membuatkan rakyat menjadi rapat.

Nilai kesederhanaan seorang pemimpin merupakan faktor utama agar ianya menjadi *role model* atau menjadi ikutan kepada orang yang dipimpinya. Seseorang pemimpin itu tidak perlu ada sifat pilih kasih atau memilih golongan yang sama taraf dengannya, kerana jika seseorang pemimpin itu hanya memilih golongan tertentu sahaja, sudah pasti orang yang dipimpinya akan hilang rasa hormat dan akan menjejaskan sistem organisasi tersebut. Tambahan lagi, seperti yang terkandung dalam cerita *Nik Mat Keturunan Banjar*, sikap kesederhanaan yang ditunjukkan dalam budaya masyarakat Melayu terdahulu sangat memberikan impak yang positif, walaupun seseorang pemimpin itu mempunyai pangkat atau darjat yang tinggi, namun pemimpin itu tetap hanya mahukan kesederhanaan dalam hidup sehingga rakyat sangat hormat kepadanya.

Berdasarkan contoh petikan yang diberikan daripada cerita *Nik Mat Keturunan Banjar*, nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dan tingkah laku boleh dihubungkan dengan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini demikian kerana nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dan tingkah laku adalah nilai yang merujuk

sepenuhnya kepada masyarakat membentuk kelompok masyarakat yang bersatu, harmoni, taat di samping setia kepada Raja dan Negara. Manusia yang mengamalkan sikap bersederhana menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyifatkan sebagai manusia yang akan dihormati dalam masyarakat dan terhindar daripada sifat sombong. Kesimpulannya, sikap kesederhanaan sejajar dengan pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang kerana sikap sederhana ini merupakan perbuatan, dan kelakuan yang berlaku secara nyata.

4.11 Penutup

Konklusinya, teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) telah membuktikan bahawa cerita rakyat Kelantan mengandungi banyak unsur nilai murni dalam budaya masyarakat Melayu terdahulu di mana unsur nilai ini boleh diaplikasikan dalam diri dan menjadikan teladan, rujukan juga garisan panduan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Unsur nilai yang ditonjolkan, dipaparkan dan diperlihatkan dalam cerita rakyat Kelantan ini bertujuan untuk menunjukkan tentang kepelbagaian unsur nilai yang terkandung dalam teks seterusnya dianalisis dengan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) yang memberi keberkesanan terhadap kebudayaan masyarakat Melayu. Unsur nilai yang digunakan dalam teks ini bukan hanya untuk memperlihatkan tentang nilai kepimpinan yang ada dalam pemimpin terdahulu, tetapi ianya sedikit sebanyak dapat memberikan kita pengajaran serta panduan kepada kita untuk mempraktikkan nilai itu dalam kehidupan kita.

BAB 5

RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bab 5 merupakan bahagian yang akan memberi gambaran secara menyeluruh secara ringkas mengenai kajian yang dijalankan sekaligus membuat kesimpulan mengenai dapatan hasil kajian sama ada menepati objektif kajian yang telah ditetapkan pada awal bab dan secara tidak langsung akan menjawab kepada persoalan yang terdapat dalam kajian yang mengkaji unsur nilai. Selain itu dalam bahagian ini, pengkaji turut memberikan beberapa cadangan dan saranan yang relevan dan boleh digunapakai dalam penyelidikan pada masa hadapan sekiranya teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dihasilkan sepenuhnya oleh Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2021 dijadikan dasar penyelidikan mengenai cerita rakyat mahupun naratif lisan. Hal ini demikian kerana penghasilan projek penyelidikan yang dijalankan kini sedikit sebanyak sememangnya turut membantu dalam mencapai objektif dan menjawab persoalan untuk kajian kelak yang sejajar dengan kajian yang pengkaji hasilkan. Dalam konteks memartabatkan naratif lisan ini, maka perbincangan yang disertakan dengan cadangan yang sewajarnya turut disimpulkan dalam bahagian ini agar ia jelas dan tidak bertentangan dengan tujuan utama kajian ini dihasilkan.

5.2 Rumusan

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan dengan mengkaji, menghurai dan menganalisis maklumat, maka pada bahagian rumusan ini adalah untuk merumuskan hasil dapatan kajian. Segala perbincangan dalam bab ini adalah berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap objektif kajian dengan lebih terperinci dalam bab empat sebelum ini yang telah menjadi garis panduan dan ketetapan untuk ditepati.

Dengan berpandukan analisis yang dilakukan terhadap objektif kajian yang pertama iaitu mengenal pasti unsur nilai yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu, pengkaji telah memperoleh maklumat dengan menggunakan kaedah kepustakaan iaitu dengan meneliti sumber-sumber daripada bahan bercetak antaranya ialah buku-buku rujukan, tesis, jurnal, artikel akhbar. *Kamus Dewan* juga telah digunakan untuk membantu pengkaji mencari makna, takrifan mahupun definisi berkaitan satu-satu perkataan yang tidak jelas. Kaedah kepustakaan digunapakai dalam kajian ini adalah untuk memperoleh seberapa banyak maklumat mengenai unsur nilai seperti nilai moral, nilai kemasyarakatan, dan nilai dakwah. Dengan berbuat demikian dengan tidak langsung membuktikan bahawa menerusi naratif lisan juga terkandung kepelbagaian unsur nilai yang dapat mempengaruhi pembentukan jati diri dan pembangunan sahsiah terhadap diri sendiri, masyarakat ataupun rakyat jelata.

Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan merupakan teks yang dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dengan kepadatan nilai murni yang menjadi nadi utama melahirkan masyarakat yang bertamadun dengan kemantapan penerapan nilai murni. Antara unsur nilai yang dikenalpasti adalah seperti nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hemah tinggi, nilai hormat-menghormati, nilai kasih sayang, nilai keadilan, nilai keberanian, nilai kerajinan, nilai kerajinan, nilai kebebasan, nilai kejujuran, nilai kerjasama, nilai kejujuran, nilai kesederhanaan, nilai rasional, nilai semangat bermasyarakat, dan nilai toleransi.

Kesemua unsur nilai yang dikenalpasti mempunyai fungsi, kepentingan malahan kelebihan tersendiri yang dipaparkan menjadi tatapan bahkan untuk dibaca kemudian dihayati, diamati, difahami lalu memupuk, menyemai, dan akhirnya mengamalkan nilai-nilai murni yang memberi kebaikan ini dalam kehidupan seharian.

Naratif lisan merupakan karya-karya yang dihasilkan oleh nenek moyang dan tersebar luas sehingga kini melalui lisan dan penulisan. Ia juga adalah cerita-cerita yang disampaikan oleh penglipur lara. Dan dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih cerita rakyat sebagai pilihan untuk dikaji dan memilih teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai bahan kajian utama. Hal ini demikian kerana cerita-cerita yang terkandung dalam teks ini adalah cerita rekaan yang disampaikan secara lisan dan diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain tanpa diketahui penciptanya yang akhirnya cerita-cerita tersebut dimiliki secara kolektif. Corak kehidupan dahulu berasal dari kelompok masyarakat yang terpencil seperti golongan petani, dan golongan nelayan kerana penempatan golongan ini suatu ketika dahulu sangat terpencil, dan jauh nun di pedalaman ataupun deretan penempatan di pesisir pantai. Wujudnya cerita rakyat adalah sebagai sumber hiburan, yang diselitkan dengan segala nilai murni sebagai bahan pengajaran dan pelajaran selain daripada alat untuk berkomunikasi, serta berinteraksi sesama manusia pada ketika itu.

Tambahan lagi, pemilihan teks ini amat bersesuaian dengan objektif kajian pengkaji. Hal ini disebabkan oleh kandungan cerita rakyat dan sub-kandungan yang terkandung dalam teks ini yang terbahagi kepada empat bahagian utama yang menjadi tarikan pengkaji untuk memilih teks ini sebagai teks kajian iaitu seperti cerita-cerita asal usul, cerita-cerita mistik, cerita-cerita tokoh dan yang terakhir cerita-cerita binatang. Setiap cerita yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam karyanya selain menghiburkan, ia juga sebenarnya sebuah teks yang mengkritik masyarakat, memberi

pengajaran dan secara tidak langsung telah memberi gambaran asli berkenaan dengan sistem sosial di dalam masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2020) dalam kajian *Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kotak Bharu, Kelantan : Satu Penelitian Kemasyarakatan* menyatakan bahawa naratif lisan adalah pendidikan awal dalam diri seseorang bermula dari peringkat kanak-kanak untuk mengembangkan ilmu dan memahami struktur hidup bermasyarakat. Hal ini dikatakan begitu kerana cerita rakyat adalah cerita yang berlaku di sekeliling, sama ada ia benar-benar berlaku atau sebaliknya namun keunggulan kandungan cerita dan cara penyampaian cerita-cerita tersebut menjadikan pendengarnya menuruti dan mengambil iktibar dari pengajaran.

Dalam pada itu, merujuk kepada dapatan kajian yang dianalisis berdasarkan objektif kajian yang kedua iaitu menganalisis kesan unsur nilai yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu terdapat kebudayaan masyarakat Melayu. Sejak akhir-akhir ini, kita acapkali dikejutkan dengan pelbagai masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat yang terlalu menikmati pembangunan negara yang semakin hari semakin gah di persada dunia. Dengan melihat segelintir masyarakat yang kini tidak lagi menitikberatkan kepentingan penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan masing-masing. Tidakkah mereka sedar akan kepentingan memupuk, menyemai, menerapkan lagi mempraktikkan nilai murni yang dapat mempengaruhi keperibadian sekali gus pembentukan modal insan dan pembangunan sosial yang berdaya saing, sihat, kreatif dan inovatif.

Teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang diterbitkan oleh UMK PRESS (2021) bukan sahaja memperlihatkan nilai-nilai murni yang berkepentingan dalam kehidupan seharian bahkan teks yang mempunyai

100 halaman bercetak ini turut memberi kesan terhadap kebudayaan masyarakat Melayu. Setelah di analisis dan dihuraikan satu per satu cerita-cerita rakyat yang telah dikepilkan menjadi sebuah penulisan yang digarap dari lisan lagi menambah nilai yang memberi impak kemanusiaan berperibadi mulia sekali gus pembentukan budaya dalam menjalani kehidupan bermasyarakat tanpa mengambil kira latar belakang, darjat, pangkat, dan juga harta.

Keberkesanan penerapan nilai murni dalam kehidupan secara bermasyarakat bukan sahaja dalam membentuk komuniti yang hebat, harmoni, hidup aman dan damai. Malahan membentuk budaya masyarakat terutama dalam kalangan masyarakat Melayu yang bertolak ansur, bertimbang rasa, dan berkelakuan baik. Sesungguhnya budaya masyarakat Melayu sebegini bertepatan dengan prinsip Rukun Negara yang terakhir iaitu kesopanan dan kesusilaan yang merujuk kepada hubungan harmoni yang terjalin dalam kalangan masyarakat. Hal ini sejajar dengan pembentukan jati diri dalam budaya masyarakat Melayu yang mengangkat tinggi nilai tata susila dengan penerapan nilai-nilai murni yang sempurna.

Sedangkan dalam Islam juga telah menitikberatkan untuk memperlihatkan kepada khalayak sisi terbaik berkenaan adab, adat, akhlak, budi bahasa, budi pekerti malah etika. Tuntutan ini adalah sejajar dan selari dengan yang diperuntuk dalam mempertahankan nilai harga diri orang Melayu yang beragama Islam yang sejak sekian lama telah mengamalkan nilai murni dalam kehidupan dan mempunyai pengaruh besar dalam membentuk perwatakan seseorang berbangsa Melayu. Di sebalik kata perwatakan yang dipancarkan perlu diketahui bahawa konsep harga diri Melayu itu tidak akan pernah terkeluar daripada dasar seseorang yang beragama Islam dan ia juga adalah identiti unggul yang menjadikan manusia sentiasa hidup berlandaskan agama, dan bersandarkan al-Quran dan hadis. Ajaran Islam dalam membentuk budaya masyarakat adalah berdasarkan kelakuan dan tindakan seseorang

yang menjadikan agama sebagai pegangan dan panduan. Secara tidak langsung akan membentuk hubungan kemanusiaan dengan memupuk nilai diri dan juga rujukan dalam sistem sosiobudaya orang Melayu.

Kebudayaan masyarakat Melayu telah menjadikan pengamalan nilai-nilai murni dalam kehidupan sebagai suatu tradisi. Diangkat sebagai tradisi kerana Melayu adalah satu-satu bangsa, kaum, dan kelompok masyarakat yang kaya dengan nilai murni. Oleh itu, kepelbagaian nilai murni yang boleh dihubungkan dengan kebudayaan sebagai contoh nilai baik dalam berbahasa yang mana budaya Melayu melarang akan seseorang yang menggunakan bahasa kesat, dan kasar kerana ia merupakan cara komunikasi yang biadab dan tidak mempunyai nilai moral berbanding penggunaan bahasa halus dan sopan. Bak kata peribahasa *sudah terang lagi bersuluh*, budaya Melayu sangat mengagumi cara seseorang berkomunikasi dan berinteraksi dengan penggunaan bahasa yang baik, dan menghormati. Pengamalan nilai murni membentuk budaya yang sehati dalam diri masing-masing. Sebagai contoh, nilai hormat-menghormati dalam penggunaan gelaran di kalangan ahli keluarga seperti Abang Long, Kak Ngah, Pak Usu dan sebagainya. Dalam konteks ini, gelaran digunakan adalah untuk menunjukkan rasa hormat terhadap ahli keluarga yang lebih tua, dan ditegah sama sekali untuk menggunakan ganti “aku, kau” ketika berkomunikasi. Dapat disimpulkan bahawa penggunaan sistem gelaran dalam kalangan ahli keluarga, atau masyarakat sekeliling dengan tujuan menunjukkan rasa hormat mahupun menghargai bukan sahaja memupuk suasana yang jauh lebih damai, bahkan mendidik individu lain untuk turut memahami bahawa kepentingan untuk memupuk, menerapkan dan menyemai nilai murni dan dipraktik dalam kalangan khalayak.

Dalam penghasilan kajian ini juga dapat dirumuskan bahawa masyarakat Melayu cukup sensitif dalam aspek sosial. Masyarakat Melayu bukan sahaja memberi perhatian terhadap aspek sosial, malahan menitikberatkan penerapan nilai-nilai murni.

Sebagai contoh jikalau duduk, tinggal bahkan menetap di dalam sebuah komuniti masyarakat kejiranan sistem sosial di kalangan mereka lebih kuat, akrab dan rapat yang sangat menitikberatkan untuk mengenali antara satu sama lain, melibatkan diri dalam semua aktiviti komuniti seperti gotong-royong, kenduri-kendara, perayaan juga sekiranya ada kematian. Bak kata orang Melayu dahulu *kera sumbang* yang merujuk kepada orang yang tidak mahu terlibat dan tidak bergaul dalam sebarang aktiviti sosial dengan masyarakat.

Namun begitu, sejak kebelakangan ini *kera sumbang* itulah merupakan bidalan yang semakin hari semakin bertepatan di kalangan orang Melayu yang menjadikan amalan, terikut-ikut, bahkan sedikit-sebanyak terpengaruh dengan budaya barat yang mengamalkan sistem hidup bersendirian tanpa bergaul dengan masyarakat, tidak mempedulikan masalah setempat, tidak mengenali jiran tetangga, malahan amalan bertegur sapa, hormat-menghormati, kunjung-mengunjungi, beramah-mesra dan segala aktiviti yang melibatkan kemasyarakatan tidak lagi dihiraukan lagi bahkan tidak lagi wujud suasana seperti masyarakat Melayu dahulu yang membudayakan terus menyemarakkan semangat kejiranan ataupun hidup bermasyarakat. Hal ini berlaku kerana sikap pentingkan diri sendiri telah menyelimuti hati dan kekurangan penerapan nilai murni dalam diri juga menyumbang kepada masalah sosial dalam masyarakat kerana kurangnya penglibatan aktiviti fizikal dan lebih gemar untuk berhubung dengan jiran tetangga menerusi maya semata-mata. Sehubungan itu dapat disimpulkan bahawa hari demi hari adab, sikap, tatasusila, budaya masyarakat Melayu yang telah menitikberatkan sejak dahulu lagi kian pudar.

Dalam pada merumuskan perbincangan analisis berdasarkan objektif kajian, kajian ini juga telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai tunjang utama rujukan dan garis panduan untuk memastikan kajian yang dijalankan selari dan tidak menyeleweng tanpa batasan. Teori Pengkaedhan Melayu yang telah

dikemukakan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 ketika beliau di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu berdasarkan kehidupan dan kebudayaan masyarakat Melayu seperti cara, amalan, sikap, dan juga kepercayaan.

Teori ini juga telah dibahagikan kepada dua, iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaji merumuskan bahawa teori ini lahir dari hati nurani Hashim Awang sebagai seseorang yang berbangsa Melayu dan berpegang teguh dengan ajaran agama Islam yang mana teori ini mengandungi daya kreativiti, dan pemikiran bangsa Melayu yang mempunyai agama, budaya, identiti dan maruah tersendiri. Hal ini demikian kerana sifat-sifat yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu sejak sekian lama dahulu yang unik, kreatif, dan juga akrab dengan alam sekeliling secara tidak langsung telah menimbulkan kepekaan dan perhatian yang mendalam terhadap segala kejadian yang berlaku di sekitar mereka. Oleh itu, maka tercetus segala karya sastera dan seni halus yang mengandungi keindahan dari segi bahasa, penyampaian dan makna. Justeru itu, Hashim Awang telah mencipta Teori Pengkaedahan Melayu yang mana tiap pengkaji yang ingin melakukan kajian terhadap karya sastera Melayu diperuntukkan sebolehnya untuk menggunakan kaedah sendiri agar sifat, nilai dan ciri-ciri yang terkandung dalam karya-karya sastera Melayu tersebut tidak terhakis dan hilang.

Hashim Awang (1997) menyatakan bahawa sewajarnya sebagai masyarakat Melayu untuk membentuk dan membina satu pengkaedahan sastera yang menggambarkan, melambangkan, dan mencerminkan jati diri bangsa Melayu dengan berlandaskan alam dan masyarakat sebagai wadah dan warisan budaya bangsa. Hal ini demikian kerana pada pendapat beliau berkata alam dan masyarakat merupakan unsur yang berkaitan dan saling berkebergantungan. Malahan kedua-dua unsur ini juga sebahagian besarnya telah mempengaruhi karya-karya sastera Melayu di dunia. Dapat disimpulkan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu ini adalah teori yang

digunapakai oleh pengkarya sastera Melayu dengan menjadikan alam dan masyarakat seperti yang dikemukakan oleh Hashim Awang (1997) sebagai sumber penulisan kreatif yang menggambarkan budaya fikiran dan akal budi mereka.

Rentetan daripada itu, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) dalam kajian yang dikaji pengkaji yang bertajuk *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989)* telah mewujudkan satu jalinan dan hubungkait yang bertepatan dan bersesuaian. Hal ini demikian kerana kajian pengkaji adalah untuk mengupas, mengulas, menghurai dan menganalisis unsur nilai yang mana unsur nilai itu merujuk kepada nilai-nilai murni yang seharusnya ada dalam diri tiap manusia. Unsur nilai yang diperkatakan oleh pengkaji antaranya adalah seperti nilai baik hati, nilai kesyukuran, nilai semangat bermasyarakat, nilai hormat-menghormati dan banyak lagi.

Seperti sedia maklum nilai murni adalah sesuatu yang boleh dilihat menerusi pertuturan, perbuatan bahkan melalui pemikiran juga ia boleh ditonjolkan. Maka dengan itu, pengkaji telah memilih Teori Pengkaedahan Melayu ini adalah kerana nilai murni merupakan sesuatu yang merujuk kepada sikap dan sifat masyarakat Melayu yang di praktis dan di praktik dalam kehidupan seharian sehingga memberi kesan kebudayaan terhadap masyarakat. Manakala Teori Pengkaedahan Melayu merujuk kepada sifat-sifat masyarakat yang saling berhubungan dengan segala kejadian di sekeliling mereka berdasarkan kehidupan dan kebudayaan yang diperlihatkan menerusi cara, sikap dan kepercayaan. Justeru, kajian unsur nilai dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dipancarkan menerusi maksud, definisi, pengertian dan rujukan yang sama, selari juga sejajar iaitu melalui cara, amalan seharian, kepercayaan, dan kebudayaan dalam lingkungan masyarakat Melayu.

Kesimpulannya, unsur nilai yang merangkumi segala nilai murni yang digarap bukan sahaja dapat memberikan kesan kesedaran terhadap diri sendiri sekiranya diamalkan bahkan ia juga telah memberi kesan yang mendalam terhadap masyarakat, dan negara. Dengan penerapan nilai murni dalam diri tiap manusia dalam kehidupan bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan kemasyarakatan, malah perpaduan masyarakat majmuk kerana nilai hormat-menghormati, nilai sayang-menyayangi, nilai bertolak-ansur, nilai toleransi dan lain-lain digunapakai dan juga diamalkan dalam kehidupan. Sebagai contoh di Malaysia, hak kebebasan untuk mengamalkan dan menganut agama itu terpulang pada diri masing-masing namun sebagai manusia yang bermoral, berfikiran rasional dan waras seharusnya kita menghormati adat, kepercayaan, dan pegangan kaum lain tanpa berburuk sangka dan saling menghormati agar akhirnya sebagai masyarakat yang hidup mengamalkan semangat kemasyarakatan ini terus hidup aman, damai, dan harmoni tanpa sebarang perselisihan fahaman dan lain-lain. Maka, jelaslah bahawa dengan menerapkan nilai-nilai murni dengan tegasnya dalam kehidupan akan memberi kesan kebudayaan masyarakat yang positif, berdaya saing dan saling menghargai.

5.3 Cadangan

Setelah memperoleh maklumat, menganalisis, dan juga merumuskan kini pada bahagian cadangan pengkaji ini mengemukakan beberapa cadangan berkaitan kajian *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989)*. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian dalam bab sebelum-sebelumnya pengkaji peroleh kekuatan untuk mengusulkan beberapa cadangan yang bersesuaian dan bertepatan berdasarkan tajuk kajian yang dikaji oleh pengkaji yang dirasakan mampu untuk mempengaruhi fikiran generasi muda kini untuk memelihara dan memartabatkan cerita-cerita rakyat Melayu. Berikut merupakan antara cadangan yang difikirkan bersesuaian oleh pengkaji.

Antaranya adalah memupuk nilai murni terhadap diri sendiri. Nilai adalah sesuatu yang menjadi ukuran dan merupakan satu kepentingan juga keperluan dalam diri yang menjadi pegangan sebagai neraca dalam menentukan perlakuan, perbuatan, tingkah laku, perilaku, kelakuan, tidak tanduk mahupun amalan dan ia sentiasa ada di dalam diri seorang manusia. Dalam membentuk nilai diri yang sempurna adalah memiliki ilmu pengetahuan yang juga sempurna. Oleh itu, mendapatkan pendidikan yang sempurna sama ada secara formal ataupun tidak formal adalah sangat penting dan dituntut kerana ilmu itu akan secara tidak langsung akan membentuk sistem nilai dalam diri masing-masing. Seseorang yang mempunyai ilmu yang tinggi, sudah pasti semangat kewibawaan dan kebolehpayaan yang tinggi turut dimiliki untuk menilai sesuatu hal.

Selain itu, setiap pandangan yang diajukan pasti akan dihargai kerana memiliki imej dan karakter sebagai seorang ilmuan yang disegani dan dihormati langsung dipercayai oleh masyarakat sekeliling. Sementara itu, pengalaman hidup yang dilalui oleh seseorang itu juga turut mempengaruhi pembentukan nilai dalam diri seseorang

manusia. Bukan hanya menerusi ilmu yang digarap dari pendidikan di sekolah, namun dengan apa yang terjadi dan dilalui dalam kehidupannya juga turut menjadi dasar pembentukan nilai diri yang berperibadi mulia. Hal ini demikian kerana segala kepayahan, kesulitan, kesukaran, dan kesusahan yang dilalui dengan penuh cabaran, dugaan, ujian, dan rintangan dalam meneruskan kehidupan yang menjadi pengalaman sekali gus mendidik seseorang manusia itu cara untuk berfikir secara telus, matang, waras, rasional malah mempunyai pemikiran yang relevan.

Penerapan nilai murni dalam diri juga turut dipengaruhi oleh faktor keluarga dan latar belakang kehidupan. Keluarga yang berpendidikan pastinya mempunyai sistem nilai yang tinggi seterusnya akan mengutamakan nilai-nilai murni di dalam kehidupan sehari-hari. Secara tidak langsung mempengaruhi diri untuk berdisiplin. Bak kata pepatah *bapa borek anak rintik* begitulah perumpamaan yang boleh disamakan sekiranya bapa sebagai tunjang keluarga memainkan peranan dengan mementingkan nilai berdisiplin, maka akan melahirkan anak-anak yang mempunyai rasa bertanggungjawab dalam diri untuk memupuk nilai berdisiplin.

Walaupun berada di dalam keluarga yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka, namun faktor pergaulan dengan rakan sebaya juga akan mempengaruhi, memberi kesan, serta impak terhadap diri seseorang. Sekiranya pergaulan dengan rakan sebaya memberi pengaruh negatif, maka pembentukan nilai murni dalam diri akan turut mempengaruhi dan menjejaskan pembentukan akhlak. Hal ini demikian kerana di peringkat remaja misalnya mudah terpengaruh dan terikut-ikut dengan budaya luar dan rakan-rakan berbanding keluarga sendiri yang akhirnya akan meruntuhkan keperibadian.

Cadangan memupuk nilai murni terhadap diri sendiri yang terakhir adalah kita sewajarnya yakin bahawa setiap nilai yang diturunkan oleh Allah SWT merupakan nilai

yang terbaik. Hal ini demikian kerana kita sebagai hamba dan manusia adalah ciptaan-Nya, oleh itu kita sememangnya wajar untuk berasa yakin dan percaya kepada-Nya. Sedangkan dalam Islam juga telah menekankan bahawa nilai akhlak itu adalah nilai yang tetap dan tidak berubah-ubah. Di samping itu, nilai akhlak ini disifatkan sebagai sesuatu yang mempengaruhi dalaman yang menjadi fitrah bagi nilai-nilai murni ini datang daripada agama. Justeru, jikalau hendak membina kekuatan dalam diri dengan menerapkan nilai-nilai murni, kita seharusnya membinanya dari dalam. Ada ulama dulu berpendapat, pembentukan nilai dalam diri seseorang manusia perlu dibina akalnya terlebih dahulu melalui ilmu pengetahuan, keberanian daripada sifat marah, dan keinginan, kehendak, kemahuan yang perlu dikawal untuk menghasilkan nilai kesederhanaan.

Kesimpulannya, memupuk nilai murni dalam diri sendiri bergantung dengan nilai kesabaran dan nilai keyakinan seseorang individu itu sendiri. Hal ini demikian kerana dalam memupuk, menerapkan lantas mempraktikkan nilai-nilai murni dalam kehidupan merupakan satu proses yang mengambil masa kerana ia bukan melibatkan fizikal sahaja bahkan ia juga melibatkan mental, rohani, dan jasmani yang akhirnya akan membentuk nilai akhlak yang sangat tinggi.

Kedua ialah memupuk nilai murni menerusi kesedaran ibu bapa. Ibu bapa merupakan kata sifat yang merujuk kepada sesuatu yang berkaitan dengan saudara ataupun ibu bapa. Ibu bapa adalah mereka yang berperanan sebagai orang tua yang memiliki nilai kasih sayang dan nilai kecintaan terhadap anak-anak. Dalam konteks ini membicarakan tentang tanggungjawab ibu bapa memupuk nilai-nilai murni terhadap anak-anak.

Dalam mengatasi keruntuhan nilai moral dalam kalangan masyarakat adalah seharusnya kesedaran ibu bapa perlu dipertingkatkan dan membuka mata mereka

akan kepentingan menerap, menyemai, menyulami dan memupuk nilai-nilai murni dalam diri anak-anak ketika mereka masih dalam proses pertumbuhan mengenal erti kehidupan sebenar seperti ibu bapa yang terlebih dahulu mencorak langkah dalam membentuk keperibadian, identiti, dan ideologi anak-anak di masa hadapan. Merujuk perkara di atas ibu bapa boleh menggunakan kaedah psikologi dengan mendidik ataupun mengajar anak-anak tentang kepentingan memupuk nilai kejiwaan dan nilai semangat kemasyarakatan agar mereka boleh berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik dalam budaya sosial. Selain itu, ibu bapa juga boleh menggunakan kaedah lain seperti membawa anak-anak mengikuti ke sebarang program yang dianjurkan dalam kalangan komuniti seperti program gotong-royong, majlis perayaan, ataupun majlis-majlis tertentu adalah usaha untuk memupuk nilai murni.

Namun begitu, jikalau ibu bapa hanya memandang enteng dalam masalah keruntuhan akhlak yang melibatkan belia muda masa kini yang berada di tahap perkembangan yang lebih dewasa, pastinya akan menimbulkan masalah di kemudian hari seperti masalah penyalahgunaan dadah, penglibatan dalam seks bebas, penganiayaan kanak-kanak, rasuah, sumbang mahram, penyalahgunaan teknologi dan lain-lain. Hal ini terjadi kerana kerenggangan dalam hubungan kekeluargaan, kekurangan didikan agama, kerapuhan jati diri malahan pergaulan dan persekitaran juga menjadi penyumbang kepada masalah sosial yang melibatkan anak muda.

Dalam konteks ini dapat disimpulkan bahawa peranan ibu bapa sebagai tulang belakang kepada anak-anak adalah untuk memberi komitmen dan menjalankan tanggungjawab sebaiknya dengan melindungi dan memberi didikan sekaligus menyemai nilai murni. Dengan berbuat demikian tiap yang dilakukan oleh anak-anak sama ada positif atau sebaliknya adalah bermula daripada tingkah laku, perilaku, gerak-geri dan tindak tanduk ibu bapa di rumah. Di samping itu, ibu bapa juga perlulah sabar dalam mendidik anak-anak kerana untuk memastikan pembentukan akhlak

insaniah yang bermoral pada masa hadapan, dan menjadi seseorang yang berguna. Jelaslah bahawa nilai murni adalah amat penting dalam merencana kehidupan insan yang berakhlak mulia demi mencapai keharmonian.

Seterusnya, memupuk nilai murni dalam kalangan masyarakat. Kerjasama dalam kalangan masyarakat dalam penerapan nilai-nilai murni juga perlu dititikberatkan. Masyarakat secara umumnya merupakan salah satu pihak yang bertanggungjawab dalam usaha yang menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berakhlak mulia, berbudi pekerti, dan berbudi bahasa. Sesungguhnya, amalan yang baik akan mempengaruhi sikap dan memberi impak kebudayaan kemasyarakatan yang aman dan menjamin kepada kesejahteraan dan keselamatan negara. Sebagai contoh, mengadakan sebarang program kemasyarakatan di kampung, taman perumahan dan kawasan penempatan penduduk seperti program bergotong-royong membersihkan kawasan sekeliling kampung, membantu meringankan beban keluarga miskin, dan pelbagai aktiviti riadah yang boleh dilakukan bersama-sama. Hal ini akan mewujudkan masyarakat yang memiliki semangat kejiranan yang tinggi, mempunyai nilai budi, sekali gus mengukuhkan perpaduan dan harmoni dalam kalangan masyarakat.

Dengan mengadakan usaha seperti itu akan memberi peluang untuk masyarakat menghayati kepentingan semangat kerjasama, dan juga untuk meluangkan masa bersama. Hal ini demikian kerana masyarakat kini bukan hanya mengejar kepentingan duniawi sahaja namun lebih menyedihkan apabila ada segelintir masyarakat bersikap seperti *katak di bawah tempurung* kerana tidak bergaul, tidak bercampur malah tidak bertegur sapa walaupun dengan jiran tetangga yang berada di sebelah kanan, kiri, depan dan belakang.

Penerapan nilai murni diperlukan dalam kehidupan adalah untuk membentuk generasi yang mempunyai ilmu dan pegangan agama yang utuh. Ia bukan sahaja

dapat mencorak masyarakat yang berpegang teguh pada ajaran agama namun dapat melahirkan modal insan yang sentiasa taat dan patuh akan perintah dan suruhan Allah SWT. Oleh itu, usaha yang setimpal perlulah diterapkan untuk menyelami jiwa anak muda terutamanya dengan nilai-nilai murni berdasarkan doktrin agama masing-masing. Hal ini demikian kerana penerapan nilai dengan bersandarkan agama secara tidak langsung memperoleh masyarakat yang mengamalkan norma bersatu padu, dan berganding bahu. Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa penerapan nilai murni dalam masyarakat dengan berpandukan agama Islam terutamanya akan mewujudkan suasana aman, damai dan harmoni, malahan melahirkan masyarakat muda yang alim dan menjadikan agama sebagai pegangan dan rujukan dalam kehidupan.

Berikutnya, memupuk nilai murni menerusi peranan media massa. Pada zaman yang semakin maju dan moden ini, media massa merupakan penyumbang yang paling efektif untuk memberi peranan dalam memupuk nilai murni dalam kalangan masyarakat. Peranan media massa dalam memupuk nilai murni dalam masyarakat adalah dengan cara menyebarkan atau memberi maklumat tentang budaya masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum serta kepercayaan. Hal ini akan menyebabkan, rakyat Malaysia akan mengetahui dengan lebih terperinci tentang budaya masyarakat lain yang kaya dengan pelbagai tradisi dan adat.

Media elektronik iaitu penggunaan jaringan internet merupakan antara media massa yang sangat berguna pada zaman yang semakin maju. Hal ini kerana, dengan penggunaan seperti media elektronik seperti telefon bimbit mahupun komputer riba, ianya merupakan media yang sangat cepat dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Sebagai contoh, mengadakan satu kempen yang memperlihatkan tentang kebaikan hidup bermasyarakat dengan menggunakan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan lain-lain. Dengan menggunakan media sosial, kita dapat

menyebarkan kesedaran tentang pentingnya hidup bermasyarakat dan kita juga dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain.

Terakhir, memupuk nilai murni dengan penglibatan pihak kerajaan. Dalam menghadapi zaman kemodenan ini, usaha yang boleh dilakukan dalam mengeratkan hubungan atau perpaduan dalam masyarakat di Malaysia ialah dengan penglibatan pihak kerajaan. Pihak kerajaan harus bertanggungjawab dalam merealisasikan perpaduan kaum. Selain itu, kerajaan perlu mengadakan kepelbagaian kempen kesedaran kepada masyarakat sama ada di bandar dan luar bandar yang kian rancak dalam pembangunan ekonomi negara. Namun begitu, kempen kesedaran yang diadakan, dan dianjurkan semestinya diyakini mampu memberi impak yang positif dalam diri khalayak dan harapannya tidak membuat hanya sekerat jalan kerana ia membataskan proses pembentukan modal insan yang berpeluang untuk mengubah diri menjadi yang lebih baik. Hal ini demikian kerana jikalau inisiatif ini dilakukan sambil lewa, masyarakat akan terus hanyut dengan segala kecanggihan modenisasi dan makan terus dibanjiri dengan budaya luar.

Sebagai contoh, kerajaan perlu mengadakan Majlis Rumah Terbuka peringkat kebangsaan untuk menyambut perayaan kaum utama Malaysia amat dialu-alukan. Dengan adanya majlis tersebut ianya mampu mempengaruhi masyarakat untuk hadir dan dapat mengetahui tentang adat atau setiap perayaan kaum-kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Hubungan yang erat antara masyarakat pelbagai kaum dan latar belakang hubungan antara kaum dalam majlis sebegini dapat memperkasakan hubungan antara kaum di Malaysia.

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa inisiatif yang komprehensif dan berterusan akan membuatkan masyarakat umum rasa lebih bersemangat untuk melakukan segala kegiatan ataupun aktiviti yang bermanfaat. Dan secara tidak

langsung dengan segala kempen kesedaran yang dianjurkan dengan melibatkan semua pihak akan mengeratkan hubungan kemanusiaan.

Secara keseluruhannya, cadangan yang dihuraikan berdasarkan kajian ke atas teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang cadangan dan teks tersebut mempunyai kaitan. Meskipun teks ini adalah terbitan terbaru, namun keupayaan penulis dalam menyampaikan maksud tersurat dan tersirat menerusi cerita-cerita rakyat terpilih amat dikagumi. Oleh itu, pengkaji menjadikan teks ini sebagai panduan dalam mencetuskan cadangan-cadangan yang relevan dan boleh digunapakai pada masa kini, mahupun hadapan. Jelaslah bahawa teks *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* bukan sahaja mengandungi cerita rakyat malahan ia bermanfaat kepada pembacanya.

5.4 Penutup

Dalam konteks kajian ini dapat dilihat bahawa penerapan nilai murni dalam diri adalah sesuatu hal yang perlu dititikberatkan. Hal ini demikian kerana untuk memerangi masalah keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat seharusnya mendapat sambutan dan penglibatan semua pihak. *Bersatu teguh, bercerai roboh* itulah peribahasa yang sesuai digunapakai untuk merujuk kepada kepentingan menerapkan, menyemai, dan memupuk nilai murni dalam diri, masyarakat, dan tiap manusia. Kesimpulannya, seperti sedia maklum masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan nilai murni yang diamalkan dalam kehidupan. Namun masih segelintir masyarakat yang memandang rendah dengan kelebihan, kemampuan dan kehebatan mengamalkan segala nilai murni dalam kehidupan sehari-hari sama ada memberi impak pada diri, masyarakat, dan juga kerajaan. Sudah terang lagi bersuluh, kini jelas bahawa nilai murni mempunyai kepentingan tersendiri dalam hidup dan yang pastinya ia akan menjamin kesejahteraan hidup sejagat. Bahkan pemupukan nilai-nilai murni dalam diri bukan hanya membentuk dan melahirkan modal insan yang berwibawa, namun keberkesanan terhadap kebudayaan masyarakat Melayu terutamanya daripada terus hanyut dibuai dengan segala kecanggihan elektronik dan taksud dengan budaya luar.

Bibliografi

- Abdul Halim Ali (2020). *Inti Sari Teori Sastera Barat Dan Malaysia*. Nha Excell Resources.
- Abdul Wahid (2018) Dakwah Dalam Pendekatan Nilai-Nilai Kearifan Lokal. *Jurnal Dakwah Tabligh*, 19(1), 1-19.
- Ahmad Sahlah Abdul Hatim & Rosmawati Mohamad Rasit (2015) Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia. *Al-Hikmah Journal Of Islamic Dakwah*, 7(1), 132-148.
- Azhar Hj Wahid & Abdul Ghani Hj Abu (2015) Membina Kritikan Sastera Melayu Dalam Jalur Pascamodenisme. *Rumpun Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu*, 3, 34-46.
- Ayu Nor Azilah Mohamad & Wayu Nor Asikin Mohamad (2017) Interaksi Sosial Masyarakat Johor-Riau Antara Tahun 1600 Hingga 1700 Berdasarkan Karya-Karya Historiografi Terpilih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1), 253-263.
- Che Abdullah Che Ya (2018) Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Clarice Gallus & Low Kok On (2016) Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema. *Jurnal Gendang Alam*, 6, 28-53.
- Fifi Anak Rinyuk (2017) *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Fakulti Bahasa Dan Komunikasi Upsi, 1-17.
- Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin (2017) Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 8 (2017), 36-46.
- Hadijah Johari, Norshahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melayu Melalui Dakwah Islamiah*. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 1-11.
- Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali@Zalay (2020) Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideologi Journal*, 5(1), 43-56.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Sabah. *Manu Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 32(1), 175-201.
- Johari Yahaya (2015) Iaitu *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Academia, 1-24.
- Jumali Hj. Selamat (2009) Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12 (2009), 19-37.
- Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi & Maizira Abdul Majid (2020) *Hubungan Rakyat Dan Pemerintah Dalam Tradisi Lisan Dari Perspektif Kepimpinan*. *Akademika*, 90(3), 117-128.

- Mansor Sulaiman (2021) Pengaruh Persekitaran Terhadap Pembentukan Akhlak Pembina Tamadun. *International Journal Of Humanities Technology And Civilization (Ijhtc)*, 3(10), 36-50.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015) Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu (Jomas)*, 26(1), 95-116.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2015) Awang Batil Dan Pura Taman: Suatu Perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu Dan Orang Asli. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(1), 49-64.
- Mohd Fahmi Bin Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 6(2), 101-120.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 6(2), 121-143.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) Cerita Rakyat Melayu: Satu Analisis Pancaran Jadi Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistic (Ijleal)*, 3, 91-100.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Cerita-Cerita Lisan Melayu*. Penerbit Umk.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Penerbit Umk.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengkaedahan Melayu*. Penerbit Umk.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2021) Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah. *Journal Of Business And Social Developement*. 9(1), 51-62.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Muhammad Nur Al Hakim Mohamad Hanafiah (2020) Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. *Jurnal Melayu*, 19(2), 189-204.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 5(2), 94-107.

- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 5(2), 21-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018) Fenomena Sosial Dalam Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 6(1), 95-116.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, 1-36.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) Analisis Aspek Kemasyarakatan Melalui Pemikiran A. Samad Said Dalam Novel Daerah Zeni Dan Hujan Pagi. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 9(2), 15-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 8(2).
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Perbadanan Melayu*, 16(2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 8(1).
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shahrudin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (Ijleal)*, 6 (2017), 35-44.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021) *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak*. Sains Insani, 6(1), 91-98.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017) Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(4), 26-30.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusof, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak (2021) Masyarakat Orang Asli Jakun Di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan. *Malaysian Journal Of Society And Space*, 17(2), 355-365.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah (2015) Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu Di Malaysia. *Malaysian Journal Of Communication*, 31(2), 33-46.
- Muhammad Atiullah Othman & Indriaty Ismail (2016) *Pengetahuan Sebagai Elemen Tanggungjawab Manusia Menurut Perspektif Islam*. *Islamiyyat*, 38(1), 65-70.
- Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri (2021) Iaitu *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Universiti Malaysia Kelantan (Umk).

- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (Ijleal)*, 10(2), 48-56.
- Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) Bertajuk *Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu Di Sarawak Untuk Persembahan Teater*. *Advances In Humanities And Contemporary Studies*, 2(2), 34-41.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) *Naratif Puteri Santubong Dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik*. *Issues In Language Studies*, 10(1), 110-132.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2020) Application Of Theory Of Malay Methology In Light Of The Rural Though An Art Approach. *International Journal On Studies In English Language And Literature (Ijsell)*, 8(5), 19-25.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) *The Proselytization Aspect In The Novel Suriati Based On The Proselytization Approach Of The Malays Methodology Theory*. *Malay Literature*, 32(1), 116-144.
- Nadia Ishak, Kamariah Kamarudin, Halis Azhan Mohd Hanafiah & Haliza Abdul Rahman (2021) Literature Role In The Daily Malay Community In The Novel "Seorang Tua Di Kaki Gunung From The Perspective Theory Of Pengkaedahan Melayu". *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 11(15), 1-14.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017) *Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan*. Conference Kuis.
- Nik Nurul Azreen Nik Mohamad Sharifuddin & Salmah Jan Noor Muhammad (2019) Cultural Values Of The Malay Community Through "Hikayat Misa Melayu". *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 9(11), 1172-1179.
- Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021) Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 9(1), 18-29.
- Nor Hasimah Ismail, Mardzelah Makhsin, Fauziah Md Jaafar & Mohammad Syawal Narawi (2019) *Nilai Murni Dalam Karya Animasi*. *Uum Irepository*, 101-105.
- Normaliza Abd Rahim, Awang Azman Awang Pawi & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) Integration Of Values And Culture In Malay Folklore Animation. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 26(1), 359-374.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2016) Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, 14(1).
- Norzatul Iqma Mohd Noor (2020) *Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih Di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan (Umk).

- Noviatin Syarifuddin (2016) Manifestasi Legenda Kepahlawanan Monsopiad Sebagai Identiti Etnik Kadazandusun: Citra Dari Kacamata Pribumi Penampang, Sabah. *Malaysian Journal Of Society And Space*, 12(5), 136-147.
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020) Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (Apj)*, 3(2), 147-160.
- Nur Safiah Mohd Zakir (2020) Dalam Kajian Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam *Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan (Umk).
- Nur Shahirah Othman (2020) *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Malaysian Academic Library Institutional Repository (Malrep).
- Nurul Safiah Ab. Rahim (2020) *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa Karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan (Umk).
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejan F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 49-59.
- Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*, 1(1), 20-49.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019) Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.
- Siti Aishah Jusof, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 12(2), 67-79.
- Siti Faridah Leong Abdullah & Bazrul Bahaman (2017) Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni. *Jurnal Persuratan Melayu*, 5(1), 213-232.
- Siti Haliza Yusop (2016) *Teori Sastera Bentuk Nilai Dan Modal Insan*. Bh Online.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2015) Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 5, 185-206.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) Kesenambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu*, 4(1), 93-103.
- Siti Zuhaidah Zakeria (2016) *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar*. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, 1-18.

- Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2021) Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat. *International Journal Of The Malay World And Civilisation*, 9(2), 59-67.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, 7, 47-63.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) Akal Budi Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 11(2), 126-140.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 11(2), 126-140.
- Wan Khairul Faiz Wan Kamarull Ariffin (2019) *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan (Umk).
- Wan Nurzafirah Wan Zin (2019) *Analisis Cerpen Terpilih A.Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan (Umk).
- Zaitun Hassan (2015) Dalam Kajiannya Iaitu *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu*. Uum Etd.

Biodata Penulis



Saya, Eiffa Yuhanis Binti Roslan. Genap berusia 24 tahun pada 19 Januari 2022 yang lalu. Dilahirkan di Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai, Johor pada tanggal sembilan belas Januari sembilan belas sembilan puluh lapan bersamaan 20 Ramadhan 1418. Berasal dari negeri di selatan Malaysia iaitu di Felda Sungai Sayong, Kulai, Johor. Memulakan persekolahan peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan LKTP Sungai Sayong sejak tahun 2005 sehingga 2009, kemudian menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2010 di salah sebuah sekolah yang kini telah menjadi Sekolah Kluster Kecemerlangan Fasa 9 iaitu Sekolah Kebangsaan Bandar Tenggara. Dan pada bermula tahun 2011 sehingga tamatnya Tingkatan Lima dengan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2015 di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tenggara. Manakala pada pertengahan bulan September 2016 telah melayakkan pengkaji untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) selama setahun setengah dengan penuh suka dan duka dalam aliran kemanusiaan yang mana pengkaji memilih untuk mempelajari subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif dan Geografi selain daripada subjek teras. Maka, tidak begitu hairan apabila pengkaji menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2018 dan memasuki Elektif Kesusasteraan Warisan. Hal ini demikian kerana, jiwa kesusasteraan itu telah dipupuk sejak pengkaji berada di Tingkatan Enam.

Pengkaji mempunyai sedikit campuran apabila kedua-dua belah ibu dan ayah terlahir daripada keturunan Banjar, Indonesia. Ayah, Roslan Bin Hassan merupakan seorang lelaki hebat yang sanggup berhujuan dan berpanas untuk menyara keluarga dengan hanya memotong rumput. Manakala ibu, Sa'diah Binti Tarlik adalah seorang wanita cecal hatinya, ligat fikirannya, malah hebat dalam membahagiakan suami dan anak-anak meskipun bekerja sebagai seorang akauntan yang kurang masanya bersama di salah sebuah syarikat perladangan di sekitar asalnya. Pengkaji hanya dua beradik, yang mana sulung adalah kakak. Sungguh, hebat percaturan-Nya kini beliau bahagia di samping suami tercinta dan dua puteri kesayangan.

Terakhir, pengkaji kini sedang menjalani baki akhir sebagai seorang mahasiswa tahun 4 di Universiti Malaysia Kelantan dalam Elektif Kesusasteraan Warisan di bawah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Penulisan kajian bermula pada semester keenam dan sehingga semester ketujuh begitu mencabar. Bukan sekadar faktor persekitaran yang kini sedang rancak dengan Virus Covid-19 malahan mencabar dalam mencurahkan idea, menyusun kata dan menghasilkan satu kajian yang sempurna. Walau bagaimanapun, pengkaji bersyukur ke hadrat Allah SWT diberikan peluang dan ruang untuk diterima oleh penyelia yang sudi mencurahkan ilmu, bahkan sanggup berkorban masa dan tenaga iaitu Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob. Meskipun setiap proses yang dilalui sepanjang penulisan kajian ini agak menduga sabar, pengkaji yakin akan ada manis di masa akan datang.

Sekian, itu saja mengenai diri ini. Terima kasih.